

**ANALISIS PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF
OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU KELANTAN (MAIK)**

MOHD RAWIZAL BIN MOHD NAWI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**ANALISIS PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF
OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU KELANTAN (MAIK)**

MOHD RAWIZAL BIN MOHD NAWI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Mohd Rawizal bin Mohd Nawi

No. Pendaftaran/Matrik: IGA130029

Nama Ijazah : Ijazah Sarjana Syariah

Tajuk : Analisis Pelaksanaan Agihan Zakat Produktif Oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja Ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja Ini dan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ANALISIS PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti konsep agihan zakat produktif menurut perspektif syarak dan kaedah pelaksanaannya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melalui program bantuan zakat pemulihan perniagaan terhadap asnaf fakir dan miskin di Kelantan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis tahap keberkesanan program zakat pemulihan perniagaan MAIK melalui perubahan status ekonomi asnaf setelah menerima bantuan zakat dalam tempoh tidak kurang dari satu tahun. Aspek utama yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah beberapa persoalan hukum yang berkaitan dengan konsep pemberian zakat produktif disebabkan timbulnya perbezaan pendapat yang pelbagai di kalangan para ulama. Ia memerlukan penilaian yang bersifat menyeluruh termasuklah mengenalpasti kaedah pelaksanaan agihan zakat produktif oleh MAIK untuk memastikan usaha murni ini dapat memenuhi matlamat agihan zakat produktif yang paling utama iaitu mengeluarkan asnaf fakir dan miskin dari taraf kemiskinan dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan tegar di Kelantan. Melalui kajian soal selidik yang dijalankan, seramai 80 orang responden yang mewakili 10 peratus jumlah penerima bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK telah disasarkan bermula tahun 2014 hingga tahun 2015. Justeru, analisis perubahan tahap pendapatan dan status taraf ekonomi semasa usahawan asnaf dapat dikira berdasarkan kaedah penentuan had kifayah yang layak serta kedudukan tahap pendapatan bulanan isi rumah setelah menerima bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa MAIK amat menitikberatkan pengamalan dasar agihan zakat produktif yang seiring dengan garis panduan yang ditetapkan oleh syarak. Manakala keberkesanan perlaksanaan agihan zakat produktif MAIK pula memperlihatkan kesan

yang positif terhadap peningkatan tahap pendapatan asnaf tetapi masih belum berjaya mentransformasikan sebahagian besar penerima zakat produktif kepada status pembayar zakat. Oleh itu, suatu proses transformasi yang lebih menyeluruh perlu dilakukan oleh MAIK untuk memastikan status golongan fakir dan miskin dari kalangan usahawan asnaf dapat dikurangkan ke tahap yang optimum. Dicadangkan supaya pihak MAIK memperkasakan strategi agihan zakat produktif seperti mempergiatkan usaha promosi, mempertingkatkan kecekapan dan kepakaran pentadbir, melaksanakan pemantauan aktiviti secara berkala, mengadakan bimbingan motivasi asnaf, mempertingkatkan kerjasama dengan institusi luar, memperkembangkan program bengkel kemahiran hidup dan akhirnya memberi kesedaran terhadap peranan para usahawan asnaf zakat sendiri.

ANALISIS PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the concept of productive zakat distribution from the perspective of syara' and its implementation by the Islamic Religious Council And Malay Custom Of Kelantan (MAIK) through zakat aid for business revitalization for the poor and needy people in Kelantan. Besides, this research is also intended to analyze the level of effectiveness of MAIK's zakat aid for business revitalization from the changes of asnaf economic status after receiving the zakat aid in the duration of not less than one year. Major aspect that is observed in this research is several sharia laws related to the concept of productive zakat due to emergence of different opinions among Islamic scholars. This requires a holistic evaluation including to identify the implementation method of productive zakat distribution by MAIK in order to make sure this virtuous effort will be able to fulfill the main purpose of productive zakat distribution, which is to bring out poor and needy asnaf from poverty and subsequently reducing the rate of poverty in Kelantan. From the surveys carried out, as many as 80 respondents representing 10 percent of MAIK's zakat aid for business revitalization recipients were focused on starting from the year 2014 to 2015. Consequently, the analysis of changes in level of income and current economic level of asnaf entrepreneurs can be calculated based on the method of kifayah limit valuation for eligibility and position of domestic monthly income after receiving MAIK's zakat aid for business revitalization. Therefore, it can be concluded that MAIK is very specific in practicing productive zakat distribution policy which is aligned with guidelines from syara'. While the effectiveness in the implementation of MAIK's productive zakat distribution shows positive impact towards the increase of asnaf's level of income but still unable to transform a large part of productive zakat

recipients to zakat payer. Hence, a more holistic transformation process need to be done by MAIK in order to make sure that the status of poor and needy among asnaf entrepreneurs can be reduced to an optimum level. It is suggested so that MAIK strengthen its productive zakat distribution strategy through increasing effort in promoting the programme, improving administrative efficiency and expertise, monitoring of activities from time to time, conducting asnaf motivation guidance, adding more co-operative programme with other institutions, expand life skills workshop and finally spread awareness towards the role of zakat asnaf entrepreneurs themselves.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanya bagi Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpahan rahmat dan izin-Nya saya dapat menyiapkan disertasi ini bagi memenuhi keperluan pengajian Sarjana Syariah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Dr. Luqman bin Abdullah dan Dr. Asmak binti Abd. Rahman selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta berkongsi kepakaran mereka di bidang Fiqh mahupun Ekonomi Islam bagi menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Sāhibu Al-Samāḥah Dato' Mohamad Shukri bin Mohamad, Mufti Negeri Kelantan di atas nasihat dan panduan yang telah diberikan berkaitan persoalan hukum agihan zakat produktif di Kelantan. Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Ustaz Mohd Azmi bin Zakaria, Pegawai Urusan Sumber di Unit Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang telah banyak membantu saya memberikan maklumat berkaitan tajuk ini samada secara lisan mahupun maklumat bercetak. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada staf-staf di Unit Agihan Zakat MAIK yang telah memberikan maklumat berkaitan responden zakat untuk melengkapkan kajian ini.

Selain itu, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada majikan saya, Prof. Dr. Ab. Aziz bin Mohd Zin selaku Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), semua ahli pengurusan tertinggi KIAS, Prof. Madya Dr. Idris bin Awang iaitu mantan Timbalan Ketua Eksekutif (Akademik) KIAS serta pensyarah-pensyarah KIAS yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan kerjasama, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang

kajian ini dilakukan.

Tidak lupa juga kepada para responden, terima kasih kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang sesi soal selidik yang dijalankan. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dihulurkan kepada kedua ibubapa, isteri tercinta dan rakan-rakan seperjuangan di atas sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha murni ini dijayakan.

Semoga disertasi ini dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi umat Islam dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.

JazākumulLāhu Khairal Jazā'

Wassalāmu'alaikum wrt. wbh.

Mohd Rawizal bin Mohd Nawi

Jabatan Syariah dan Ekonomi

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN TAJUK	i
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK/ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SINGKATAN	xviii
PANDUAN TRANSLITERASI	xx
 BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Kepentingan Kajian	12
1.5 Definisi Tajuk	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kerangka Teori	14
1.8 Sorotan Literatur	15
1.9 Metodologi Kajian	20
1.9.1 Metode Pengumpulan Data	20
1.9.2 Metode Analisis Data	24

**BAB DUA : KONSEP AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF MENURUT
PERSPEKTIF SYARAK**

2.1	Pengenalan	
2.1.1	Pengertian Zakat	26
2.1.2	Hukum Dan Sumber Pensyariaan Zakat	28
2.2	Prinsip dan Konsep Agihan Zakat di Malaysia	29
2.2.1	Agihan Zakat Dalam Islam	29
2.2.2	Pembahagian Asnaf Yang Lapan	30
2.2.3	Bentuk-bentuk Agihan Zakat	33
2.2.4	Prinsip Agihan Zakat Menurut Perspektif Syarak	34
2.2.5	Objektif Agihan Zakat Menurut Perspektif Syarak	38
2.2.6	Kaedah Pengagihan Dana Zakat Oleh Institusi Zakat Masa Kini	40
2.3	Definisi Dan Hukum Zakat Produktif Menurut Pespektif Syarak	42
2.3.1	Definisi Zakat Produktif	42
2.3.2	Dasar Hukum Zakat Produktif Menurut Ulama Klasik Dan Kontemporari	43
2.3.3	Kedudukan Hak Milik Zakat Produktif Menurut Perspektif Syarak	46
2.3.4	Persoalan Kadar Agihan Zakat Produktif Menurut Perspektif Syarak	48
2.3.5	Fatwa Kontemporari Mengenai Agihan Zakat Produktif	60
2.3.6	Syarat-syarat Agihan Zakat Produktif	62
2.4	Golongan Asnaf Yang Menerima Zakat Produktif	63
2.4.1	Definisi Asnaf Fakir dan Miskin Menurut Perspektif Syarak	63
2.4.2	Syarat-syarat Ke Atas Fakir dan Miskin Yang Berhak Menerima Zakat Produktif	65
2.4.3	Penentuan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Had Kifayah	69

2.5	Keberkesanan Zakat Produktif Dari Perspektif <i>Maqāṣid al-Syarīah</i> (Tujuan Syarak)	74
2.6	Peranan Zakat Produktif Dalam Pembasmian Kemiskinan	76
2.7	Kesimpulan	80

**BAB TIGA : PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF OLEH MAJLIS
AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)**

3.1	Pengenalan Ringkas Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	82
3.1.1	Organisasi Pentadbiran MAIK	84
3.1.2	Bidang Kuasa MAIK	86
3.1.3	Strategi Gerak Kerja MAIK	88
3.1.4	Polisi Agihan Zakat MAIK	89
3.2	Latar Belakang Bahagian Baitulmal dan Unit Agihan Zakat MAIK	92
3.2.1	Pengenalan Unit Agihan Zakat MAIK	93
3.2.2	Struktur Organisasi Pentadbiran Unit Agihan Zakat MAIK	94
3.2.3	Aktiviti Unit Agihan Zakat MAIK	95
3.3	Prosedur Permohonan Zakat Di Unit Agihan Zakat MAIK	97
3.3.1	Bentuk Bantuan Zakat Produktif MAIK	102
3.3.2	Prosedur Permohonan Zakat Produktif	104
3.3.3	Polisi dan Syarat-syarat Permohonan Zakat Produktif	104
3.3.4	Kakitangan Pengurusan Agihan Zakat Produktif	107
3.3.5	Konsep Bantuan Zakat Produktif	108
3.3.6	Pendekatan Promosi Program Bantuan Zakat Produktif	111
3.4	Penetapan Had Kifayah Negeri Kelantan	112
3.4.1	Kriteria Penetapan Had Kifayah Negeri Kelantan	114

3.4.2	Kaedah Pengiraan Had Kifayah Negeri Kelantan	118
3.5	Kesimpulan	121

**BAB EMPAT : ANALISIS KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
(MAIK)**

4.1	Latar Belakang Dan Taraf Hidup Masyarakat Negeri Kelantan	123
4.2	Pelaksanaan Program Agihan Zakat Produktif MAIK	125
4.3	Analisis Dana Agihan Zakat Produktif MAIK	127
4.4	Analisis Soal Selidik Asnaf Terhadap Keberkesanan Agihan Zakat Produktif MAIK:	130
4.4.1	Analisis Keberkesanan Zakat Produktif MAIK Terhadap Tahap Pendapatan Asnaf	133
4.4.2	Analisis Keberkesanan Zakat Produktif MAIK Terhadap Peningkatan Taraf Ekonomi Asnaf	138
4.4.3	Analisis Faktor Kegagalan Perkembangan Perusahaan Usahawan Asnaf MAIK	143
4.5	Isu-isu Fiqh Dan Pentadbiran Dalam Pelaksanaan Agihan Zakat Produktif MAIK:	145
4.5.1	Penilaian Terhadap Penerapan Konsep Syariah Zakat Produktif MAIK	145
4.5.1.1	Konsep Pemilikan Zakat Melalui Akad <i>al-Tamlīk</i>	145
4.5.1.2	Konsep Penentuan Kadar Agihan Zakat Produktif MAIK	146
4.5.1.3	Pengamalan Prinsip-prinsip Agihan Zakat Produktif MAIK	149
4.5.2	Penilaian Terhadap Prosedur Permohonan Zakat Produktif MAIK	152
4.5.3	Penilaian Terhadap Polisi dan Syarat-syarat Khusus	

Permohonan Zakat Produktif MAIK	155
4.5.4 Penilaian Terhadap Tenaga Pakar Dalam Program Bantuan Zakat Produktif	158
4.5.5 Penilaian Terhadap Profesionalisme Pengurusan Program Bantuan Zakat Produktif	159
4.6 Kesimpulan	165

BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	167
5.2 Rumusan Kajian	167
5.3 Cadangan	171
5.4 Penutup	181
Bibliografi	183

SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 2.4.3	Penentuan Had Kifayah di Selangor 72
Jadual 3.4.1(a)	Kategori Penerima dan Tanggungan Mengikut Definisinya 115
Jadual 3.4.1(b)	Kategori Perbelanjaan Ketua Keluarga 117
Jadual 3.4.1(c)	Kategori Perbelanjaan Remaja Bersekolah 117
Jadual 3.4.2(a)	Ringkasan Had Kifayah 6 Orang Isi Rumah 118
Jadual 3.4.2(b)	Pengkelasan Kategori Asnaf Fakir dan Miskin 118
Jadual: 3.4.2(c)	Contoh Pendapatan Isi Rumah 119
Jadual 3.4.2(d)	Kadar Had Kifayah Mengikut Kategori Isi Rumah 120
Jadual 4.3	Jumlah Peruntukan, Agihan dan Penerima Bantuan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK Dari Tahun 2010 Hingga 2015 129
Jadual 4.4(a)	Profil Demografi Responden 131
Jadual 4.4(b)	Profil Perusahaan Responden 132
Jadual 4.4.1(a)	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Keberkesanan Zakat Pemulihan Perniagaan Untuk Melonjakkan Pendapatan 134
Jadual 4.4.1(b)	Data Analisis Perubahan Status Pendapatan Usahawan Asnaf Selepas Menggunakan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK 135
Jadual 4.4.1(c)	Analisis Keberkesanan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK Mengikut Status Pendapatan Asnaf 136
Jadual 4.4.2(a)	Formula Pengiraan Taraf Ekonomi Usahawan Asnaf 139
Jadual 4.4.2(b)	Kalkulator Formula Pengiraan Status Ekonomi Asnaf 140
Jadual 4.4.2(c)	Analisis Keberkesanan Zakat Pemulihan Perniagaan

	MAIK Terhadap Peningkatan Taraf Ekonomi Asnaf	141
Jadual 4.4.3	Analisis Faktor Kegagalan Usahawan Asnaf	
	Mengembangkan Perusahaan dan Menjana Pendapatan	143
Jadual 4.5.2(a)	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Usaha	
	Pemantauan Berkala oleh MAIK	152
Jadual 4.5.2(b)	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Proses	
	Penerangan / motivasi oleh MAIK	154
Jadual 4.5.3	Analisis Tempoh Pengalaman Responden Terhadap	
	Perusahaan	156
Jadual 4.5.5	Analisis Keberkesanan Promosi dan Pendekatan Program	
	Bantuan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK	160

SENARAI RAJAH

	HALAMAN	
Rajah 1.7	Kerangka Teori Analisis Pelaksanaan Agihan Zakat Produktif	15
Rajah 3.1.1	Struktur Organisasi MAIK	85
Rajah 3.2.2	Carta Organisasi Pentadbiran Unit Agihan MAIK	95
Rajah 3.3	Carta Alir Proses Permohonan Zakat MAIK	101
Rajah 4.1	Populasi Penduduk Negeri Kelantan Mengikut Etnik Sehingga 2015	124
Rajah 4.2	Peratus Peruntukan Tahunan Bantuan Zakat MAIK Tahun 2015	126
Rajah 4.3	Jumlah Peruntukan Agihan Zakat Pemulihan Perniagaan 2010 – 2015	127
Rajah 4.5.5	Carta Alir Proses Permohonan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK	163

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A : Garis Panduan Agihan Zakat MAIK
- LAMPIRAN B : Laporan Agihan Zakat MAIK
- LAMPIRAN C : Borang Soal Selidik Usahawan Asnaf
- LAMPIRAN D : Soalan Temubual Separa Berstruktur Bersama Pegawai
Urusan Sumber MAIK
- LAMPIRAN E : Soalan Temubual Separa Berstruktur Bersama Mufti
Negeri Kelantan
- LAMPIRAN F : Borang Permohonan Zakat MAIK
- LAMPIRAN G : Garis Panduan Had Kifayah Negeri Perak
- LAMPIRAN H : Kalkulator Pengiraan Had Kifayah dan Status Asnaf

SINGKATAN

A.S.	:	<i>'Alayh al-Salām.</i>
AIM	:	Amanah Ikhtiar Malaysia
cet.	:	Cetakan. daripada dua orang.
ed.	:	Editor
EMAIAIMK:		Undang-undang Zakat Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat
EPU	:	Unit Perancang Ekonomi
<i>et al.</i>	:	et alibi, dan rakan-rakan, menunjukkan pengarang (editor) lebih
<i>Ibid.</i>	:	Ibidem, singkatan untuk rujukan yang berturut-turut.
IKS	:	Industri Kecil dan Sederhana
IPT	:	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	:	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAWHAR	:	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
KDYMM	:	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
KUAZ	:	Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat
LZS	:	Lembaga Zakat Selangor
MAIK	:	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
no.	:	Nombor.
PGK	:	Pendapatan Garis Kemiskinan
PZS	:	Pusat Zakat Selangor
R.A	:	<i>Raḍīa Allāh 'anh / 'anhā / 'anhum.</i>
RM	:	Ringgit Malaysia

RMK	:	Rancangan Malaysia Ke-
S.A.W	:	<i>Ṣalla Allāh ‘alayh wa Sallam.</i>
S.W.T	:	<i>Allah Subḥānah wa Ta‘āla.</i>
SPSS	:	Statistical Package for the Social Science
t.p.	:	Tanpa penerbit.
t.t	:	Tanpa tarikh.
t.tp.	:	Tanpa tempat.
TEKUN	:	Yayasan Tekun Nasional
terj.	:	Terjemahan.
YIK	:	Yayasan Islam Kelantan

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

1. HURUF KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Roman
ا، ء	a, 'a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'ayn
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k

ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
ة	h,t

2. VOKAL PENDEK

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh Asal	Transliterasi
اَ	A	قَنْتَ	<i>Qanata</i>
اِ	I	سَلِمَ	<i>Salima</i>
اُ	U	جُعِلَ	<i>Ju'ila</i>

3. VOKAL PANJANG

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh Asal	Transliterasi
اِى	Ā	بَابٌ، كُبْرَى	<i>Bāb, kubrā</i>
يِ	Ī	وَكَيْلٌ	<i>Wakīl</i>
وِ	Ū	سُورَةٌ	<i>Sūrah</i>

4. DIFTONG

Diftong	Transliterasi	Contoh Asal	Transliterasi
وَاوْ	aw	قَوْلٌ	<i>Qawl</i>
يَاوْ	ay	خَيْرٌ	<i>Khayr</i>
وَاوْوَاوْ	uww	قُوَّةٌ	<i>Quwwah</i>
يَاوْ	iy/i	عَرَبِيٌّ	<i>'arabiyī</i>

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemiskinan telah menjadi agenda yang diberikan keutamaan oleh kerajaan Malaysia sejak 13 Mei 1969 melalui pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Terdapat dua objektif utama DEB iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan menyusun semula masyarakat supaya kekayaan negara dapat diagihkan secara adil dan saksama. Sehingga kini, isu kemiskinan masih lagi menjadi salah satu cabaran dan halangan ke arah pembangunan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.¹

Dalam Islam, aspek pembangunan dan membasmi kemiskinan turut menjadi isu yang diberi perhatian. Salah satu daripada langkah bagi menjayakan agenda tersebut ialah melalui agihan dana zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Di dalam ajaran Islam juga menuntut agar usaha membasmi kemiskinan menjadi tugas kepada seluruh individu dan pihak swasta. Tanggungjawab ini amat sinonim dengan institusi zakat yang merupakan institusi penting mendokong prinsip-prinsip mengambil berat antara sesama individu dan mencapai taraf sosial yang baik. Ibadat zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima telah menjadi kewajipan kepada umat Islam.² Zakat amat besar peranannya dalam aspek ekonomi iaitu menyelesaikan masalah kemiskinan.³

¹ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 42.

² Azman Ab. Rahman et al., "Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Mengintegrasikan Keharmonian Ummah" (makalah Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic, 2014), 501.

³ Yusri bin Mohamad Ramli, "Mempertingkatkan Peranan Institusi Zakat", *Xinnira Lubayna*, dikemaskini 11 Julai 2009, disemak 17 Februari 2017, <http://xinniralubayna.blogspot.com/2009/07/mempertingkat-peranan-institusi-zakat.html?m=1>

Firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ۖ لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ



al-Ma‘ārij 70: 24-25

Maksudnya: “Dan orang-orang yang dalam hartanya tersedia bagian tertentu. Bagi orang (miskin) yang meminta dan orang yang tidak mempunyai apa-apa (yang tidak mahu meminta)”

Rasulullah S.A.W. sendiri tidak pernah mempertikaikan bahawa tujuan utama zakat melainkan untuk memulihkan penyakit kemiskinan yang dihadapi oleh umat Islam berdasarkan hadith Nabi S.A.W ketika baginda mengutus Mu‘az bin Jabal ke Yaman.⁴

فَاعْلَمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ
وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ. — رواه البخارى

Maksudnya: “Maka beritahukanlah bahwa Allah telah mewajibkan atas mereka sedekah (zakat) dari harta mereka yang diambil dari orang-orang kaya mereka dan diberikan kepada orang-orang fakir mereka”.⁵

Seterusnya, polisi agihan zakat secara mencukupkan keperluan golongan fakir dan miskin diamalkan oleh khalifah selepas Baginda S.A.W seperti Saidina ‘Umar Al-Khaṭṭāb R.A. dan Saidina ‘Umar bin Abdul ‘Azīz R.A dalam usaha mencapai objektif melepaskan mereka dari belenggu kemiskinan.⁶

⁴ Haji Ismail Hashim, *Syariah Zakat, Sedekah dan Infak* (Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t), 169-172.

⁵ Al-Bukhāri, *Sahīh al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Şofa), 1:307 (no. hadith 1395).

⁶ Abū ‘Ubaid al-Qāsim bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirūt: Dār al-Syurūq, 1989), 671-672 (no. 1777-1779).

Dalam konteks masa kini, salah satu jenis bantuan yang telah disalurkan oleh pihak institusi zakat bagi memastikan golongan asnaf fakir dan miskin dapat meningkatkan taraf hidup ialah bantuan dalam bentuk modal perniagaan. Pemberian modal ini diharap dapat menjana pendapatan jangka panjang dan membantu mentransformasikan mereka menjadi usahawan dan seterusnya berubah dari penerima zakat kepada pembayar zakat.⁷ Majoriti mereka menceburi bidang perniagaan kerana ingin mendapatkan pendapatan bagi menyara kehidupan dan keluar daripada kepompong kemiskinan.⁸ Skim bantuan modal perniagaan ini mendapat sambutan daripada golongan asnaf fakir dan miskin memandangkan syarat yang ditetapkan ini agak mudah seperti hanya perlu menunjukkan bukti menerusi lesen perniagaan tanpa dikenakan syarat lain.⁹

Islam sangat menggalakkan kepada umatnya agar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Ini dijelaskan dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Daripada Rafi' bin Hadij bahawa Rasulullah S.A.W ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab, maksudnya "*Kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati.*" – (Musnad Imam Ahmad: No. 16628.)

Berdasarkan hadith tersebut menjelaskan kepada kita bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.¹⁰ Justeru dengan itu, pengagihan zakat yang cekap dan berkesan adalah salah satu elemen yang penting dalam membasmi masalah kemiskinan. Institusi yang

⁷ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat", *Jurnal Pengurusan* 33 (2011), 37.

⁸ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "*Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor*", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 55.

⁹ Rosbi et al., "Strategi Pembangunan", 38.

¹⁰ Isma Addi Jumbri et al., "*Pembangunan Modal Insan*", 49.

dikategorikan sebagai cekap akan melaksanakan kutipan zakat secara optimum serta melakukan agihan zakat kepada asnaf yang layak menerimanya secara teratur. Di Malaysia sebagai contohnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP) adalah antara jabatan yang dikategorikan sebagai cekap¹¹ dan telah mengambil langkah pragmatik dengan memperkenalkan program pembangunan ekonomi dengan mewujudkan dana bantuan modal perniagaan kepada asnaf zakat. Ianya merupakan langkah berani dan proaktif kerana selama ini pengagihan zakat hanya berlegar dalam isu sosial dan pendidikan.¹²

Di Negeri Selangor juga, usaha yang dimainkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam membangunkan golongan fakir dan miskin atau lebih dikenali sebagai asnaf menjadi usahawan sejak tahun 2003 lagi dilihat turut seiring dengan hasrat kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan khususnya dalam kalangan golongan Melayu beragama Islam¹³. Menyedari kepentingan ini, LZS mengambil langkah yang proaktif dalam memberikan bantuan kewangan berupa modal kepada mereka yang betul-betul layak dan menepati syarat untuk mendapatkan bantuan modal perniagaan ini.¹⁴ Keberkesanan program pembangunan ekonomi melalui agihan dana zakat modal yang disasarkan oleh Lembaga Zakat Selangor mencatatkan sejumlah 110 orang usahawan berjaya keluar dari status asnaf pada tahun 2011¹⁵, kemudian meningkat kepada 219 orang pada tahun 2012¹⁶ tetapi menurun kepada 51 orang usahawan sahaja

¹¹ Noor Haslina Mohammad Akhir dan Ismar Liza Mahani Ismail, "Kecekapan Pengurusan Institusi Zakat: Strategi Kearah Peningkatan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat", dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, (Kuala Lumpur, 2015), 75-76.

¹² Azman Ab. Rahman et al., "Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Mengintegrasikan Keharmonian Ummah" (makalah Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic, 2014), 501.

¹³ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 42.

¹⁴ *Ibid.*, 47-48.

¹⁵ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor* (Tahun 2011), 11.

¹⁶ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor* (Tahun 2012), 41.

pada tahun 2013¹⁷ dan seterusnya seramai 221 orang berjaya keluar dari kategori asnaf bagi tahun 2014¹⁸. Oleh itu, jelaslah bahawa usaha LZS dalam melahirkan golongan usahawan asnaf ini boleh dikatakan berkesan dan pendekatan yang digunakan oleh LZS bukan sia-sia bahkan jika ditadbir urus dengan cekap tanpa ketirisan pastinya usaha ke arah pembasmian kemiskinan di negeri Selangor akan dapat direalisasikan.¹⁹ Pada pandangan penulis, mekanisme pelaksanaan agihan zakat modal oleh LZS boleh dijadikan model contoh oleh institusi zakat yang lain untuk memastikan kejayaan mentransformasikan golongan fakir dan miskin dapat dicapai.

Di negeri Kelantan, satu perkara yang dilihat menarik ialah penglibatan yang konsisten dan bersungguh-sungguh oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) untuk memastikan kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan di Kelantan. MAIK bukan hanya sekadar mengelola pengumpulan dan pengurusan wang zakat daripada orang yang mampu kepada asnaf malah melaksanakan program yang memberikan impak untuk jangka panjang.²⁰ Ini terbukti bahawa aktiviti perniagaan di Kelantan merupakan antara aktiviti yang banyak diceburi oleh masyarakat Islam fakir dan miskin yang merupakan asnaf zakat. Oleh itu, amat bertepatan sekiranya tumpuan terhadap pembangunan ekonomi asnaf fakir dan miskin dilaksanakan melalui bantuan modal zakat untuk membantu mentransformasikan aktiviti perniagaan mereka.

Walaupun begitu, timbul persoalan di kalangan pemimpin mahupun golongan akademik bahawa mengikut jumlah kutipan zakat, tidak sepatutnya wujud lagi golongan fakir dan miskin di Kelantan. Malah tidak seharusnya Kelantan berada dalam kedudukan negeri-negeri termiskin di Malaysia, memandangkan majoriti penduduk

¹⁷ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor* (Tahun 2013), 5.

¹⁸ Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor* (Tahun 2014), ii.

¹⁹ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 53

²⁰ Rosdi Ab. Rahman, "Kadar Kemiskinan di Kelantan Turun", *Sinar Harian*, 3 Disember 2015, 11.

Kelantan adalah orang Islam. Berdasarkan perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kelantan merupakan negeri kedua mencatatkan bilangan penerima bantuan JKM tertinggi di Malaysia. Tahun 2010 sahaja, jumlah penerima bantuan JKM adalah 30,751 orang berbanding 26,099 orang pada tahun sebelumnya.²¹ Kajian juga mendapati peratus agihan zakat di Kelantan menurun dengan ketara dari tahun ke tahun bermula tahun 2003 hingga 2007, iaitu 82.8% pada tahun 2003 kepada 73.8% pada tahun 2004, seterusnya menurun kepada 68.8% pada tahun 2005, 61% pada tahun 2006 dan akhirnya menurun lagi pada tahun 2007 sehingga 60.5%.²² Tetapi bermula tahun 2008 hingga 2012, peratus agihan zakat di Kelantan mula menunjukkan peningkatan disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah pengurusan yang semakin cekap, kaedah agihan yang sistematik dan sebagainya.²³ Namun begitu, peratusan ini hanya dilihat secara umum tanpa dikhususkan kepada bentuk agihan zakat untuk bantuan modal perniagaan semata-mata yang masih menjadi tanda tanya. Oleh itu, satu usaha ke arah merealisasikan program pembangunan ekonomi asnaf fakir dan miskin di Kelantan perlu diperluas dan diperhebatkan oleh pihak institusi zakat di Kelantan melalui bantuan dana zakat modal kepada mereka.

Kesimpulannya, pembangunan usahawan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin dengan menggunakan dana zakat dilihat sangat perlu dalam mendepani arus globalisasi dan seterusnya memecahkan kemelut kemiskinan melalui usaha mereka sendiri.²⁴ Ini adalah kerana kaedah pemberian zakat dalam bentuk modal atau pemulihan perniagaan adalah berbeza dengan agihan zakat secara saraan bulanan, pemulihan rumah kediaman,

²¹ Laman sesawang Gelombang Wangsa Maju, dikemaskini 23 Februari 2012, <http://mediawangsamaju.blogspot.com/2012/02/nik-aziz-bingung-rm-835-juta-kutipan.html?m=1>

²² Md. Hairi bin Md. Hussain, "Keberkesanan Sistem Agihan Zakat: Suatu Pandangan Awal" (t.tp., 2009), 13-15.

²³ Ahmad Fahme Mohd Al et al., "Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat", *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (2014), 16.

²⁴ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 51.

kecemasan dan sebagainya yang hanya bersifat sementara sahaja. Manakala agihan zakat produktif adalah lebih bersifat progresif dan mampu mengubah kehidupan asnaf ke arah yang lebih baik malah mengeluarkan mereka dari belunggu kemiskinan. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa transformasi usahawan dalam kalangan asnaf sebagai usahawan bukanlah fantasi tetapi merupakan realiti.²⁵

1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Dalam merungkai permasalahan yang wujud ekoran daripada analisis fakta-fakta primer mahupun sekunder berkaitan agihan dana zakat produktif boleh dibahagikan kepada beberapa isu yang utama iaitu:

1. **Masalah Kajian Pertama:** Perbezaan pendapat di antara ulama klasik dan kontemporari terhadap hukum zakat produktif menjadi isu yang perlu diketengahkan. Ini adalah kerana Al-Quran tidak memperincikan secara jelas mengenai beberapa perkara yang menjadi persoalan hukum pemberian zakat produktif seperti bentuk agihan zakat produktif, kadar agihan zakat produktif, kedudukan hak milik zakat produktif dan sebagainya. Dalam hal ini, ia memerlukan kepada kaedah ijtihad bagi mengeluarkan hukum yang seiring dengan perkembangan semasa. Oleh yang demikian, institusi zakat seperti MAIK hendaklah mengamalkan konsep agihan zakat produktif mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak berlandaskan kaedah usul fiqh mahupun falsafah *maqāsid al-syarī'ah* (tujuan syarak). Selain dari itu, tinjauan terhadap pengamalan yang bertepatan dengan prinsip syariah juga tidak harus mengetepikan aspek memenuhi matlamat agihan zakat produktif yang paling utama iaitu mengeluarkan asnaf fakir dan miskin dari taraf kemiskinan yang seterusnya mengurangkan kadar

²⁵ *Ibid.*, 55.

kemiskinan tegar di Kelantan. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk mengenalpasti konsep agihan zakat produktif mengikut perspektif syarak yang dilaksanakan oleh MAIK adalah seiring dengan pencapaian matlamat utama zakat produktif atau sebaliknya.

2. **Masalah Kajian Kedua:** Pengagihan zakat yang cekap dan berkesan adalah salah satu elemen yang penting dalam mengatasi masalah kemiskinan²⁶ melalui pelaksanaan program pembangunan ekonomi dengan agihan zakat produktif di Kelantan. Justeru, dalam satu kajian mengenai masalah kecekapan MAIK dalam mengurus agihan zakat yang dibuktikan melalui analisis skor kecekapan menggunakan kaedah Analisis Penyampulan Data (DEA) 2009 yang mana MAIK telah dikategorikan sebagai kurang cekap (>0.5) berbanding tiga negeri lain yang terpilih iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.²⁷ Rentetan daripada itu, hasil tinjauan awal penulis mendapati terdapat beberapa isu yang boleh diketengahkan hasil daripada pengurusan program bantuan zakat produktif MAIK. Antaranya ialah aspek penekanan terhadap tujuan pelaksanaan program zakat produktif MAIK sekadar untuk membantu golongan fakir dan miskin yang memerlukan bantuan modal perniagaan untuk menambah pendapatan keluarga sahaja. Sedangkan peranan zakat tidak lagi tertumpu kepada memenuhi keperluan semasa umat Islam tetapi sudah melangkaui tujuan melepaskan masyarakat dari garis kemiskinan.²⁸ Dari aspek pengurusan MAIK, diantara kelemahan yang dikenalpasti ialah tiada pemantauan berkala atau kajian secara bersepadu dilakukan oleh MAIK terhadap usaha tersebut bagi mengetahui hasil kejayaan program yang

²⁶ Azman Ab. Rahman et al., "Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Mengintegrasikan Keharmonian Ummah" (makalah Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic, 2014), 501.

²⁷ Noor Haslina Mohammad Akhir dan Ismar Liza Mahani Ismail, "Kecekapan Pengurusan Institusi Zakat: Strategi Kearah Peningkatan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat", dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, (Kuala Lumpur, 2015), 75.

²⁸ Mohd Saufi Ismail, Dr. Hasan Bahrom dan Wan Yusrol Wan Yusof, "Kajian Terhadap Corak Agihan Dan Pembentukan Modul Agihan Zakat Di Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin Di Negeri Pantai Timur" (Universiti Teknologi MARA (UiTM), 2006), 8.

dilaksanakan. Tiada laporan spesifik dinyatakan dalam buku Laporan Tahunan MAIK yang menjelaskan mengenai tahap perkembangan, tahap pendapatan mahupun peningkatan taraf ekonomi golongan penerima zakat produktif selepas menjalani suatu tempoh tertentu setelah menggunakan modal zakat. Selain itu, didapati prosedur dan syarat permohonan bantuan zakat produktif yang dilaksanakan tiada perbezaan ketara berbanding permohonan bantuan zakat yang lain seperti bantuan pelajaran, bantuan pemulihan rumah kediaman, bantuan kecemasan dan sebagainya. Ini menggambarkan bahawa program agihan zakat produktif MAIK hanyalah semata-mata untuk mempelbagaikan bentuk agihan zakat dan tidak mempunyai objektif atau matlamat yang lebih jauh. Daripada penjelasan informan temubual, pihak MAIK didapati tidak mampu mendapatkan produk yang telah berjaya hasil daripada pelaksanaan program bantuan zakat produktif untuk dijadikan “model contoh” di dalam pertandingan antara negeri di peringkat Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).²⁹ Ini sudah tentu menzahirkan kurangnya kesungguhan pihak MAIK terhadap usaha yang mempunyai potensi yang sangat besar terhadap kesan ekonomi golongan fakir dan miskin di Kelantan.

- 3. Masalah Kajian Ketiga:** Senario pembayaran zakat di Malaysia pada keseluruhannya menampakkan peningkatan yang sungguh menggalakkan. Begitu juga peningkatan prestasi kutipan zakat di Kelantan yang semakin meningkat, maka usaha pengagihan zakat juga didapati meningkat selari dengan jumlah kutipan zakat.³⁰ Berdasarkan kepada laporan, jumlah dana bantuan pemulihan perniagaan yang di jalankan oleh MAIK pada tahun 2010 hingga tahun 2015 amat

²⁹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

³⁰ Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, “Peranan Institusi Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Malaysia” dalam *Sustainable Development Through The Islamic Economics System*, (Kertas Kerja, Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013), 2013), 93.

memberansangkan dan menunjukkan adanya permintaan yang positif terhadap bantuan modal perniagaan (zakat produktif) yang mana jumlah perbelanjaan dilihat sentiasa mencecah angka seratus-peratus dari peruntukan tahunan. Oleh kerana bantuan modal perniagaan memerlukan dana yang besar, pihak MAIK haruslah seimbang dari segi perbelanjaan agihan zakat dan memastikan usaha yang dilakukan mampu mencapai tujuan utama agihan zakat produktif. Bahkan program bantuan modal perniagaan akan dilihat suatu usaha yang sia-sia apabila peratus kejayaan untuk mentransformasikan usahawan asnaf tidak mencapai sasaran yang diharapkan rentetan tiadanya usaha pemantauan yang komprehensif, kajian bersepadu dan penambahbaikan terhadap program yang dilaksanakan. Faktor ini mungkin menjadi punca kepada sebahagian asnaf yang melaksanakan perniagaan secara sambil lewa³¹ bahkan bantuan modal zakat daripada MAIK pula didakwa peniaga-peniaga kecil kerap mengalami kegagalan dalam perniagaan masing-masing.³² Sedangkan menurut satu kajian mendapati bahawa hampir 80% usaha bantuan terhadap usahawan melalui pemberian dana zakat produktif boleh berkembang dan mampu meningkatkan ekonomi mereka sebagai pemberi zakat, bukan penerima zakat lagi.³³ Oleh itu, penulis ingin mencadangkan satu analisis penilaian terhadap tahap perubahan ekonomi usahawan asnaf yang menerima zakat produktif MAIK bagi menyokong permasalahan kajian ini.

³¹ Noor Haslina Mohammad Akhir dan Ismar Liza Mahani Ismail, “Kecekapan Pengurusan Institusi Zakat: Strategi Kearah Peningkatan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat”, dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, (Kuala Lumpur, 2015), 80.

³² Nurul Ilyana Muhd. Adnan, “Kredit Mikro Dan Pembiayaan Daripada Dana Zakat Di Kelantan: Satu Cadangan Penyelidikan”, laman sesawang *ISDEV-INGRAW10*, dikemaskini 21-22 September 2010, dicapai 17 Februari 2017, <https://isdevingraw10.wordpress.com/abstract/>

³³ Laman sesawang *Halaman Riau*, dicapai 9 Februari 2015, http://www.haluanriaupress.com/index.php?option=com_content&view=article&id=4804:zakat-produktif-kuatkan-ekonomi-rakyat-&catid=75:halaman-17&Itemid=85

Oleh itu persoalan kajian yang akan dikaji oleh penulis ialah:

1. Apakah konsep agihan zakat produktif dari perspektif syarak yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
2. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan agihan zakat produktif oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) kepada usahawan asnaf fakir dan miskin di Kelantan?
3. Apakah status keberkesanan program pembangunan ekonomi golongan fakir dan miskin melalui pemberian zakat produktif terhadap usahawan asnaf di negeri Kelantan?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Bertitik tolak dari pemilihan tajuk dan permasalahan kajian tadi, penulis telah membentuk beberapa objektif ke atas kajian ini. Antaranya:

1. Mengkaji konsep agihan zakat produktif mengikut perspektif syarak kepada usahawan asnaf fakir dan miskin oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
2. Mengenalpasti kaedah pelaksanaan program agihan zakat produktif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) kepada usahawan asnaf fakir dan miskin.
3. Menganalisis keberkesanan program agihan zakat produktif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) terhadap status ekonomi golongan fakir dan miskin di negeri Kelantan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Menjadi panduan dan rujukan kepada penulis dan penulis-penulis yang lain untuk terus membuat penyelidikan dalam bidang zakat yang berpotensi untuk membangun ekonomi umat Islam khususnya di Malaysia.
2. Memberi pendedahan kepada masyarakat, pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga atau pelajar IPT untuk lebih berjaya dalam bidang yang diceburi bagi memastikan masalah kemiskinan dapat diatasi bersama.
3. Menjadi rujukan kepada Jabatan Mufti, Majlis Agama Islam Negeri, Pusat Zakat Negeri dan Baitulmal dalam merangka program pembangunan ekonomi yang lebih efektif pada masa akan datang.
4. Memberi sumbangan kepada pihak kerajaan dan badan-badan yang berkaitan dalam membangunkan sosioekonomi yang mapan dan sejahtera.

1.5 DEFINISI TAJUK

Dalam kajian ini, terdapat dua elemen utama telah dikenalpasti oleh penulis yang mempunyai implimentasi terhadap kejayaan pembangunan sosioekonomi golongan asnaf fakir dan miskin. Yang pertama ialah dari sudut pengamalan konsep agihan zakat produktif yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Ia adalah untuk memastikan bahawa MAIK telah mengikuti garis panduan syarak bagi semua aspek pelaksanaan program agihan zakat secara umumnya dan implimentasi zakat produktif khususnya berlandaskan ketetapan Al-Quran, al-Sunnah mahupun Ijtihad para Ulama. Oleh kerana elemen zakat produktif merupakan bentuk agihan yang baharu, maka suatu kajian dan penelitian yang menyeluruh perlu dilakukan untuk memastikan hukum pelaksanaan zakat produktif tidak terkeluar dari

ketetapan hukum syarak.

Elemen kajian yang kedua ialah aspek pelaksanaan program agihan zakat produktif yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Sistem pengurusan agihan zakat produktif MAIK perlu dinilai secara menyeluruh dan dianalisis secara kompeten yang mana proses pengurusan dan urus tadbir amat mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesuatu program pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana kelemahan pengurusannya dibimbangi boleh menyebabkan agihan dana zakat tidak dilaksanakan dengan adil dan efektif. Tambahan pula penyelewengan yang berlaku di beberapa pejabat zakat turut menyumbang kepada agihan wang zakat yang tidak memuaskan dan seterusnya membuka ruang kepada rungutan atau kritikan orang ramai.³⁴ Selain itu, aspek keberkesanan agihan zakat produktif yang dilaksanakan oleh MAIK juga perlu diambil kira. Aspek ini merupakan tunjang kelangsungan program usahawan asnaf yang mana ia bermatlamatkan untuk memperbaiki taraf kehidupan golongan fakir dan miskin ke arah yang lebih baik. Lebih-lebih lagi objektif sosioekonomi yang utama bagi zakat ialah membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan yang dianggap satu masalah yang serius dalam negara sehingga ia pernah mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969 suatu ketika dahulu.³⁵

1.6 SKOP KAJIAN

1. **Lokasi kajian** ialah Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Faktor ekonomi negeri Kelantan yang mana aktiviti perniagaan dan keusahawanan merupakan bidang yang banyak diceburi oleh masyarakat

³⁴ Md. Hair bin Md. Hussain, "*Keberkesanan Sistem Agihan Zakat: Suatu Pandangan Awal*" (t.tp., 2009), 4.

³⁵ Patmawati Hj Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal", *Jurnal Syariah* 16, Bil. 2 (2008) 223-244, 232-233.

Kelantan adalah tidak dinafikan. Kelantan juga merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang menghadapi krisis kemiskinan yang menjadi salah satu objektif penyelesaian melalui pelaksanaan zakat produktif.³⁶

Aspek Utama kajian ini adalah difokuskan kepada konsep dan kaedah pelaksanaan zakat produktif mengikut perspektif syarak atau lebih dikenali sebagai zakat modal perniagaan untuk membantu usahawan asnaf melalui program pembangunan keusahawanan. Program keusahawanan ini merupakan satu mekanisme dan dianggap kaedah terbaik untuk membasmi kemiskinan usahawan asnaf. Asnaf yang mampu berusaha dan bekerja dikategorikan sebagai produktif, manakala mereka yang tidak berupaya disebabkan lanjut usia, mempunyai masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif. Golongan asnaf yang terpilih akan dikenal pasti berpotensi untuk diketengahkan sebagai usahawan. Program ini berbentuk jangka panjang yang dapat membantu mereka bebas dari kepompong kemiskinan dan seterusnya membangunkan modal insan dan taraf ekonomi mereka.³⁷

1.7 KERANGKA TEORI

Bagi memudahkan pencapaian objektif kajian, penulis telah mengemukakan satu bentuk kerangka teori kajian berdasarkan kepada elemen yang boleh memperkukuhkan teori yang telah diandaikan. Dalam pelaksanaan agihan zakat produktif, elemen yang boleh dilihat sebagai penting dan menjadi penyumbang kepada penyelesaian masalah membebaskan asnaf fakir dan miskin dari garis kemiskinan tegar atau sementara, ia

³⁶ Lihat: Rosdi Ab. Rahman, "Kadar Kemiskinan di Kelantan Turun", Sinar Harian, 3 Disember 2015, 11.

³⁷ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat", *Jurnal Pengurusan* 33 (2011), 38-39.

boleh dilihat berdasarkan kepada konsep pelaksanaan, kaedah pelaksanaan dan aspek keberkesanan program pembangunan ekonomi melalui agihan zakat produktif.

Rajah 1.7: Kerangka Teori Analisis Pelaksanaan Agihan Zakat Produktif



1.8 SOROTAN LITERATUR

Perbincangan mengenai isu zakat produktif jarang diberi perhatian terutamanya dalam kajian-kajian peringkat sarjana seperti Master dan PhD berbanding dengan isu perlaksanaan kutipan zakat itu sendiri. Walaupun begitu, terdapat banyak kajian tempatan dalam bentuk artikel, jurnal, kertas kerja dan seumpamanya yang menyentuh tentang zakat produktif dari pelbagai sudut perbincangan telah dikenalpasti oleh penulis. Oleh itu, penulis merasa terpanggil untuk mencari pendekatan yang terbaik untuk mengupas isu zakat produktif, pelaksanaannya serta impaknya terhadap sosioekonomi masyarakat Melayu Islam yang tergolong dari kalangan usahawan asnaf.

Salah satu disertasi mengenai zakat produktif di peringkat antarabangsa ialah kajian Nurhikmah binti Nursyam yang telah dilaksanakan di daerah Pekanbaru, Riau Indonesia. Beliau telah mendefinisikan bahawa zakat modal disebut sebagai zakat produktif (berkembang), iaitu modal yang diagihkan diharapkan dapat mengembangkan usaha yang sedia ada atau membuka peluang usaha atau pekerjaan baru. Menurutnya lagi, agihan zakat modal yang dilakukan oleh Badan Amil Zakat (BAZ) Riau adalah agihan zakat yang diberikan dalam bentuk wang, peralatan mahupun kursus dengan

tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat miskin di Riau.³⁸ Analisis kajian tersebut mendapati majoriti penerima zakat modal mempunyai pendapatan yang sangat kecil sebelumnya tetapi selepas agihan zakat modal, pendapatan mereka mengalami peningkatan yang memberangsangkan. Seterusnya beliau mendapati 70.8% usahawan asnaf di Riau bertambah kemajuan usahanya dari sudut pembelian alat perniagaan, membaikpulih gerai dan memulakan pekerjaan baru. Oleh yang demikian, beliau membuat kesimpulan bahawa agihan zakat modal mempunyai keberkesanan yang positif dalam meningkatkan ekonomi masyarakat miskin di daerah Pekanbaru, Riau, Indonesia yang boleh dikenalpasti melalui perubahan produktiviti pekerjaan, tahap kesihatan, makanan dan pakaian asasi keluarga serta kemampuan mereka untuk berinfaq selepas menerima agihan zakat modal.³⁹

Selain kajian di luar negara, terdapat banyak kajian ilmiah tempatan yang menyentuh isu zakat produktif terutamanya di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang paling bergiat aktif menghulurkan bantuan modal zakat. Rosbi Ab. Rahman dan Sanep Ahmad di dalam artikel jurnalnya menjelaskan bahawa masalah utama kebanyakan golongan miskin adalah untuk mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan.⁴⁰ Di samping itu menurut Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin pula menyebut bahawa kekurangan modal usahawan asnaf adalah kerana kesempitan hidup dan ditambah pula dengan kesukaran golongan asnaf untuk mendapatkan pinjaman dari bank atau institusi kewangan.⁴¹ Oleh itu, beliau ingin mengenalpasti adakah benar masalah modal menjadi faktor utama kegagalan perniagaan mereka atau

³⁸ Nurhikmah binti Nursyam, "Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin Di Daerah Pekanbaru, Riau: Kajian Di Badan Amil Zakat Riau Indonesia", (disertasi, Universiti Malaya, 2005) 37-38.

³⁹ *Ibid.*, 118-154.

⁴⁰ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat", *Jurnal Pengurusan* 33 (2011), 41-43.

⁴¹ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2 Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 47-48.

adakah terdapat faktor-faktor selain modal yang dijangkakan mempengaruhi kejayaan dan kegagalan bantuan modal zakat yang diberikan kepada asnaf untuk menjalankan perniagaan⁴². Hasil kajian tersebut mendapati antara ciri dan faktor penting yang mempengaruhi kejayaan sesuatu perusahaan atau perniagaan ialah ciri keperibadiannya (faktor dalaman) dan dibantu dengan faktor luaran lainnya seperti umur, jantina, tempoh perniagaan, pemantauan pusat zakat, ciri dan sifat perniagaan, interaksi sosial, pengurusan dan pentadbiran pusat zakat, kecukupan saiz bantuan modal, kemahiran sosial, fleksibiliti modal, pengambil risiko dan sikap optimis penerima bantuan zakat modal.⁴³

Selain daripada itu, kajian beliau yang lain bersama Hairunnizam Wahid pula menggunakan pendekatan yang berbeza dalam mengenalpasti faktor kegagalan bantuan zakat modal iaitu secara perbandingan dengan bantuan oleh institusi-institusi yang lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Tekun Nasional (TEKUN). AIM dikatakan mempunyai kadar kejayaan bantuan yang tinggi dan telah dapat mengatasi masalah kemiskinan peserta atau penerima bantuan walaupun bantuan ini ditawarkan dalam bentuk skim pinjaman modal perniagaan atau pembiayaan kredit mikro yang perlu dibayar balik. Peranan AIM terus diperkukuhkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-(8)) dan Kesembilan (RMK-(9)) untuk membantu membasmi kemiskinan tegar di seluruh negara dan mengurangkan separuh kemiskinan kepada 2.8 peratus menjelang tahun 2010. Beliau merumuskan bahawa bantuan modal zakat mempunyai perbezaan ketara dari aspek jumlah bantuan, kaedah pemantauan dan pemberian percuma yang menjadi penyumbang utama kegagalan yang berlaku. Oleh itu beliau mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian dapat

⁴² Rosbi Abd Rahman, "Strategi Pembangunan", 39.

⁴³ *Ibid.*, 41-43

dilakukan dalam usaha membantu keberkesanan bantuan modal oleh institusi zakat.⁴⁴

Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin pula membuktikan bahawa usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor telah berjaya membangunkan usahawan asnaf. Ini adalah kerana prestasi perniagaan mereka berbanding tahun 2009 menunjukkan peningkatan yang positif selepas menerima bantuan zakat modal. Didapati sebahagian besar daripada golongan asnaf yang menerima bantuan modal zakat mendapat untung bersih bulanan sebanyak RM 1000 hingga RM 2000, iaitu sebanyak 56.25% bilangan usahawan asnaf. Kebanyakan mereka yang mampu menjana pendapatan yang tinggi adalah mereka yang telah berkecimpung dalam bidang perniagaan melebihi 3 tahun. Ini memperjelaskan kepada kita bahawa usaha yang berterusan daripada pihak Lembaga Zakat Selangor adalah sangat penting dalam merangsang usahawan asnaf agar terus maju dalam perniagaan.⁴⁵

Dalam kajian Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad mengenai keberkesanan bantuan zakat modal dari perspektif penerima zakat di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, satu penilaian telah dilakukan ke atas semua aspek kehidupan penerima zakat modal sebagaimana yang digariskan oleh *maqāṣid al-syarī'ah*. Kaedah penilaian ukuran keberkesanan yang digunakan adalah penggabungan prinsip *maqāṣid al-syarī'ah* dan Teori Maslow⁴⁶. Maka hasil daripada kajian tersebut dapatlah dirumuskan bahawa purata tahap kejayaan bagi setiap prinsip *maqāṣid al-syarī'ah* kebanyakan berada pada tahap sederhana berjaya. Ini menunjukkan bahawa majoriti golongan asnaf fakir dan

⁴⁴ Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan", (Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 0814, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi). 3, 4, 5, 11.

⁴⁵ Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, "Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor", *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011), 52

⁴⁶ Teori Maslow atau dikenali sebagai teori Hieraki Maslow diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow (1954) melihat kepada keperluan bagi individu untuk memenuhi 5 hieraki keperluan dalam hidupnya meliputi keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan diri dan akhirnya keperluan kesempurnaan sendiri. Menurut teori ini, kelima-lima keperluan ini memberikan motivasi kepada individu menjalani kehidupan..

miskin yang mendapat bantuan modal zakat telah berupaya untuk mengubah taraf sosio ekonominya ke arah yang lebih baik jika dinilai daripada perspektif memenuhi keperluan yang digariskan berdasarkan prinsip *maqāsid al-syarī'ah* iaitu keperluan menjaga *ad-dīn* dan keperluan kesempurnaan diri, menjaga keperluan nyawa (*al-nafs*) atau keperluan keselamatan, keperluan menjaga akal fikiran (*al-'aql*) dan keperluan kasih sayang, keperluan menjaga maruah dan keturunan (*al-nasb*) termasuk keperluan penghormatan diri, keperluan menjaga harta (*al-māl*) dan keperluan fisiologi.⁴⁷ Ini jelas membuktikan bahawa bantuan modal zakat yang diamalkan oleh pusat zakat boleh dikatakan telah berjaya meningkatkan taraf sosio ekonomi asnaf dan oleh itu ia perlu diteruskan. Namun bagi mendapatkan impak yang signifikan bagi semua aspek keperluan kehidupan maka penambahbaikan dalam agihan zakat masih diperlukan.⁴⁸

Kesimpulannya, penulis mendapati agihan bantuan zakat produktif kepada asnaf fakir dan miskin harus diberi keutamaan seiring dengan agihan zakat konsumtif atau zakat penggunaan yang hanya bersifat sementara. Peranannya yang didapati cukup berkesan dalam memastikan usahawan asnaf mampu berdikari, melonjakkan pendapatan dan seterusnya keluar dari belunggu kemiskinan telah dibuktikan melalui kajian-kajian tempatan mahupun luar negara. Walaubagaimanapun, tahap kegagalan program pembangunan ekonomi melalui agihan zakat modal masih ditahap yang perlu diberi perhatian serta dilakukan penambahbaikan oleh semua pihak kerana usaha yang berterusan dan pendekatan yang sistematik mampu menyumbang kepada kejayaan institusi zakat seiring dengan hasrat negara untuk membasmi kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia.

⁴⁷ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Keberkesanan Bantuan Modal Zakat dari Perspektif Penerima: Kajian Kes Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan", (makalah, PROSIDING PERKEM VI, 2011), 1:107.

⁴⁸ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif *maqāsid al-syarī'ah*" (2010), 451, laman sesawang <http://documents.tips/documents/keberkesanan-agihan-zakat.html>

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Permasalahan yang telah dikenalpasti akan cuba diselesaikan menggunakan metode yang terdapat dalam kaedah kualitatif dan kuantitatif. Bagi metod pengumpulan data, penulis akan menggunakan metod dokumentasi, persampelan, soal selidik dan temubual. Sementara bagi metode analisa data penulis akan menggunakan metod induktif, deduktif dan statistik deskriptif.

1.9.1 METODE PENGUMPULAN DATA

a. Penyelidikan Perpustakaan

Dalam kajian ini penulis akan menggunakan metode dokumentasi melalui kajian perpustakaan menggunakan sumber sekunder. Penyelidikan perpustakaan adalah penyelidikan yang menggunakan dokumen yang berautoriti sama dalam bentuk jurnal, buku, kertas kerja, laporan tahunan atau risalah-risalah dari institusi zakat serta portal rasmi institusi zakat. Untuk itu penulis akan menggunakan kemudahan di perpustakaan berikut untuk kaedah ini:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan al-Malik Faisal, Nilam Puri.
4. Perpustakaan Awam Negeri Kelantan
5. Perpustakaan Dar Nur Az-Zahra'
6. Perpustakaan MAIK, Kelantan.

b. Kaedah Dokumentasi

Selain penyelidikan perpustakaan, pengumpulan data yang berkaitan dengan program pembangunan ekonomi melalui agihan dana zakat modal juga dilakukan melalui sebarang bentuk bahan penerbitan sama dalam bentuk jurnal, buku yang berkaitan dengan hukum hakam zakat, buku laporan tahunan MAIK dan risalah- risalah dari MAIK khususnya di Unit Agihan Zakat. Maklumat ini akan diperolehi melalui proses rasmi dengan institusi berkenaan.

Selain itu, penelitian terhadap dokumen undang-undang yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti Undang-undang Zakat Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (EMAIAIMK) juga dilakukan. Dokumen undang-undang tergolong dalam data primer. Adalah amat penting bahawa sebarang kenyataan yang dikemukakan dalam kajian ini dirujuk kepada dokumen undang-undang terlebih dahulu untuk mengelakkan sebarang konflik penggunaan sumber kajian.

Dari sudut semakan bahasa pula, khidmat rujukan kamus yang disediakan oleh Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka di laman webnya <http://prpm.dbp.gov.my/> digunakan untuk mendapatkan maklumat penggunaan bahasa yang tepat dan berautoriti di sepanjang penulisan disertasi ini.

c. Kajian Lapangan

Penulis akan turut menggunakan kajian lapangan dalam memperolehi data primer. Untuk melakukannya penulis akan meninjau ke lokasi kajian iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Lundang, Kota Bharu Kelantan untuk menjalankan sesi temubual dengan pegawai tadbir yang terlibat. Selain itu, penulis juga

akan melakukan sesi soal selidik terhadap responden asnaf zakat produktif terpilih yang telah menerima bantuan zakat modal untuk mengetahui pendapat dan pengalaman mereka di sepanjang proses bantuan zakat produktif.

i) Soal selidik

Soal selidik adalah antara alat kajian kuantitatif. Soal selidik ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A ialah soalan tentang maklumat demografi responden, dan maklumat keluarga atau isi rumah responden. Bahagian B ialah soalan tentang maklumat perkembangan bantuan modal yang diterima serta kesannya terhadap taraf pendapatan responden. Seterusnya Bahagian C pula ialah soalan mengenai penilaian responden terhadap kaedah pelaksanaan agihan zakat produktif oleh MAIK dan pemerhatian responden terhadap kesan bantuan zakat produktif dari pelbagai aspek tinjauan.

Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah penerima bantuan zakat produktif di negeri Kelantan. Jumlah populasi yang terlibat ialah 546 orang asnaf zakat produktif yang telah menjalankan perusahaan sejak tahun 2014 sehingga 2015⁴⁹ berdasarkan laporan tahunan terkini MAIK. Oleh itu penulis telah memperoleh seramai 80 orang responden dari populasi tersebut yang mana jumlah responden telah melebihi 10% daripada jumlah populasi (iaitu bersamaan 55 orang responden) sebagai sampel kajian. Berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel kajian deskriptif yang dikemukakan oleh Roscoe dan L.R. Gay, jumlah sampel sebanyak 10% adalah memadai.⁵⁰ Kaedah persampelan yang akan digunakan oleh penulis ialah persampelan secara rawak.⁵¹ Dalam proses pembentukan sampel ini, pembahagian sampel kepada populasi mengikut

⁴⁹ Unit Agihan Zakat Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), *Laporan Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Bantuan Wang Zakat Mengikut Program* (Tahun 2013 hingga 2015).

⁵⁰ Ghazali Darulsalam, Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 83.

⁵¹ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 86.

strata adalah sukar dilakukan memandangkan data yang diperolehi daripada usaha menjejaki asnaf adalah secara rawak dan pengkelasan data yang tidak seimbang.

Dalam menjalankan soal selidik, penulis akan mengambilkira tempoh perusahaan responden setelah menerima bantuan zakat produktif adalah tidak kurang dari satu tahun bagi memastikan objektif kajian yang diperolehi adalah bersifat matang. Manakala tempoh maksima perusahaan responden setelah menerima zakat produktif adalah tidak melebihi tempoh tiga tahun bermula tahun 2013. Penulis dikehendaki mendapatkan alamat responden dan berkunjung ke rumah atau lokasi perniagaan responden untuk tujuan soal selidik. Borang soal selidik akan diberikan kepada responden terpilih dari kalangan usahawan asnaf yang pernah menerima bantuan zakat produktif dari pihak MAIK. Sebahagian responden yang sukar dijejaki akan cuba dihubungi untuk dilakukan soal selidik melalui panggilan telefon. Selain itu, penghargaan akan diberikan kepada pembantu penyelidik yang turut menjalankan sesi soal selidik responden tertentu bagi pihak penyelidik.

ii) Temubual secara bersemuka

Temubual dijalankan untuk melengkapkan dan mengesahkan maklumat kajian. Temubual untuk menghasilkan data kualitatif dibahagikan kepada tiga cara iaitu temubual berstruktur, temubual separa-berstruktur dan temubual tematik (tanpa struktur).⁵² Dalam kajian ini, teknik temu bual separa berstruktur digunakan supaya perbincangan lebih segar dan terbuka tetapi masih dalam kawalan. Temubual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini mebolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya. Dalam kajian ini juga, penulis memilih beberapa orang informan untuk ditemu bual secara separa berstruktur. Mereka ialah Pegawai Urusan Sumber MAIK, Penolong Pegawai Urusan Sumber dan Sohibul Samahah Dato' Mufti Negeri

⁵² *Ibid.*, 71.

Kelantan.

1.9.2 METODE ANALISIS DATA

Metode ini akan digunakan oleh penulis selepas memperoleh data-data yang diperlukan melalui kajian perpustakaan dan lapangan yang dilakukan. Metode analisis data adalah penting bagi mengenalpasti sama ada data tersebut sesuai atau tidak bagi memenuhi kehendak kajian. Selain dari itu, metode ini juga akan membantu penulis dalam membuat kesimpulan dan dapatan di akhir kajian nanti. Antara metode yang akan digunakan ialah:

a. Kaedah Deduktif

Kaedah deduktif ialah cara penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpegang kepada dalil-dalil yang bersifat umum terhadap dalil-dalil yang khusus. Penulis menggunakan kaedah ini dalam Bab 2 yang membincangkan mengenai zakat produktif secara umum yang merangkumi pengertiannya, konsep dan hukum, penerima dan kepentingan zakat produktif. Ia juga digunakan dalam Bab 3 dalam perbincangan tentang pelaksanaan program pembangunan ekonomi di negeri Kelantan melalui agihan zakat produktif secara khusus oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

b. Kaedah Induktif

Kaedah induktif ialah kaedah yang menghendaki penulis untuk melakukan penaakulan daripada keadaan yang khusus kepada suatu kesimpulan atau rumusan yang bersifat umum. Ia digunakan dalam Bab 4 dalam mengemukakan analisa kajian. Hasil daripada

data yang dianalisa maka satu kesimpulan akan dibuat.

c. Kaedah Statistik Deskriptif

Statistik Deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri variabel. Variabel dalam kajian ini ialah sistem pelaksanaan zakat produktif dalam meningkatkan taraf ekonomi asnaf fakir dan miskin yang dianalisis secara deskriptif dengan menerangkan gambaran pelaksanaan secara keseluruhan tanpa sebarang tanggapan awal sama ada ia benar (*ithbāt*) atau tidak (*nāfi*). Kaedah ini penting supaya penilaian dapat dibuat dengan lebih tepat dan jelas bertepatan dengan satu kaedah usul atau hukum.

BAB DUA

KONSEP AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

2.1 Pengenalan

2.1.1 Pengertian Zakat

Pengertian zakat boleh dilihat dari dua sudut, iaitu sudut bahasa dan sudut istilah syarak. Zakat dari segi bahasa berasal daripada kata dasar *zakā* yang bermaksud berkat, (النَّمَاء) tumbuh¹, (الطَّهارة) bersih², dan (الصَّلَاح) baik.³ Semua pengertian tersebut telah digunakan samada di dalam al-Quran mahupun Hadith.⁴

Manakala pengertian zakat dari segi istilah fiqh ialah sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah S.W.T untuk diserahkan kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat yang khusus.⁵ Jumlah yang dikeluarkan daripada kekayaan itu disebut zakat kerana yang dikeluarkan itu menambahkan harta yang banyak, menyempurnakannya dan melindungi kekayaan itu dari kebinasaan. Ibn Taimiyyah menyatakan bahawa jiwa orang yang berzakat itu menjadi bersih dan kekayaannya juga akan bersih.⁶ Maksud “tumbuh” dan “suci” tidak digunakan hanya untuk kekayaan sahaja bahkan lebih daripada itu meliputi aspek kejiwaan orang yang mengeluarkan zakat.⁷ Pandangan ini menepati firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

¹ Dr. Mustāfa al-Khin, Dr. Mustāfa al-Bugha dan ‘Ali al-Syir Yaḥya, *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Dimashq: Dārul Qalam, 2005), 1:270.

² Pengertian ‘bersih’ berdasarkan firman Allah S.W.T: (قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَاها) - iaitu orang-orang yang membersihkan jiwanya daripada akhlak yang buruk. Lihat: Dr. Mustāfa al-Khin, Dr. Mustāfa al-Bugha dan ‘Ali al-Syir Yaḥya, *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Dimashq: Dārul Qalam, 2005), 1:271.

³ *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (2005), 4:396.

⁴ Haji Ismail Hashim, *Syariah Zakat, Sedekah dan Infak* (Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t), 19.

⁵ *Al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (2005), 4:396.

⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 1973), 1:38.

⁷ *Ibid.* 1:38

حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةٌ تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Al-Tawbah 3: 103

Maksudnya: “Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka dan Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Manakala menurut istilah syarak, berikut ialah definisi yang dikemukakan oleh para fuqaha:

1. Dalam mazhab Syafii, zakat didefinisikan sebagai kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta, yang wajib dikeluarkan kepada golongan manusia tertentu apabila cukup syarat tertentu.
2. Para fuqaha mazhab Maliki mendefinisikan zakat sebagai mengeluarkan sebahagian yang khusus daripada harta yang khusus yang telah mencapai had kuantiti yang mewajibkan zakat kepada orang yang berhak menerimanya (*mustahiq*) dengan syarat pemilikan itu penuh dan mencapai *hawl* (setahun), bukan bertambah barang dan bukan pertanian.
3. Para fuqaha mazhab Hanafi pula mendefinisikan zakat sebagai menjadikan sebahagian harta yang khusus daripada harta yang khusus sebagai milik orang yang khusus, yang ditentukan oleh syarak kerana Allah S.W.T..
4. *Hanābilah* pula mendefinisikan zakat sebagai hak wajib yang ada pada harta tertentu untuk golongan yang tertentu pada waktu yang tertentu. Maksud kelompok yang tertentu ialah lapan golongan yang dinyatakan oleh Allah S.W.T

di dalam al-Quran.⁸

Setelah meneliti kesemua definisi zakat yang telah dikemukakan, definisi zakat boleh dirangkumkan sebagai penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredaan Allah S.W.T, penyucian diri dan harta kekayaan untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak.⁹

2.1.2 Hukum dan Sumber Pensyariat Zakat

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang terpenting dan hukumnya wajib berdasarkan perintah di dalam al-Quran, Sunnah dan Ijmak. Pensabitannya melalui dalil al-Quran adalah sebagaimana firman Allah S.W.T:¹⁰

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Al-Baqarah 2: 43

Maksudnya: “Dan Dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan rukuklah berserta orang-orang yang rukuk.”

Manakala dalil al-Sunnah adalah sebagaimana hadith Nabi S.A.W:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

Maksudnya: “Islam dibangun diatas lima (tiang); persaksian tidak ada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad utusan Allah,

⁸ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 2004), 3:1788-1789.

⁹ Mohd Abd. Wahab, Fatoni Mohd Balwi dan Adibah Hasanah Abd. Halim, "Mobilasi Zakat dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan", *Jurnal Syariah 16*, (Keluaran Khas 2008), 569.

¹⁰ Dr. Mustāfa al-Khin, Dr. Mustāfa al-Bugha dan ‘Ali al-Syir Yaḥya, *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Dimashq: Dārul Qalam, 2005), 1:270.

*mendirikan solat, menunaikan zakat, haji dan puasa Ramadhan”.*¹¹

2.2 Prinsip dan Konsep Agihan Zakat di Malaysia

2.2.1 Agihan Zakat Dalam Islam

Setiap tuntutan ibadah yang difardhukan oleh Allah S.W.T seperti sembahyang, puasa, ibadah haji dan zakat mengandungi tatacara dan konsep pelaksanaan yang tersendiri dan begitu juga hikmahnya. Ia dituntut sebagai keperluan menunaikan ibadah atau pengabdian kepada Allah serta memberikan rahmat kepada seluruh alam terutamanya kehidupan manusia di dunia ini. Oleh itu, segala konsep dan amalan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W dan ditetapkan oleh syarak akan memberikan rahmat yang besar kepada umat Islam khususnya golongan asnaf terutama fakir dan miskin.¹²

Tugas mengurus zakat dalam Islam merupakan satu usaha yang telah diajarkan oleh Islam dan telah dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W serta para sahabat. Perlu diketahui bahawa zakat mempunyai dua aspek terpenting iaitu pengeluaran atau pembayaran zakat dan penerimaan atau agihan zakat. Pemerintahan Rasulullah S.A.W merupakan satu contoh yang cukup sempurna dan lengkap untuk dicontohi oleh umat Islam, walaupun pada ketika itu belum ada ilmu pengurusan moden yang tersusun sebagai salah satu disiplin ilmu. Pada hakikatnya, pengurusan berasaskan wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W. telahpun ada iaitu yang bertunjangkan iman dan akidah. Oleh sebab itu, ilmu pengurusan yang ada pada Rasulullah S.A.W sudah tentu lebih baik atau lebih mantap kerana baginda telah dididik oleh Allah SWT sendiri.

¹¹ Hadith riwayat al-Bukhāri, *Saḥīḥ al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Şofa), 1:13, no. hadith 8

¹² Abdul Rahman bin Talib, “Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013), 15.

Pengurusan zakat yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W telah menunjukkan kejayaan yang menjadi contoh dan panduan utama kepada sistem pengurusan zakat pada masa kini. Melalui zakat, Rasulullah S.A.W telah berjaya menyusun kehidupan masyarakat ke arah kesejahteraan dan persaudaraan sesama umat. Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W adalah dengan melantik pegawai-pegawai zakat dan dihantar ke seluruh wilayah Islam. Para pegawai tersebut ditugaskan untuk memungut zakat daripada golongan yang kaya dalam kalangan mereka dengan kadar yang telah ditentukan, Hasil pungutan zakat itu diagihkan kepada golongan yang berhak. Golongan fakir miskin diberikan keutamaan oleh Rasulullah S.A.W dalam pengagihan zakat.¹³

Proses agihan zakat dilakukan untuk mencapai visi zakat iaitu melahirkan masyarakat muslim yang teguh dalam bidang ekonomi mahupun non ekonomi. Untuk mencapai visi tersebut diperlukan misi agihan zakat yang profesional dan berkesan serta menepati kehendak syarak. Oleh itu, peranan yang harus dipikul oleh institusi zakat bukanlah semata-mata menjalankan perintah yang terkandung di dalam al-Quran sahaja tetapi juga mencakupi dimensi profesionalisme dalam usaha merealisasikan *maqāsid al-syarī'ah* (tujuan syariat) melalui agihan zakat.

2.2.2 Pembahagian Asnaf Yang Lapan

Pensyariatan zakat di dalam al-Quran dinyatakan secara umum dan tidak dijelaskan secara terperinci tentang kadar, nisab, jenis harta yang dikenakan zakat atau syarat-syarat diwajibkan zakat. Penjelasan tentang perkara-perkara tersebut secara terperinci dijelaskan melalui hadith Rasulullah S.A.W.. Namun, al-Quran telah menjelaskan secara jelas mengenai asnaf yang berhak menerima zakat seperti yang ditegaskan dalam

¹³ Mardiatul Akmaliah Mohd Asri dan Azizi Abu Bakar, "Keberkesanan Pengagihan Zakat Terhadap Asnaf: Kajian Kumpulan Usahawan Asnaf Negeri Pulau Pinang", *Jurnal Syariah 16* (Keluaran Khas 2008), 130-131.

Surah *al-Tawbah*, ayat 60¹⁴ melalui firman Allah S.W.T:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Al-Tawbah 9: 60

Maksudnya: “*Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana*”.

Ayat di atas menetapkan dengan jelas golongan yang berhak mendapat faedah dari wang zakat. Sehubungan itu, zakat hanya dianggap dilaksanakan jika diagihkan kepada lapan golongan ini. Pengagihan zakat terbahagi kepada golongan atau asnaf sebagaimana berikut:¹⁵

- i- Orang fakir
- ii- Orang Miskin
- iii- Petugas Zakat (Amil)
- iv- *Mu'allaf*
- v- Hamba
- vi- Orang yang berhutang
- vii- *Fī sabīlillāh*
- viii- Orang Musafir yang terputus bekalan

¹⁴ *Ibid*, 122.

¹⁵ Wahbah al-Zuhayli, *Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmiy Wa al-Qadāya al-Mu'āṣirah*, cet. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2010), 2:776-783.

Dr. Wahbah al-Zuhayli mengatakan bahawa jumbuh fuqaha sepakat mengatakan zakat hanya boleh dibayar kepada lapan asnaf yang disebutkan di atas. Zakat tidak boleh diagihkan bagi pembinaan masjid, jambatan, menggali sungai, membaiki jalan, menguruskan jenazah, membayar hutang dan menyediakan peralatan perang dan selainnya yang membawa makna mendekatkan diri kepada Allah tetapi tidak mempunyai unsur pemilikan kepada penerima zakat.¹⁶

Para Imam Mazhab berbeza pendapat dalam hal memberikan zakat kepada satu atau dua golongan sahaja dari lapan golongan itu atau kepada semua golongan lapan tersebut. Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa orang Islam/penguasa boleh memberikan zakat kepada satu atau beberapa golongan menurut keperluan apabila dipandang perlu.¹⁷ Sementara Mazhab Syafii berpendapat bahawa zakat harus dibahagikan kepada lapan golongan sesuai dengan yang disebutkan oleh Allah S.W.T dalam surah *Al-Tawbah*: 60. Walaubagaimanapun, tidak harus diagihkan kurang dari tiga asnaf kerana lafaz *jama'* hendaklah tidak kurang dari tiga.¹⁸

Perbezaan pendapat ini disebabkan kerana Imam Mālik dan Imam Abū Ḥanīfah tidak melihat dari segi lafaz (kontekstual), tetapi dari segi maknanya yang terkandung iaitu untuk memenuhi keperluan hidup *mustahiq*, sedangkan Imam Syafii memahami dari segi lafaz ayat (tekstual), sebagaimana hadith yang bermaksud:

فَأْتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ: أَعْطِنِي مِنَ الصَّدَقَةِ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَمْ يَرْضَ بِحُكْمِ نَبِيِّ وَلَا غَيْرِهِ فِي الصَّدَقَاتِ حَتَّى حَكَمَ فِيهَا هُوَ فَجَزَّأَهَا ثَمَانِيَةَ أَجْزَاءٍ فَإِنْ كُنْتَ مِنْ تِلْكَ الْأَجْزَاءِ أَعْطَيْتُكَ حَقَّكَ.

“Seorang lelaki meminta kepada Rasulullah S.A.W agar diberi zakat, lalu baginda bersabda, 'Sesungguhnya Allah tidak rela atas ketentuan

¹⁶ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu'āshir, 2004), 3:1958.

¹⁷ *Ibid.*, 3:1951.

¹⁸ *Ibid.*, 3:1950.

seorang nabi dan orang lain tentang zakat, sehingga dia dapat memutuskan kepada lapan golongan. Apabila kamu termasuk dalam golongan-golongan tersebut, saya berikan hakmu." – Hadith Riwayat Abū Dāwud¹⁹

Oleh itu, Imam Syafii dan para pengikutnya berpendapat bahawa perkataan “إنما” yang didatangkan di permulaan ayat adalah dikhususkan kepada lapan golongan ini sahaja yang dihubungkan dengan *lām al-tamlīk* (pemilikan zakat).²⁰

2.2.3 Bentuk-bentuk Agihan Zakat

Selain dari pengkelasan kepada lapan golongan penerima zakat, para *mustahiq* zakat juga boleh diklasifikasikan kepada dua golongan iaitu penerima zakat produktif dan tidak produktif. Para penerima agihan yang mampu berusaha membaiki taraf hidup dikategorikan sebagai produktif (bantuan jangkamasa panjang), manakala mereka yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif (bantuan jangkamasa pendek). Bantuan yang diberikan kepada mereka bergantung kepada sejauh mana keperluan mereka berdasarkan kajian yang dilakukan oleh agensi zakat terbabit terhadap keperluan asnaf dari semasa ke semasa. Secara umum ada enam kategori utama jenis bantuan zakat yang dilihat dari pelbagai aspek sosioekonomi masyarakat, iaitu bantuan penggunaan semasa untuk makanan dan sara hidup, bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kecemasan.²¹

¹⁹ Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, cet. 1 (Riyādh: Dār al-Salām Lī al-Nasyar Wa al-Tauzī‘, 1999), 242 (no. hadith 1630).

²⁰ Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubi, *al-Jāmi’ al-Aḥkām al-Qur’ān* (Dār ‘Ālim al-Kutub), 8:167.

²¹ Patmawati bte Hj Ibrahim, “Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah”, (kertas kerja, Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22/5/07 – 24/5/07), 5.

2.2.4 Prinsip Agihan Zakat Menurut Perspektif Syarak

Harta zakat diagih mengikut keperluan asnaf berdasarkan keutamaan. Terdapat prinsip-prinsip agihan zakat yang diamalkan oleh pihak institusi zakat dalam memastikan urusan agihan zakat benar-benar menepati kehendak syariah dan juga memenuhi keperluan ummah. Dalam meneliti hukum pemberian zakat, terdapat beberapa prinsip yang harus diutamakan agar dana zakat dapat diagihkan oleh pengurus zakat berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut iaitu adil dan saksama, *al-kifāyah* (mencukupi) dan *fawran* (serta-merta).²²

1) Adil dan Saksama

Pengagihan secara adil dan saksama adalah penting dalam memastikan setiap asnaf mendapat haknya daripada harta zakat. Secara umumnya, prinsip keadilan bermaksud memberikan hak kepada orang yang benar-benar berhak menerimanya. Ia berlandaskan firman Allah S.W.T.:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ﴾

An-Nisa' 4: 58

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil.*”

Maka prinsip adil yang dimaksudkan adalah setiap golongan yang berhak menerima zakat di kalangan mereka tidak diabaikan iaitu dengan memberikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya.

²² Siti Fariza Muhammad Fisal, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Agihan Zakat Mangsa Banjir: Kaedah Fiqh Dan Penentuan Kadar Bantuan”, (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya), 17.

Selain itu, prinsip adil ini hendaklah berdasarkan kepada keutamaan terhadap asnaf yang layak menerima zakat sebagaimana ketetapan syarak. Iaitu memberikan keutamaan kepada asnaf yang terawal yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya dalam Surah At-*Tawbah* ayat 60, iaitu memberikan kepada golongan yang termasuk dalam “*Lām Tamlik*” iaitu fakir, miskin, amil dan muallaf kemudian diikuti oleh asnaf *riqāb*, *ghārimīn*, *Ibnu al-Sabīl* dan *Fī Sabīlillāh*.²³ Adil ini juga merangkumi pembahagian secara menyeluruh kepada semua asnaf. Namun ini tidak bermaksud mesti sama rata atau sama banyak dalam jumlah kuantiti agihan. Sesetengah fuqaha berpendapat amil adalah merupakan asnaf yang paling utama mendapat agihan zakat kerana hak mereka adalah berdasarkan kepada ganjaran manakala lain-lain asnaf adalah berdasarkan kepada hak belas kasihan.²⁴

Saksama dalam agihan juga bermaksud mengagihkan zakat secara cermat, tepat, jujur dan teliti. Oleh itu, zakat perlu diagihkan secara bijaksana agar ia diberikan kepada asnaf mengikut kesesuaian dan keperluan sebenar asnaf tanpa membazir atau menahan harta zakat daripada diagihkan. Manakala agihan zakat secara tepat ialah memberikan zakat hanya kepada orang yang layak menurut syarak tanpa dipengaruhi oleh unsur penyelewengan dan pilih kasih. Jujur pula ialah memberikan hak harta zakat secara telus kepada asnaf dan menetapkan niat mencari keredhaan Allah S.W.T.. Sifat teliti pula ialah tidak membuat keputusan sewenang-wenangnya dalam agihan zakat tanpa terlebih dahulu meneliti dan menilai kelayakan penerima agihan zakat.²⁵

Ulama Syafii, Maliki dan Hanbali berpendapat sekiranya zakat diagihkan kepada orang bukan di kalangan asnaf sama ada sengaja ataupun tersalah maka wajib diambil

²³ Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bayjūri, *Hāshiah al-Bayjūri ‘Alā Sharḥ Ibnu Qāsim al-Ghazzi ‘Alā Matan Abī Shujā’ Fī Mazhab al-Imām al-Shāfi’i*, (Kaherah: Dār al-Hadith, t.t), 1: 366. Lihat: Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, cet. 1 (2005), 42.

²⁴ Wahbah al-Zuhayli, *Mawsū‘ah al-Fiqh al-Islāmiy Wa al-Qadāya al-Mu’āshirah*, cet. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2010), 2:777.

²⁵ Lihat: Abdul Rahman bin Talib, “Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013), 10-11.

kembali harta yang telah diagihkan tersebut. Menurut Jumu'ah sekiranya Imam atau pemerintah yang tersalah dalam agihan zakat kepada bukan asnaf maka zakat tersebut adalah sah tetapi sekiranya diagihkan oleh tuan harta maka zakat tersebut adalah tidak sah.²⁶

2) *Al-Kifāyah* (Mencukupi)

Menurut Imam Syafii dan Imam Nawawi bahawa pembahagian agihan zakat kepada golongan fakir dan miskin hendaklah diberikan mengikut kadar yang cukup untuk menghindari mereka daripada berhajat kepada orang kaya dan mereka hidup dalam kecukupan sepanjang masa. Oleh itu, pemberian zakat hendaklah memenuhi keperluan asnaf yang dapat membebaskan mereka daripada kemiskinan dengan kadar yang mencukupi untuk kehidupan sepanjang hidupnya.²⁷

Sayyidina 'Umar R.A. dalam melaksanakan agihan zakat khususnya kepada golongan fakir dan miskin telah melaksanakan polisi agihan secara mencukupkan keperluan dalam kehidupan sehingga tidak perlu lagi meminta-minta. Beliau berkata petugas zakatnya dengan menyuruh mereka memberi zakat kepada orang miskin walau seberapa kerap sekalipun dengan berkata:²⁸

كَرُّوْا عَلَيْهِمُ الصَّدَقَةَ وَإِنْ رَاحَ عَلَى أَحَدِهِمْ قَائَةٌ نِ الْإِبِلِ. – رواه

أبو عبيد

Maksudnya: “*Teruskanlah pemberian zakat kepada mereka walaupun ada di kalangan mereka akan mendapat seratus ekor unta.*”- Hadith

²⁶ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu‘āshir, 2004), 3:1965-1966.

²⁷ Yūsuf al-Qaradāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 1973), 1:563-564.

²⁸ Abū ‘Ubaid al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl*, cet. 1 (Beirūt: Dār al-Syurūq, 1989), 671-672 (no. 1777-1779). Lihat: Abdul Rahman bin Talib, “Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013), 11.

3) *Fawran* (Segera)

Iaitu mengagihkan zakat secara serta merta kepada golongan asnaf yang layak menerimanya tanpa ditangguhkan atau dilewatkan agihannya.³⁰ Amalan menyegerakan agihan zakat termasuk bersedekah terhadap golongan asnaf yang layak adalah merupakan sunnah Rasulullah S.A.W. dan amalan yang dilaksanakan para Sahabat R.A.

حَدَّثَنَا أَبُو عَاصِمٍ عَنْ عُمَرَ بْنِ سَعِيدٍ عَنِ ابْنِ أَبِي لَيْكَةَ أَنَّ عُبَيْةَ بْنَ الْحَارِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَدَّثَهُ قَالَ صَلَّى بِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَصْرَ فَأَسْرَعَ ثُمَّ دَخَلَ الْبَيْتَ فَلَمْ يَلْبَثْ أَنْ خَرَجَ فَقُلْتُ أَوْ قِيلَ لَهُ فَقَالَ كُنْتُ خَلَفْتُ فِي الْبَيْتِ تَيْرًا □ نِ الصَّدَقَةِ فَكَرِهْتُ أَنْ أُبَيِّتَهُ فَفَسَمْتُهُ.

Maksudnya: “Telah menceritakan kepada kami Abu ‘Ashim dari ‘Umar bin Sa‘id dari Ibnu Abu Mulaikah bahawa ‘Uqbah bin Al-Hārith R.A menceritakan kepadanya, katanya: "Nabi S.A.W solat ‘Aşar berjema'ah bersama kami. Tiba-tiba Baginda S.A.W dengan tergesa-gesa memasuki rumah. Tidak lama kemudian Baginda S.A.W keluar, dan aku bertanya atau dikatakan kepada Baginda S.A.W tentang ketergesaannya itu. Maka sabda Nabi S.A.W: "Aku tinggalkan dalam rumah sebatang emas dari harta sedekah. Aku tidak mahu hingga sampai malam, maka aku membahagi-bahagikannya".- Hadith Riwayat al-Bukhāri³¹

Hal ini menunjukkan zakat hendaklah diagihkan segera kepada asnaf yang layak

²⁹ Abū ‘Ubaid al-Qāsim bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirūt: Dār al-Syurūq, 1989), 672 (no. 1779).

³⁰ Al-Nawawi, *Kitāb al-Majmū‘: Syarḥ al-Muhazzab Lī al-Syīrāzi*, (Jiddah: Maktabah al-Irsyād, t.t), 5:305-306.

³¹ Al-Bukhāri, *Saḥīḥ al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Şofa), 1:315 (no. hadith 1430).

dengan tidak menanggukannya kecuali terdapat kemudharatan atau *maṣlahah* (kebaikan) yang diharuskan oleh syarak. Oleh itu zakat wajib dilaksanakan dengan segera bagi memastikan hak orang fakir dan miskin serta lain-lain asnaf terjaga dan diberikan haknya. Pendapat ini dikemukakan oleh Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad bin Hanbal, al-Karkhi dan jumhur fuqaha.³²

Oleh yang demikian, semua prinsip yang dinyatakan adalah merupakan beberapa prinsip dalam konsep agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya. Namun begitu masih banyaklah konsep yang telah diterapkan dan diamalkan oleh para fuqaha dalam urusan agihan zakat seperti penentuan *had kifayah*, *Maqāṣid al-Syarī'ah* dan sebagainya.³³

2.2.5 Objektif Agihan Zakat Menurut Perspektif Syarak

Objektif utama agihan zakat ialah untuk menjadikan zakat sebagai asas pembangunan masyarakat, menunaikan hak dan tanggungjawab kepada golongan yang berhak yang ditetapkan oleh syarak serta melaksanakan usaha kebajikan dan meningkatkan penghayatan agama Islam. Pemahaman terhadap penggunaan wang zakat bukan sekadar memungut serta mengagihkan kepada yang berhak sahaja, malah ia perlu dilihat dari sudut *maqāṣid al-syarī'ah* (tujuan syariat) agar pengertian secara holistik tentang pengurusan zakat serta hal-hal yang berkaitan dengannya dapat dilaksanakan sebaik mungkin mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syariat. *Maqāṣid al-syarī'ah* adalah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat Islam demi kepentingan umat manusia. Allah S.W.T. menetapkan syariat-Nya untuk memberikan kebaikan (*maṣlahah*)

³² Lihat: 'Abdullah Nāṣiḥ 'Ulwān, *Ahkām al-Zakāh 'alā Ḍau'i al-Mazāhib al-Arba'ah* (t.tp: Dār al-Salam, t.t), 51

³³ Lihat: Abdul Rahman bin Talib, "Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013), 12-13.

kepada manusia dan mengelakkan kerosakan (*mafsadah*).³⁴

Secara terminologi *maqāṣid al-syarī'ah* boleh diertikan sebagai matlamat atau objektif yang telah diletakkan oleh syarak untuk dicapai bagi kemaslahatan umat manusia.³⁵ *Maqāṣid al-syarī'ah* menurut Imam al-Syāṭibi secara dasarnya terangkum dalam tiga kategori iaitu *dharūriyyāt*, *hājjiyyāt*, dan *taḥsīniyyāt*.

Syariat telah menekankan bahawa penubuhan sebuah masyarakat yang adil, berperikemanusiaan dan bersatu padu, melindungi manusia dari kelaparan, menjamin keselamatan sosial dan menjaga maruah dan kehormatan insan adalah elemen-elemen yang sangat penting dalam kehidupan sosial kemasyarakatan. Oleh itu, Islam meletakkan zakat sebagai satu mekanisme yang dapat menyelamatkan manusia dari kelaparan, menjamin keadilan sosioekonomi dalam masyarakat dan menyediakan satu suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan dan melaksanakan tanggungjawab kepada Allah. Zakat telah disyariatkan untuk memenuhi matlamat yang jelas dalam masyarakat.³⁶

Kesimpulannya, apabila semua unsur-unsur *maqāṣid al-syarī'ah* dalam pembayaran dan pengagihan zakat terpenuhi, maka kesejahteraan masyarakat akan dapat direalisasikan. Segala masalah ekonomi, kewangan, dan kemiskinan yang melanda umat Islam dewasa ini akan dapat dikurangkan secara maksima.³⁷ Oleh itu, objektif agihan zakat dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Menunaikan hak dan tanggungjawab pembangunan asnaf seperti menaik taraf bidang akidah, sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian berlandaskan syariah.

³⁴ Mohamad Sabri Haron dan Riki Rahman, "Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah", *Labuan e-Journal of Muamalat And Society*, Vol. 10 (2016), 130.

³⁵ Aḥmad al-Raysūni, *Nazariyyāt al-Maqāṣid 'Inda al-Imām al-Shāṭibi*, cet. 4 (Amerika: al-Ma'had al-'Ālami li al-Fikr al-Islāmiy, 1995), 19.

³⁶ Mohamad Sabri Haron dan Riki Rahman, "Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah", *Labuan e-Journal of Muamalat And Society*, Vol. 10 (2016), 133.

³⁷ *Ibid.*, 136.

2. Meningkatkan dan mempertahankan martabat umat dengan cara membiayai dan melaksanakan program-program, projek-projek dan usaha-usaha meninggikan ajaran agama Islam.

2.2.6 Kaedah Pengagihan Dana Zakat Oleh Institusi Zakat Masa Kini

Abdul Monir Yaacob melalui artikelnya dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR tahun 2013 berpendapat antara kaedah yang perlu diterapkan dan diamalkan dalam agihan zakat supaya memenuhi kehendak syarak ialah:

- i. Pemerintah/Majlis mempunyai kuasa dalam pungutan dan pengagihan zakat;
- ii. Zakat boleh diagihkan kepada tiap-tiap asnaf penerima zakat atau kepada sebahagian/golongan daripada mereka;
- iii. Pengagihan zakat hanya boleh diagihkan kepada asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.;
- iv. Pengagihan boleh dibuat secara langsung iaitu diagih terus kepada asnaf atau secara tidak langsung melalui program atau pembangunan untuk mereka sebagai program jangka panjang;
- v. Pihak pemerintah atau majlis boleh melantik wakil atau agensi bagi kutipan dan pengagihan zakat;
- vi. Kadar pengagihan zakat tidak semestinya sama rata antara setiap asnaf;
- vii. Pengagihan perlulah diberi sampai ketahap kecukupan si penerima dengan mengambil kira kedudukan keluarga tanggungannya;
- viii. Satu sistem pengagihan perlu diadakan supaya dapat mencapai matlamat utama zakat iaitu mengeluarkan dari belenggu kemiskinan dan dengan matlamat mereka itu satu ketika nanti akan menjadi pembayar zakat dan bukan lagi kekal sebagai asnaf zakat. Dalam konteks ini dapat menjana ekonomi golongan asnaf. Oleh itu

perlu dikenalpasti golongan penerima yang produktif;

- ix. Satu Jawatankuasa Zakat peringkat negeri perlu ditubuhkan yang dipertanggungjawabkan dalam merencana dan merancang pengagihan zakat supaya pengagihan itu lebih berkesan dan efektif bagi pembangunan asnaf, dengan menyediakan program-program bagi kebajikan asnaf dan seumpamanya;
- x. Pengagihan zakat hendaklah diberikan kepada kawasan di mana kutipan itu dibuat terlebih dahulu dan harus pengagihan kepada luar kawasan atau negeri jika ada keperluan;
- xi. Pengagihan zakat perlu dilakukan dengan segera dalam tahun yang sama, justeru peruntukan untuk tujuan pelaksanaan perlulah mendapat fatwa daripada Mufti;
- xii. Pengagihan kepada golongan amil perlulah dalam kadar yang sewajarnya yang boleh memberi impak dan keberkesanan dalam pengurusan kutipan dan agihan, di samping dapat memberi satu imej yang baik dan tinggi dalam pembangunan negara; dan
- xiii. Tugas pengagihan zakat perlu terus kekal di bawah pengurusan Majlis dan dalam masa yang sama menstrukturkan dan mengemaskini pengurusan Baitulmal.³⁸

Melalui panduan kaedah pengagihan zakat ini, pihak institusi zakat mahupun amil hendaklah melaksanakan agihan zakat sebagaimana mekanisme yang telah ditetapkan. Ia bukan sahaja memastikan proses pengagihan yang dilakukan tidak terkeluar dari garis panduan syarak tetapi juga memastikan matlamat utama zakat iaitu mengeluarkan golongan asnaf dari kancah kefakiran dapat direalisasikan serta memastikan agihan zakat dilaksanakan kepada mereka yang benar-benar layak.

³⁸ Lihat: Abdul Rahman bin Talib, "Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013), 13-14.

2.3 Definisi Dan Hukum Zakat Produktif Menurut Pespektif Syarak

2.3.1 Definisi Zakat Produktif

Dari sudut bahasa, perkataan “produktif” berasal dari bahasa Inggeris “productive” yang bererti berupaya atau boleh mengeluarkan hasil yang banyak,³⁹ manakala “productivity” bererti daya pengeluaran.⁴⁰

Zakat produktif merupakan zakat yang diberikan kepada fakir miskin berupa modal usaha atau yang lainnya yang digunakan untuk usaha produktif yang mana hal ini akan meningkatkan taraf hidupnya, dengan harapan seorang *mustahiq* akan mampu menjadi pembayar zakat jika dapat menggunakan harta zakat tersebut untuk usahanya.⁴¹

Istilah zakat produktif secara perbahasannya membawa dua maksud iaitu, pertama; zakat yang berbentuk harta yang bersifat produktif seperti binatang ternakan yang mampu berkembang biak. Maka diagihkan binatang tersebut kepada para asnaf untuk ditenak dan memberi pulangan faedah seperti anak yang dikembang biak. Kedua; zakat produktif juga membawa maksud sejumlah dana zakat yang diagihkan kepada golongan asnaf dengan tujuan untuk menghasilkan sumber pendapatan kepada penerima zakat. Contohnya ialah seperti memberikan modal kepada penerima zakat untuk berniaga, melakukan perusahaan atau memberikan perkhidmatan berbayar seperti menjahit, mengusahakan pusat tuisyen, mengeluarkan produk makanan dan sebagainya.⁴²

³⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, dicapai 5 Oktober 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/>

⁴⁰ *Kamus Dewan*, ed. ke-3, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1057.

⁴¹ Insanulilbab, laman sesawang *insanulilbab*, dicapai 5 Oktober 2016, <http://insanulilbab.wordpress.com/2013/03/12/zakat-produktif-dalamperspektif-Islam>

⁴² Hasanah bte Abd. Khafidz, “Fi Sabilillah Sebagai Medium Zakat Produktif” dalam *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif* (t.tp.:Universiti Sains Malaysia, 2011), 228.

Pengertian produktif lebih berkonotasi kepada perkataan sifat. Perkataan sifat akan jelas maknanya apabila digabungkan dengan perkataan yang disifatkannya. Perkataan yang disifatkannya adalah perkataan zakat, 'zakat produktif' yang mana pengagihannya bersifat produktif. Lebih tegasnya zakat produktif adalah penggunaan zakat secara produktif, lebih cenderung kepada mengenalpasti kaedah atau metod menyampaikan dana zakat kepada sasaran dalam pengertian yang lebih luas, sesuai dengan tujuan syarak (*maqāsid al-syarī'ah*). Kaedah agihan hendaklah kaedah yang tepat dan berguna, efektif dari segi manfaatnya dengan sistem yang ada dan bersifat produktif.⁴³

Jadi dapat disimpulkan, zakat produktif adalah pengagihan zakat yang dapat membuatkan para penerima menghasilkan sesuatu secara terus menerus, dengan harta zakat yang telah diterimanya. Dengan perkataan lain zakat produktif adalah dana zakat yang diberikan kepada *mustahiq* untuk dikembangkan dan digunakan untuk membantu usaha mereka, sehingga dengan usaha tersebut mereka dapat memenuhi keperluan hidup secara terus menerus.

2.3.2 Dasar Hukum Zakat Produktif Menurut Ulama Klasik Dan Kontemporari

Di dalam al-Quran, Allah S.W.T telah menyebut secara terperinci perihal asnaf-asnaf yang layak menerima zakat namun tidak diperincikan jenis harta yang perlu dizakatkan, bentuk agihan zakat dan kadar agihan zakat. Jenis harta yang dikenakan zakat hanya terdapat dalam hadith Rasulullah S.A.W. Hal ini menunjukkan bahawa isu yang penting dalam ibadah zakat ialah pengagihannya kepada asnaf-asnaf. Perkara ini diutamakan oleh Allah S.W.T kerana berkemungkinan berlaku penyelewengan dan dorongan hawa

⁴³ Shafwan Bendadeh, "Bagaimana Baitul Mal Memproduktifkan Zakat", dikemaskini 21 September 2014, dicapai 5 Oktober 2016, laman sesawang *Suara Pembaharu*, <https://suarapembaharu.wordpress.com/2014/09/21/bagaimana-baitul-mal-memproduktifkan-zakat>

nafsu dalam proses pengagihan zakat.⁴⁴ Oleh itu urusan zakat perlu mengikut landasan syarak sebagai satu jaminan sosial dalam Islam bagi mengatasi pelbagai masalah kehidupan dan kemiskinan.

Dalam isu pengagihan zakat, kemajuan ekonomi, tamadun dan sosial masyarakat memerlukan kepada ijtihad bagi mengeluarkan hukum yang seiring dengan perkembangan masa. Ijtihad ini perlu berlandaskan metod pengeluaran hukum (*istinbāʿ*) yang telah dimajukan oleh para fuqaha bagi memastikan hukum tersebut tidak terpesong daripada suluan al-Quran dan al-Sunnah. Istilah seperti inovasi dan transformasi asnaf banyak dicanang oleh para sarjana Islam kontemporari bagi memajukan institusi zakat dan masyarakat Islam.⁴⁵ Oleh yang demikian, para ulama usul telah menyatakan bahawa dasar hukum yang digunakan sebagai sandaran khusus bagi fuqaha yang membolehkan agihan zakat secara produktif adalah: *Pertama*, tiada nas yang melarang agihan zakat secara produktif. *Kedua*, tujuan (*al-ʿillah*) zakat adalah menjadikan para mustahiq kaya, bukan sekadar menyerahkan harta zakat.⁴⁶

Ulama kontemporari seperti Dr. Yūsuf al-Qarḍāwī berijtihad dengan mengeluarkan pendapat yang berbeza dari pendapat ulama-ulama silam. Agihan zakat dalam bentuk yang tidak dbincangkan oleh ulama besar zaman dahulu mula mendapat perhatian pada zaman sekarang.⁴⁷ Perkara ini perlu dilihat secara holistik berdasarkan epistemologi Islam, kaedah usul fiqh dan *maqāṣid al-syarīʿah* (tujuan syarak) bagi mengelakkan ketirisan dan pengaliran zakat kepada golongan yang tidak berhak.⁴⁸

⁴⁴ Mahadi Mohammad dan Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin, *Falsafah Pengagihan Zakat Menurut Islam* (UniSZA), 5.

⁴⁵ *Ibid.*, 10.

⁴⁶ Siti Zalikha, "Pendistribusian Zakat Produktif Dalam Perspektif Islam", *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, Vol. 15, No. 2 (2016), 315.

⁴⁷ Mohammad Azli bin Ab Rahman dan Zaini bin Nasohah, Kertas Kerja "Pembaharuan Metode Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Ekonomi Golongan Fakir Dan Miskin Di Majlis Agama Islam Melaka", 216.

⁴⁸ Mahadi Mohammad, *Falsafah Pengagihan*, 10.

Pada asasnya, Islam tidak menetapkan secara terperinci definisi setiap asnaf dan kadar yang sepatutnya diperolehi oleh mereka. Namun, para fuqaha dalam kitab-kitab mereka telah mendefinisikan setiap asnaf dengan terperinci bersama syarat-syaratnya. Ini merupakan lapangan yang dibenarkan oleh syarak untuk berijtihad kerana ketiadaan nas yang jelas. Berbeza dengan penentuan asnaf kepada lapan golongan kerana perkara ini telah terdapat nas yang khusus tentangnya.⁴⁹

Dari aspek bentuk agihan zakat, pada asalnya zakat diserahkan kepada penerima dalam bentuk matawang (zakat wang simpanan, perniagaan, emas dan perak), makanan asasi (zakat tanaman dan zakat fitrah) atau haiwan ternakan (zakat haiwan ternakan). Namun berlaku khilaf di antara fuqaha yang membolehkan zakat diagihkan dalam bentuk selain matawang seperti barang keperluan harian, kelengkapan sekolah, peralatan dan sebagainya. Oleh itu, sebarang ijtihad dan keputusan yang dibuat perlu berlandaskan kefahaman kepada falsafah dan *maqāsid* (tujuan) pensyariaan hukum.⁵⁰ Matlamat agihan zakat pada jangka masa pendek ialah memenuhi hajat keperluan asnaf dan pada jangka masa panjang mengeluarkan asnaf daripada penerima kepada pembayar zakat. Namun, jika manfaat yang diperolehi daripada zakat dalam bentuk matawang kurang dan tidak mencapai matlamat zakat, maka zakat mungkin boleh diagihkan dalam bentuk yang lebih bermanfaat seperti mesin, peralatan dan kenderaan. Oleh itu, asas penetapan hukum mestilah berdasarkan *maṣlaḥah* (kebaikan) dan keperluan asnaf, bukannya keperluan dan kepentingan pusat zakat. Pertimbangan *maṣlaḥah* ini perlu dilakukan oleh cendekiawan Islam dan ekonomi bagi mengemukakan resolusi terbaik kepada pemerintah.⁵¹

⁴⁹ Mahadi Mohammad, *Falsafah Pengagihan*, 10.

⁵⁰ Mahadi Mohammad dan Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin, *Falsafah Pengagihan Zakat Menurut Islam* (UniSZA), 13.

⁵¹ *Ibid.*, 13.

Selain itu, terdapat beberapa perkara tentang pengagihan zakat yang mana ulama klasik dan ulama kontemporari berbeza pendapat. Ulama klasik misalnya berpendapat bahawa zakat mestilah diagihkan dalam bentuk akad *al-tamlīk* (hak milik). Dengan itu, harta zakat yang diterima adalah hak milik mutlak penerima zakat.⁵² Ulama kontemporari pula berpendapat sebaliknya. Mereka mengatakan bahawa pengagihan zakat tidak semestinya dalam bentuk akad *al-tamlīk*. Ia boleh disesuaikan dengan keperluan semasa dan keadaan semasa. Dari situ terdapat institusi zakat yang melaksanakan agihan zakat produktif melalui pembiayaan mikro secara akad *al-qard al-hasan* atau akad *muḍārabah* yang mensyaratkan bayaran balik dana dari penerima zakat. Ia mempamerkan hubungannya dengan penggunaan perkataan “*li*” an “*fi*” iaitu pindahan hak milik dalam pengagihan zakat. Namun pengagihan zakat melalui pembiayaan mikro, bayaran balik kepada pemerintah bukanlah bermakna dana zakat tersebut menjadi hak pemerintah. Bayaran balik itu sebenarnya dana zakat yang diagihkan semula kepada penerima zakat yang lain yang hak mereka sebelum ini sedikit tertunda. Pendapat ini telah diamalkan di Indonesia seperti Aceh sesuai dengan keperluan dan kemaslahatan di wilayah tersebut.⁵³

2.3.3 Kedudukan Hak Milik Zakat Produktif Menurut Perspektif Syarak

Isu zakat produktif merupakan sesuatu yang bersifat ijtihad. Dalam kajian ijtihad, perbezaan pendapat di antara para ulama adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan walaupun perselisihan itu berdasarkan kepada intipati sumber wahyu.

Jika ditinjau mengenai pandangan yang menegah menggunakan metod zakat

⁵² Wahbah al-Zuhayli, *Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmiy Wa al-Qadāya al-Mu'āsirah*, cet. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2010), 2:777.

⁵³ Lihat: Zahri Hamat, “Kelestarian Pengagihan Zakat Di Baitul Mal Aceh” (kertas kerja, International Seminar Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia, Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Universiti Islam Riau, 7-9 Jun 2010), 5-6.

produktif beralasan bahawa zakat adalah hak kepada golongan yang termasuk dalam *mustahiq* yang lapan sebagaimana yang disebutkan dalam Surah *al-Tawbah*, ayat 60. Dari segi penafsirannya, dalam ayat tersebut terdapat huruf *lām* (ل) pada lafaz *lil fuqarā'* (للفقراء) yang memberi isyarat kepada makna 'pemilikan' (*tamlīk*) yang menjelaskan bahawa zakat tersebut adalah milik para *mustahiq*⁵⁴, tidak boleh diperuntukkan kepada bentuk usaha yang mana keuntungannya sahaja diberikan kepada *mustahiq* kerana dikhuatiri usaha tersebut akan mengalami kerugian sehingga *mustahiq* tidak dapat memperolehi zakat untuk sara hidup hariannya.⁵⁵

Tidak ada perselisihan pandangan tentang zakat modal secara konseptual. Perselisihan pandangan tersebut hanya terletak pada mekanisme pelaksanaannya, iaitu sekiranya sesuatu institusi zakat menggunakan konsep *hibah* (pemilikan tetap) maka tidak ada kewajiban bagi asnaf untuk mengembalikan semula dana zakat tersebut dan para ulama telah bersepakat untuk mengharuskannya. Tetapi sekiranya zakat modal dilaksanakan dengan menggunakan sistem yang lain seperti konsep pinjaman *Mudārabah*, *Murābahah* dan *Qarḍ al-Ḥasan* yang memiliki kewajiban untuk mengembalikan zakat tersebut, maka para ulama berbeza pendapat.⁵⁶ Antara perselisihan yang berlaku adalah kerana ia dilihat bertentangan dengan implikasi '*tamlīk*' kepada *mustahiq* iaitu dana zakat yang telah diagihkan kepada *mustahiq* tidak harus dikembalikan semula.

Dr. Yūsuf al-Qarāḍāwī di dalam kitab *Fiḡhu al-Zakāh* menegaskan bahawa bukanlah menjadi tujuan utama zakat untuk diberikan bantuan sementara atau bantuan

⁵⁴ Wahbah al-Zuhayli, *Mawsū'ah al-Fiḡh al-Islāmiy Wa al-Qaḍāya al-Mu'āṣirah*, cet. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2010), 2:777.

⁵⁵ Shafwan Bendadeh, "Bagaimana Baitul Mal Memproduktifkan Zakat", dikemaskini 21 September 2014, dicapai 5 Oktober 2016, laman sesawang *Suara Pembaharu*, <https://suarapembaharu.wordpress.com/2014/09/21/bagaimana-baitul-mal-memproduktifkan-zakat>

⁵⁶ Shafwan Bendadeh, "Bagaimana Baitul Mal Memproduktifkan Zakat", dikemaskini 21 September 2014, dicapai 5 Oktober 2016, laman sesawang *Suara Pembaharu*, <https://suarapembaharu.wordpress.com/2014/09/21/bagaimana-baitul-mal-memproduktifkan-zakat>.

berkala kepada golongan fakir dan miskin, tetapi ia sebenarnya bertujuan untuk memperluaskan lagi mekanisme pemilikan harta dan memperbanyakkan bilangan pemilik yang memberikan pendapatan yang cukup untuk seumur hidup. Ini adalah kerana tujuan utama zakat adalah untuk mengkayakan golongan fakir dan miskin setakat mana yang layak baginya serta mengeluarkan mereka dari situasi memerlukan kepada situasi mencukupkan keperluan sepanjang masa. Iaitu dengan cara memberi milik setiap keperluan yang diinginkan sesuai dengan situasi mereka. Ia adalah seumpama peniaga memiliki ruang perniagaannya sendiri serta keperluan yang berkaitan dengannya, atau seorang petani memiliki peralatan sendiri serta keperluan yang berkaitan dengannya dan seorang tukang memiliki mesin pertukangan sendiri serta keperluan yang berkaitan dengannya. Dengan ini, zakat mampu merealisasikan matlamatnya yang lebih besar iaitu mengurangkan bilangan pekerja (buruh) dan menambahkan bilangan pengurus (pemilik).⁵⁷

2.3.4 Persoalan Penentuan Kadar Agihan Zakat Produktif Menurut Perspektif Syarak

Para ulama' mazhab fiqh berbeza pendapat mengenai kadar zakat yang perlu diberikan kepada asnaf fakir dan miskin yang secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua perbahasan yang utama:⁵⁸

Perbahasan Pertama: Diberikan zakat kepada asnaf fakir dan miskin sehingga mencukupi keperluan mereka pada uruf tanpa ditentukan kadar harta.

Perbahasan Kedua: Diberikan zakat kepada asnaf fakir dan miskin dengan kadar tertentu iaitu sedikit mengikut pendapat sebahagian mereka dan banyak berdasarkan

⁵⁷ Yūsuf al-Qaradāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1:888.

⁵⁸ Mansor Bin Sulaiman, et al., "Had al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin Dan Kaya Berasaskan Sunnah Di Malaysia", (Universiti Malaysia Pahang: t.t), 4.

pendapat sebahagian yang lain.⁵⁹

Dalam konteks perbahasan pertama, terdapat dua kecenderungan pendapat mazhab iaitu pendapat pertama yang menyatakan bahawa pemberian itu adalah pemberian yang mencukupi keperluan seumur hidup. Pemberian itu perlu bersifat penyelesaian kepada permasalahan kefakiran yang dihadapi oleh asnaf fakir tersebut iaitu difokuskan kepada penyelesaian terhadap punca kefakiran dengan pemberian yang mencukupkan secara berterusan sehingga tidak memerlukan lagi kepada bantuan zakat.⁶⁰

Antara pemuka pendapat ini adalah mazhab Syafii sendiri yang berpandangan bahawa pemberian zakat tersebut perlu merupakan pemberian yang mampu mengeluarkan golongan fakir dan miskin daripada situasi memerlukan (berhajat kepada bantuan) kepada situasi kaya. Iaitu pemberian sehingga mencapai tahap yang mencukupkan keperluannya secara berterusan. Dalil yang disandarkan oleh mazhab Syafii bagi kenyataan ini adalah hadith Qabīshah bin al-Mukhāriq al-Hilāli R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:⁶¹

إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِثَلَاثَةٍ لِرَجُلٍ تَحَمَّلَ حَمَالَةً قَوْمٍ فَيَسْأَلُ فِيهَا حَتَّى
يُؤَدِّيَهَا ثُمَّ يُمْسِكُ وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَا حَتَّ مَالِهِ فَيَسْأَلُ فِيهَا حَتَّى
يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ أَوْ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ ثُمَّ يُمْسِكُ وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ
فَاقَةٌ فَيَسْأَلُ حَتَّى يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ أَوْ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ ثُمَّ يُمْسِكُ
وَمَا سِوَى ذَلِكَ مِنَ الْمَسَائِلِ سُحْتًا يَا فَيِصْنَهُ يَأْكُلُهُ صَاحِبُهُ سُحْتًا.

Maksudnya: “*Sesungguhnya meminta-minta itu tidak halal kecuali bagi salah satu dari tiga orang ini; orang yang menanggung hutang orang lain, maka dia mengemis sehingga dia dapat membayar hutang itu. Kemudian dia hendaklah berhenti dari mengemis. Dan orang*

⁵⁹ al-Qaraḍāwī, *Fiqhu al-Zakāh*, 1:563.

⁶⁰ al-Qaraḍāwī, *Fiqhu al-Zakāh*, 1:563-564.

⁶¹ al-Qaraḍāwī, *Fiqhu al-Zakāh*, 1:564.

yang kena bencana sehingga habis semua hartanya, maka halal baginya mengemis sehingga dia mendapat penghidupan yang tetap. Dan orang yang tertimpa kesengsaraan sehingga tiga orang yang berakal dari kaumnya berkata; Sungguh si fulan telah ditimpa kesengsaraan, maka halal baginya meminta-minta sehingga dia mendapatkan sandaran hidup yang tetap. Adapun selain daripada itu hai Qabīṣah, adalah haram dan orang yang makan harta itu bererti makan yang haram.” – Hadith riwayat Muslim⁶²

Berhubung nas di atas, Imam Nawawi menyatakan bahawa *aṣḥāb al-Syāfiʿī* (tokoh-tokoh dalam mazhab Syafii) berpandangan bahawa ia bermaksud bahawa Rasulullah S.A.W mengharuskan perbuatan meminta-minta sehingga dia mendapat apa yang memenuhi keperluannya. Oleh yang demikian, mazhab ini berpandangan bahawa asnaf fakir dan miskin yang menjalankan sesuatu perusahaan boleh diberikan zakat yang membolehkannya membeli peralatan perusahaannya samada dengan kadar yang sama nilai dengannya atau lebih tinggi. Maka kadar itu hendaklah mampu memberikan keuntungan yang mencukupkan keperluan hidupnya berdasarkan kebiasaan bergantung kepada jenis perusahaan, tempat, masa dan orang yang berkenaan.

Contohnya ialah seperti peniaga sayur-sayuran boleh diberikan 5 hingga 20 dinar. Peniaga batu permata layak diberikan zakat sebanyak 10,000 dinar apabila ia tidak mencukupi keperluan hidup sekiranya diberikan kadar yang sedikit darinya. Sementara seorang peniaga, pembuat roti, penjual minyak wangi atau pengurup wang boleh diberikan kadar yang secukupnya bersesuaian dengan jenis perniagaan yang diceburinya. Bagi pekerjaan di bidang pertukangan seperti tukang jahit, tukang kayu, tukang dobi atau tukang sembelih dan seumpamanya layak diberikan kadar zakat yang

⁶² Al-Nawawi, *Sahih Muslim*, (Kaherah: Dār al-Manār, 2003), 4: 107-108 (no. hadith 109/1044).

membolehkannya membeli peralatan selengkapnya. Manakala di bidang pertanian pula boleh diberikan kadar zakat yang membolehkannya membeli tanah atau bahagian tanah untuk mendapatkan hasil pertanian yang berterusan.⁶³ Sekiranya seseorang itu bukan dalam kategori pekerja, peniaga atau sebarang profesion yang boleh mendatangkan pendapatan, maka diberikan mengikut kadar yang dapat memenuhi keperluan sepanjang hidupnya mengikut kebiasaan. Contohnya, diberikan kepadanya kadar yang boleh memungkinkan beliau membeli hartanah yang dapat memberikan pulangan yang mencukupkan keperluannya.⁶⁴

Pendapat mazhab lain yang selari dengan pendapat ini antaranya seperti pandangan Imam Ahmad yang mengharuskan golongan fakir untuk mengambil daripada zakat dengan kadar yang mencukupkan keperluannya secara berterusan. Antaranya dengan kadar yang membolehkannya untuk berniaga atau membeli peralatan yang dapat membantunya mendapatkan rezeki dan sebagainya.⁶⁵

Manakala pendapat kedua pula adalah pendapat daripada al-Mālikiyyah dan jumhur Hanbali yang berpandangan bahawa pengagihan itu hanya untuk keperluan setahun bertepatan dengan bayaran zakat yang bersifat tahunan. Harus diberikan zakat kepada fakir dan miskin kadar yang mencukupkan keperluan hidup dirinya dan tanggungannya sepenuhnya. Tambahan pula ia sesuai dengan langkah Rasulullah S.A.W sendiri yang menyimpan makanan untuk setahun bagi keluarganya.⁶⁶

Dalam konteks perbahasan yang kedua pula, tokoh-tokoh mazhab ini telah menetapkan kadar tertentu untuk pemberian zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Imam Abū Ḥanifah lebih cenderung menetapkan kadar pemberian zakat tidak harus melebihi

⁶³ Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1:564-565.

⁶⁴ *Ibid.*, 1:564-565. Lihat: Mansor Bin Sulaiman, et al., "Had al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin Dan Kaya Berasaskan Sunnah Di Malaysia", (Universiti Malaysia Pahang: t.t), 5.

⁶⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1:566.

⁶⁶ *Ibid.*, 1:567

200 dirham (iaitu bersamaan kadar nisab matawang). Walau bagaimanapun, kadar berkenaan adalah untuk seorang. Tetapi jika orang miskin berkenaan mempunyai tanggungan isteri dan anak-anak, dia boleh diberikan kadar sekali ganda bagi setiap anak di bawah tanggungannya itu.⁶⁷

Manakala sebahagian fuqaha lagi berpendapat kadar zakat itu hendaklah kurang daripada yang demikian dan tidak boleh lebih daripada 50 dirham atau 40 dirham mengikut sebahagian yang lain. Mereka berpegang kepada hadith ‘Aṭā’ Ibn Yassār daripada seorang lelaki dari Banī Asad yang mendengar Rasulullah S.A.W bersabda⁶⁸:

□ ن سأل □ نكم وله أو أوفية عدلها فقد سأل الحافا. – رواه ابن حزم

Maksudnya: “Sesiapa yang meminta sedangkan dia mempunyai uqiah atau seharga dengannya sesungguhnya dia mencari masalah.” –

Hadith riwayat Ibn Ḥazm⁶⁹

Bahkan Ibn Ḥazm pula mengatakan bahawa kadarnya ialah cukup untuk belanja hidup sehari berpegang kepada hadith Abū Kabsyah al-Salūli daripada Sahl Ibn al-Hanzaliyah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda⁷⁰:

□ ن سأل وعنده □ ما يغنيه فإنما يستكثر □ ن النار. فقيل: □ ما حد الغني يا

رسول الله؟ قال: شبع يوم وليلة. – رواه ابن حزم

Maksudnya: “‘Sesiapa yang meminta, sedangkan dia sudah memiliki apa yang diperlukan olehnya sesungguhnya dia memperbanyakkan api neraka.’ Baginda lalu ditanya: ‘Apakah kadar kaya itu wahai

⁶⁷ al-Qaraḍāwi, *Fiḡhu al-Zakāh*, 1:572. Lihat: Mahmood Zuḡdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 415-416.

⁶⁸ *Ibid.*, 416.

⁶⁹ Ibn Ḥazm, *al-Muḡhallā*, (t. tp.: Bait al-Afkār al-Dawliyyah, 2003), 218-221

⁷⁰ Mahmood Zuḡdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 416.

Rasulullah?’ Jawab Baginda: ‘Kenyang satu hari, siang dan malam’”

– Hadith riwayat Ibn Ḥazm⁷¹

Dalam sebuah hadith yang sama riwayat Abū Dāwud ada disebutkan:

وَكَانَتْ الْأَوْقِيَّةُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْبَعِينَ
دِرْهَمًا

Maksudnya: “*Satu ‘uqiyah pada masa Rasulullah S.A.W adalah empat puluh dirham.*” – Hadith riwayat Abū Dāud⁷²

Sementara mereka yang berpendapat bahawa kadar maksimum yang boleh diberi kepada seseorang fakir miskin ialah 50 dirham berpandukan riwayat ‘Abdullah Ibn Mas’ud yang menyebut Rasulullah S.A.W bersabda⁷³:

□ ن سَأَلَ وَلَهُ □ ا يُغْنِيهِ جَاءَتْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خُمُوشٌ أَوْ خُدُوشٌ أَوْ كُدُوحٌ
فِي وَجْهِهِ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ □ ا الْغِنَى قَالَ خَمْسُونَ دِرْهَمًا أَوْ قِيمَتُهَا
□ ن الذَّهَبِ.

Maksudnya: “ ‘*Barang siapa yang meminta-minta sementara ia memiliki sesuatu yang mencukupinya maka pada Hari Kiamat terdapat luka pada wajahnya.*’” Abdullah berkata: ‘*wahai Rasulullah, apa yang kecukupan itu?*’ Beliau berkata: ‘*Lima puluh dirham, atau senilai dengannya dari emas.*’” – Hadith riwayat Abū Dāud⁷⁴

⁷¹ Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*, 218-221

⁷² Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, cet. 1 (Riyādh: Dār al-Salām Lī al-Nasyar Wa al-Tauzī‘, 1999), 242 (no. hadith 1628).

⁷³ Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*, 273-274. Lihat: Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 418.

⁷⁴ Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, cet. 1 (Riyādh: Dār al-Salām Lī al-Nasyar Wa al-Tauzī‘, 1999), 242 (no. hadith 1628).

2.3.4.1 Tarjih Pendapat

Menurut Imam Nawawi, pengharusan memenuhi keperluan sepertimana yang dijelaskan dalam hadith Qabīṣah menunjukkan harus memberi zakat kepada fakir miskin sehingga memenuhi syarat keperluan hidupnya. Bagaimana pun caranya perlu diambil kira. Kalau orang miskin berkenaan seorang tukang, dia boleh diberi belanja untuk menampung keperluan sara hidupnya. Tegas beliau lagi, tentu sekali kadar yang akan diberikan kepada mereka berbeza mengikut jenis perusahaan yang dilakukan oleh mereka, keadaan setempat dan semasa, dan juga kedudukan mereka sendiri.⁷⁵

Menurut Imam Nawawi lagi, sekiranya orang miskin berkenaan tidak langsung berkebolehan melakukan sebarang kerja bagi mencari sara hidup, beliau boleh diberikan kadar yang cukup bagi seumur hidupnya yang boleh dianggar berdasarkan purata umur hidup masyarakat tempatan. Dengan demikian, tidak berbangkit soal memberikan zakat kepada mereka tahun demi tahun.⁷⁶

Pada zaman sahabat, pandangan seperti ini menjadi amalan kepada Khalifah ‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb. Dalam *Kitab al-Amwal*, Abū ‘Ubaid meriwayatkan bahawa ‘Amru Ibn Dinar menyebut ‘Umar Ibn al- Khaṭṭāb R.A berkata:

إِذَا أُعْطِيتُمْ فَأَعْتُوا. – رواه أبو عبيد

Maksudnya: “Apabila kamu beri jadikan dia kaya” – Hadith riwayat

Abū ‘Ubaid⁷⁷

Dalam satu riwayat lain, Murrāh menyebut bahawa Saidina ‘Umar R.A berkata kepada petugas zakatnya dengan menyuruh mereka memberi zakat

⁷⁵ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 420-421.

⁷⁶ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 421.

⁷⁷ Abū ‘Ubaid al-Qāsim bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirūt: Dār al-Syurūq, 1989), 672 (no. 1778).

kepada orang miskin walau seberapa kerap sekalipun dalam usaha mencapai objektif melepaskan mereka dari belenggu kemiskinan. ‘Umar berkata:

كَرَّرُوا عَلَيْهِمُ الصَّدَقَةَ وَإِنْ رَاحَ عَلَى أَحَدِهِمْ مِائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ. – رواه

أبو عبيد

Maksudnya: “Ulangilah pemberian zakat kepada mereka walaupun ada di kalangan mereka sampai menerima seratus ekor unta.” –

Hadith riwayat Abū ‘Ubaid.⁷⁸

Dalam mempraktik pandangan ini, ‘Umar R.A pernah memberikan tiga ekor unta sekaligus kepada seorang fakir tertentu dengan tujuan untuk melepaskannya daripada belenggu kemiskinan.⁷⁹

Dalam menilai mazhab-mazhab tersebut terdapat berbagai-bagai sikap di kalangan para fuqaha yang lebih terkemudian. Antaranya ialah Imam al-Ghazāli, dalam buku beliau yang masyhur *Iḥyā’ ‘Ulūmuddīn* beliau lebih cenderung menerima pendapat kedua iaitu zakat boleh diberi sehingga memenuhi keperluan setahun kerana ia lebih hampir kepada konsep keadilan. Menurutnya lagi, beliau membuat kesimpulan bahawa pembatasan sehingga kepada hanya cukup untuk dimakan sehari semalam sahaja adalah keterlaluan berdasarkan tegahan daripada perbuatan meminta-minta (untuk keperluan harian). Begitu juga pendapat yang meluaskan sehingga boleh dibeli hartanah. Oleh sebab itu, paling sederhana dan sesuai sekali ialah kadar yang boleh memenuhi keperluan selama setahun.⁸⁰

Sementara Abū ‘Ubaid pula mempunyai pandangan yang berbeza. Dalam kitab *al-Amwāl* beliau menjelaskan kecenderungannya menyokong pendapat yang

⁷⁸ *Ibid.*, 672 (no. 1779).

⁷⁹ Abū ‘Ubaid, *al-Amwāl*, 671 (no. 1777). Lihat: Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 422.

⁸⁰ Al-Ghazali, Abū Ḥāmid, *Iḥyā’ ‘Ulūmuddīn*, cet. 1 (Kaherah: Maktabah al-Ṣofa, 2003), 1: 262-263.

membenarkan pemberian zakat tanpa had kadar kepada fakir miskin. Bagi beliau, satu kekeliruan untuk mengatakan tidak boleh diberi sehingga menyebabkan orang fakir berkenaan menjadi kaya, kerana yang jelas dilarang dalam Islam ialah memberikan kepada golongan yang sudah kaya.⁸¹

Antara dalil yang dijadikan asas kepada pandangan beliau ini ialah hadith Anas Ibn Mālik yang menceritakan bagaimana Abū Ṭalḥah telah menyedekahkan kebunnya kepada Ubay Ibn Ka‘b dan Ḥassan Ibn Thābit apabila sahaja mendengar ayat-ayat tentang kebaikan bersedekah.⁸² Beliau mengulas hadith tersebut dengan berpendapat bahawa pemberian itu bagaimanapun dalam bentuk sedekah. Tetapi dalam konteks ini, tidak ada perbezaan antara sedekah sunat dengan sedekah wajib kerana jika pemberian wajib yang banyakpun tidak boleh diterima maka pemberian sunat pun mestilah tidak boleh diterima juga.⁸³

Bagi memperkukuhkan anggapan beliau bahawa sedekah wajib dan sedekah sunat itu sama sahaja dalam konteks ini, Abū ‘Ubaid menyebut beberapa hadith Rasulullah S.A.W.⁸⁴ Antaranya yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās, iaitu:

حدثني سَلْمَانُ قَالَ: أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ بِطَعَامٍ، فَقُلْتُ: هَذِهِ صَدَقَةٌ، وَأَنَا
مُلُوكٌ، فَأَرَأَيْتُمْ أَصْحَابَهُ أَنْ يَأْكُلُوا، وَلَمْ يَأْكُلْ هُوَ؟ عَمَّهُمْ. ثُمَّ أَتَيْتُهُ بِطَعَامٍ،
فَقُلْتُ: هَذَا هَدِيَّةٌ، أَهْدَيْتُهَا لَكَ أَكْرَمًا كَ بَهَا، فَإِنِّي لَا أَرَاكَ تَأْكُلُ الصَّدَقَةَ،
فَأَرَأَيْتُمْ أَصْحَابَهُ أَنْ يَأْكُلُوا، وَأَكَلَ عَمَّهُمْ.

Maksudnya: “*Salmān telah meriwayatkan kepada saya dengan katanya: ‘Aku telah membawa makanan kepada Rasulullah S.A.W*

⁸¹ ‘Ubaid al-Qāsīm bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirut: Dār al-Syurūq, 1989), 670 (no. 1775). Lihat: Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 423.

⁸² *Ibid.*, 668 (no. 1768 dan 1769).

⁸³ Abū ‘Ubaid, *al-Amwāl*, 668-669 (no. 1770).

⁸⁴ *Ibid.*, 669.

sambil berkata: 'Ini adalah sedekah, dan saya adalah seorang hamba. Baginda lalu menyuruh para sahabatnya makan, tetapi Baginda sendiri tidak makan bersama mereka. Kemudian, aku membawa kepadanya makanan (lain) dan berkata, ini hadiah yang aku hadiahkan kepada kamu dengan tujuan untuk memuliakan kamu, kerana aku tidak melihat kamu makan (makanan) yang disedekahkan (tadi). Baginda lalu menyuruh para sahabatnya makan dan Baginda sendiri makan bersama mereka.'" – Hadith riwayat Abū 'Ubaid⁸⁵

Abū 'Ubaid mengulas hadith tersebut dengan berpendapat bahawa pada waktu memberi sedekah berkenaan, Salmān masih belum memeluk Islam. Oleh sebab itu, sudah tentulah ia bukan zakat dan Rasulullah S.A.W tidak memakannya.⁸⁶ Beliau menjelaskan bahawa sedekah itu secara umumnya bertujuan untuk mendapat keredhaan Allah *Ta'āla* tanpa membezakan antara sedekah wajib dengan sedekah sunat. Manakala pemberian berupa hadiah semata-mata untuk memuliakan Rasulullah S.A.W serta menunaikan hajat. Tambahnya lagi, kalau sekiranya sedekah wajib dan sedekah sunat itu sama, maka memberi zakat (sedekah wajib) yang banyak samalah juga dengan memberi sedekah sunat yang banyak, iaitu harus sekiranya pihak yang menerima pada waktu itu adalah miskin.⁸⁷

Apa juga pandangan para fuqaha tersebut, jelas bukan menjadi tujuan pengeluaran zakat untuk semata-mata memberi seringgit dua kepada fakir miskin. Tetapi sebaliknya untuk membantu mereka membina taraf hidup yang lebih baik dan sesuai sebagai manusia yang diberi mandat oleh Allah sebagai khalifah di bumi ini dan

⁸⁵ *Ibid*, 669 (no. 1771).

⁸⁶ *Ibid.*, 669.

⁸⁷ 'Ubaid al-Qāsim bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirut: Dār al-Syurūq, 1989), 668-670 (no. 1770 dan 1772).

sebagai muslim yang berteduh di bawah sebuah agama yang adil dan prihatin.⁸⁸ Dalam menentukan kedudukan ini, satu perhatian yang menarik telah dibuat oleh al-Qaradāwi. Menurut beliau, perlu diperhatikan bahawa taraf hidup seseorang itu tidak boleh ditentukan secara rigid, kerana ia tentu sekali berbeza mengikut perbezaan zaman, keadaan serta nisbah kekayaan negara dan per kapita pendapatan masyarakat. Tambah beliau lagi, sesuatu yang mungkin dilihat sebagai barang mewah pada suatu ketika dan keadaan mungkin dianggap keperluan atau keperluan asas pada satu ketika atau keadaan yang lain.⁸⁹

Setelah meneliti perbezaan pandangan para fuqaha, al-Qaradāwi telah mengklasifikasikan fakir dan miskin yang menerima zakat kepada dua kategori, iaitu:

1. Kategori yang mampu bekerja dan memenuhi keperluan dirinya sendiri seperti tukang, peniaga dan petani tetapi menghadapi kekurangan peralatan kerja, modal perniagaan dan sebagainya boleh diberikan dana zakat mengikut kadar yang memungkinkan mereka menjana pendapatan seumur hidup sehingga mereka tidak lagi memerlukan bantuan zakat sekali lagi. Mereka dibantu dengan menyediakan keperluan wajib untuk meningkatkan produktiviti perusahaan mereka sehingga mereka mampu menjadi seorang pembayar zakat.
2. Kategori yang tidak mampu bekerja seperti fakir miskin yang cacat, lanjut usia, wanita janda, anak-anak yatim dan sebagainya. Mereka diharuskan untuk diberi zakat setiap seorang kadar yang mencukupi keperluan setahun secara beransur-ansur sekiranya dikhuatiri berlakunya pembaziran dan penggunaan dana tanpa keperluan mendesak. Kaedah inilah yang menjadi amalan pada masa kini yang mana fakir dan miskin diberikan bantuan sara diri secara bulanan atau bantuan

⁸⁸ Yūsuf al-Qaradāwi, *Musykilah al-Faqr Wa Kaifa 'Ālijaha al-Islām* (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1985), 99.

⁸⁹ Yūsuf al-Qaradāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1:576.

berkala.⁹⁰

Menurut Mazhab Syafii, kadar keperluan seumur hidup dalam sesebuah negara sekiranya ditetapkan sehingga umur 60 tahun kebiasaannya, dan umur semasa asnaf fakir dan miskin tersebut ialah 30 tahun yang mana ia mempunyai harta yang hanya mencukupi keperluan hidup sehingga 20 tahun sahaja maka dia berhak diberikan zakat untuk mencukupkan keperluannya pada kadar tempoh 10 tahun berbaki.⁹¹

Adapun maksud memiliki keperluan asasi yang tidak terkeluar dari garis kefakiran atau kemiskinan seseorang adalah meliputi kadar harta yang dimiliki berupa tempat tinggal (rumah), tanah, pakaian, barangan perhiasan wanita, buku-buku ilmiah, peralatan bekerja atau mempunyai harta yang tidak boleh dinilai atau digunakan disebabkan berada di negara yang jauh atau di sita oleh kerajaan dan juga seumpama mempunyai hutang yang belum diperolehi.⁹²

Pada pemerhatian penulis, penetapan jenis harta berupa modal perniagaan dan peralatan kerja sebagai keperluan asasi seseorang merupakan suatu *'illah* (sebab) untuk diharuskan pemberian bantuan zakat produktif. Manakala kadar keperluan seumur hidup yang dinyatakan inilah dikira untuk menghasilkan suatu nilai yang dapat memenuhi keperluan asasi seseorang fakir dan miskin dan seterusnya menentukan kelayakan mereka untuk mendapat dana zakat dalam jumlah yang besar. Dengan melihat kepada tujuan utama zakat iaitu mengeluarkan mereka dari kefakiran dan kemiskinan, maka pemberian zakat dalam bentuk modal perniagaan atau peralatan adalah bertepatan dengan pandangan al-Qaraḍāwi kerana ia bersifat penyelesaian kepada permasalahan kefakiran yang dihadapi oleh asnaf fakir dan miskin serta menjamin peningkatan ekonomi mereka seumur hidup tanpa memerlukan kepada bantuan zakat lagi.

⁹⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1:571.

⁹¹ *Ibid.*, 1:548.

⁹² *Ibid.*, 1:548-549.

2.3.5 Fatwa Kontemporari Mengenai Agihan Zakat Produktif

Di antara isu yang seringkali dikaitkan dengan konsep agihan zakat produktif ialah mekanisme agihan yang digunakan oleh pusat zakat negeri-negeri di Malaysia. Kaedah ini berhubungkait dengan penetapan hukum samada agihan tersebut adalah dalam bentuk hibah (konsep *al-tamlīk*), pinjaman *muḍārabah* atau *qard al-ḥasan* dan sebagainya. Di antara fatwa yang tidak membolehkan wang zakat digunakan sebagai pinjaman ialah:

1. Fatwa Negeri Pulau Pinang bertarikh 13 Mei 2000 yang tidak bersetuju dana zakat digunakan sebagai pinjaman bagi pengajian tinggi kerana ia adalah harta yang diberikan secara kaedah *al-tamlīk*.
2. Fatwa Negeri Kelantan yang bersidang pada 8 Disember 1991 bertarikh 29 Julai 2015 bersetuju memutuskan bahawa wang zakat tidak harus/tidak sah digunakan sebagai pinjaman modal perniagaan atau lain-lain.⁹³

Berdasarkan fatwa negeri-negeri yang berkaitan dengan pinjaman wang zakat, didapati bahawa negeri Pulau Pinang tidak membenarkan zakat digunakan sebagai pinjaman pengajian tinggi. Ianya boleh diqiyyaskan kepada pinjaman modal perniagaan kepada usahawan asnaf dari sudut fatwa yang diputuskan. Begitu juga fatwa Negeri Kelantan juga tidak membenarkan wang zakat digunakan sebagai pinjaman untuk modal perniagaan atau lain-lain berdasarkan kaedah "*tamlīk*" iaitu dana zakat diberikan kepada penerimanya secara mutlak tanpa sebarang ikatan atau dikembalikan semula.

Berkaitan dengan zakat modal juga, terdapat fatwa Institusi Fiqh Islam Jeddah (Pertubuhan Persidangan Islam) yang mengharuskan pelaburan zakat modal ke dalam projek-projek yang mempunyai pulangan kemasukan atau manfaat kepada penerima

⁹³ Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Kelantan, tarikh dicapai 17 Ogos 2016, tarikh kemaskini 29 Julai 2015, <http://mufti.kelantan.gov.my/v2/index.php/ms/perkhidmatan/fatwa/koleksi-fatwa/74-fatwa-mengenai-projek-ekonomi-dengan-pendapatan-wang-zakat>

zakat iaitu:

1. Setelah dibuat kajian dan penelitian terhadap topik (ketentuan zakat ke dalam projek-projek yang mempunyai keuntungan bukan di atas nama peribadi) dan setelah mendengar pendapat-pendapat dari kalangan ulama dan anggota yang berkeahlian, bolehlah disimpulkan bahawa harus pada dasarnya menggunakan harta zakat sebagai modal ke dalam projek-projek pelaburan yang mana pada akhirnya orang-orang yang berhak menerima zakat memiliki projek tersebut atau projek itu menjadi manfaat kepada badan-badan *syar'ie* yang bertanggungjawab menghimpunkan zakat serta mengagihkannya dengan syarat setelah ia dapat memenuhi hajat orang-orang yang berhak, terdesak dan berhajat ia hendaklah terjamin dari berlakunya sebarang kerugian.⁹⁴

Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī menegaskan bahawa dana agihan zakat boleh dilaburkan sebagai modal aset, tegasnya:

“Negara Islam harus menggunakan dana zakat untuk membiayai pembelian atau pembinaan kilang-kilang, tanah, kedai-kedai perniagaan dan lain-lain di mana sahamnya dimiliki oleh asnaf fakir miskin keseluruhan atau sebahagiannya supaya menjamin pendapatan mereka dengan syarat hak sahamnya tidak sah untuk dipindah milik seperti status harta wakaf”.

Idea ini tepat dan sesuai dengan perkembangan fiqh semasa yang realistik. Ia memberi peluang kepada golongan fakir dan miskin yang sihat menjadi pekerja yang akan mendapat ganjaran bulanan serta keuntungan saham pelaburan. Dengan itu, asnaf

⁹⁴ Lihat: Ahmad Syafi'i Khatib, *Hikmah Zakat Rukun Ke-3: Dimensi Fiqah & Kerohanian* (Kuala Lumpur: t.p., 2005), 173

fakir dan miskin akan mendapat perhatian dalam sistem agihan zakat dan menjamin sumber ekonomi mereka yang berbentuk saham.⁹⁵

2.3.6 Syarat-syarat Agihan Zakat Produktif

Para ulama cenderung mengambil suatu inisiatif untuk melakukan ijtihad tentang pengagihan zakat secara produktif, kerana melihat keadaan yang begitu mendesak serta masalah tersebut termasuk sebahagian dari masalah muamalat yang hukumnya tidak ditunjuk secara langsung oleh nas, khususnya tentang teknik penyaluran zakat. Kerana itu, dalam rangka memenuhi hajat hidup manusia sepanjang zaman dan tempat, serta sesuai dengan kondisi dan situasi masyarakat itu sendiri, maka syariat Islam melalui pelaksanaan *mu'āmalah* seperti ini telah mengemukakan kaedah-kaedah dasar, kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang sesuai dengan konsep pelaksanaan dan kehendak syarak.⁹⁶

Justeru itu, bagi menjamin kejayaan program pembangunan ekonomi melalui agihan zakat produktif, pihak institusi zakat telah menetapkan syarat-syarat khusus dan syarat-syarat tambahan untuk memastikan tujuan agihan zakat produktif dapat dicapai. Sebagai contohnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengambil pendekatan dari sudut pelaksanaan agihan wang zakat dengan cara mendidik, memberi ilmu, membimbing dan membangunkan asnaf zakat berdasarkan potensi yang ada pada mereka.

Syarat-syarat tambahan yang dikenakan kepada bakal usahawan asnaf seperti mereka perlu menghadiri beberapa kursus khas berkaitan bidang keusahawanan dan

⁹⁵ Dr. Mujaini b. Tarimin, "Memantapkan Pelaksanaan Agihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Satu Saranan Penambahbaikan", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3, No. 1 (2009), 62.

⁹⁶ Siti Zalikha, "Pendistribusian Zakat Produktif Dalam Perspektif Islam", *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, Vol. 15, No. 2 (Februari 2016), 313.

kursus keagamaan yang menjurus kepada kerohanian dan keperibadian akhlak yang bersifat jujur dan amanah terhadap bantuan modal yang diberikan. Tujuan latihan ini adalah untuk memberi perubahan sikap, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang dapat memberi kepuasan serta peningkatan motivasi diri mereka.⁹⁷

Setelah bantuan modal perniagaan diberikan, proses pemantauan yang berkala kepada golongan usahawan asnaf perlu dilakukan. Program pemantauan ini adalah merupakan satu keperluan yang tidak boleh diabaikan dan dipandang ringan dalam memastikan kejayaan asnaf dalam bidang perniagaan yang telah diceburi.⁹⁸ LZS turut menubuhkan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) di mana ahli-ahlinya terdiri daripada asnaf yang pernah menerima bantuan modal daripada LZS untuk memudahkan proses pemantauan dilakukan secara tidak langsung. Melalui KUAZ, LZS bertindak memantau dan menjaga kepentingan ahli di samping membantu mempromosi serta menjenamakan produk keluaran asnaf tersebut.⁹⁹

2.4 Golongan Asnaf Yang Menerima Zakat Produktif

2.4.1 Definisi Asnaf Fakir dan Miskin Menurut Perspektif Syarak

Al-Quran telah menjelaskan secara jelas mengenai 8 golongan asnaf yang berhak menerima zakat dan memulakan dengan menyebut golongan fakir dan miskin terlebih dahulu. Ahli-ahli bahasa Arab menegaskan bahawa sesuatu penetapan yang didahulukan menunjukkan tingkat kepentingan ketetapan tersebut. Oleh itu, tujuan utama zakat ialah untuk kepentingan memberi jaminan kepada golongan fakir dan miskin dan menjaga

⁹⁷ Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Hailani b. Muji Tahir, "Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3, No. 1 (2009), 47.

⁹⁸ Sanep Ahmad, Aniza Hussin dan Rosbi Abdul Rahman, "Penilaian Keatas Keperluan Modal Minimum Untuk Pembangunan Usahawan Asnaf Daripada Bantuan Modal Zakat", jld. 2 (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-V (PERKEM V), Negeri Sembilan, 2010), 237.

⁹⁹ Dr. Hj. Hailani, "Konsep Agihan Zakat", 47.

kedudukan ekonomi mereka.¹⁰⁰

Menurut Mazhab al-Ḥanafi, fakir ialah seseorang yang memiliki harta kurang dari kadar nisab *syar'ie* zakat atau memiliki kadar sama nilai dengan nisab zakat atau lebih dari jenis perkakasan rumah seperti peralatan, pakaian, buku dan sebagainya yang diperlukan untuk kegunaan asasi. Manakala miskin ialah seseorang yang tidak memiliki sesuatu harta pun.¹⁰¹

Manakala menurut Mazhab Syafii, Maliki dan Hanbali, fakir ialah orang yang tidak mempunyai harta serta tidak mempunyai punca pendapatan yang mencukupi keperluan asasnya seperti seseorang yang memerlukan 10 dirham setiap hari tetapi hanya memiliki 2 hingga 4 dirham sahaja. Orang miskin pula ialah orang yang memiliki harta dan punca pendapatan untuk menanggung keperluannya dan tanggungannya tetapi tidak mencukupi seperti seseorang yang memerlukan 10 dirham setiap hari tetapi hanya memiliki 7 atau 8 dirham sahaja.

Oleh itu, dari pentakrifan tersebut, golongan fakir dan miskin yang berhak menerima zakat menurut tiga mazhab ini ialah mereka yang memiliki salah satu dari tiga keadaan berikut:

- i) Orang yang tiada harta dan tiada punca pendapatan.
- ii) Orang yang berharta atau mempunyai punca pendapatan yang tidak mencukupi keperluan dirinya dan keluarganya, iaitu memiliki kurang 50% dari keperluan tersebut.
- iii) Orang yang berharta atau mempunyai punca pendapatan kadar 50% atau lebih dari keperluannya dan tanggungannya tetapi masih tidak mencukupi keperluan yang sempurna.¹⁰²

¹⁰⁰ Yūsuf al-Qaradāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1:544.

¹⁰¹ *Ibid.*, 1:547.

¹⁰² *Ibid.*, 1:547-548.

Jadi, keadaan orang fakir itu lebih buruk daripada orang miskin kerana orang miskin masih mempunyai kemungkinan pendapatan meskipun sangat kecil dan tidak mencukupi. Sedangkan orang fakir memang sudah tidak mempunyai apa-apa dan tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan keperluan asas hidupnya.¹⁰³

Definisi ini dijelaskan dalam al-Quran iaitu firman Allah S.W.T:

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا
وَكَانَ وِرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا ﴿٧٩﴾

Al-Kahfi 18: 79

Maksudnya: “Adapun bahtera itu adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut, dan Aku bertujuan merusakkan bahtera itu, kerana di hadapan mereka ada seorang raja yang merampas tiap-tiap bahtera.”

Dalam ayat ini disebutkan bahawa orang-orang miskin itu masih bekerja (di laut), ertinya meskipun mereka miskin, namun mereka masih mempunyai pekerjaan atau pendapatan, meskipun tidak mencukupi apa yang menjadi keperluan asasnya (menurut *standard* kelayakan hidup di negaranya).¹⁰⁴

2.4.2 Syarat-syarat Ke Atas Fakir dan Miskin Yang Berhak Menerima Zakat Produktif

Dr. Wahbah al-Zuhayli dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islāmiyy wa 'Adillatuh* mengatakan bahawa ahli-ahli fiqh meletakkan lima syarat bagi penerima zakat iaitu:

- 1) Penerima zakat itu seorang fakir miskin

¹⁰³ Wahbah al-Zuhayli, *Mawsū'ah al-Fiqh al-Islāmiyy Wa al-Qadāya al-Mu'āshirah*, cet. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2010), 2:779.

¹⁰⁴ Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'ān* (Dār 'Ālim al-Kutub), 8:169. Lihat: Haji Ismail Hashim, *Syariah Zakat, Sedekah dan Infak* (Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t), 171.

- 2) Penerima zakat itu seorang muslim
- 3) Penerima zakat itu bukan dari kalangan Bani Hashim
- 4) Penerima zakat itu bukan tanggungan bagi pembayar zakat
- 5) Penerima zakat itu seorang yang baligh, berakal dan merdeka.¹⁰⁵

Walau bagaimanapun, penulis tidak akan mengupas mengenai 4 syarat yang terakhir melainkan syarat yang pertama adalah berkaitan dengan isu yang dibincangkan iaitu penerima zakat hendaklah daripada golongan asnaf fakir dan miskin. Kefakiran adalah syarat umum dalam pengagihan zakat kecuali diharuskan diberi kepada empat atau lima golongan kaya mengikut Mazhab Syafii dan Hanbali sebagaimana hadith bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيِّ إِلَّا لِخَمْسَةِ لِعَاِزٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ لِعَلَّالٍ عَلَيْهَا أَوْ
لِعَارِمٍ أَوْ لِرَجُلٍ اشْتَرَاهَا بِمَالِهِ أَوْ لِرَجُلٍ كَانَ لَهُ جَارٌ سَكِينٌ فَتُصَدَّقَ
عَلَى الْمَسْكِينِ فَأَهْدَاهَا الْمَسْكِينُ لِلْغَنِيِّ.

Maksudnya: “Tidak halal zakat bagi orang kaya kecuali bagi lima orang, iaitu orang yang berperang di jalan Allah, atau petugas zakat, atau orang yang berhutang, atau seseorang yang membelinya dengan hartanya, atau orang yang memiliki jiran tetangga miskin kemudian orang miskin tersebut diberi zakat, lalu ia memberikannya kepada orang yang kaya.” – Hadith riwayat Abū Dāwud¹⁰⁶

Berdasarkan hadith, adalah diharuskan memberi zakat kepada golongan kaya iaitu amil kerana ia bertugas mengutip dan mengagih zakat, bahagiannya adalah *’ujrah* atau upah hasil dari kerjanya. Begitu juga *Ibnu al-Sabīl* dan orang yang berperang di

¹⁰⁵ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu’āshir, 2004), 3:1961-1971.

¹⁰⁶ Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, cet. 1 (Riyādh: Dār al-Salām Lī al-Nasyar Wa al-Tauzī’, 1999), 243 (no. hadith 1635).

jalan Allah apabila mempunyai harta di negerinya tetapi fakir di negeri yang dia berada. Yang terakhir ialah pemberian kepada *mu'allaf* walaupun secara zahirnya dia berharta.¹⁰⁷

Dalam aspek keupayaan untuk mencari sumber pendapatan dengan bekerja, Jumhur fuqaha dari Mazhab Syafii dan Hanbali bersepakat bahawa zakat diharamkan pemberiannya kepada orang yang kuat, sihat sejahtera lagi dapat berusaha berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W melalui hadith yang diriwayatkan oleh lima perawi:¹⁰⁸

لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيِّ وَلَا لِذِي رِّبَّةٍ سِوَى.

Maksudnya: “Tidak halal sedekah kepada orang kaya dan orang yang kuat sejahtera tubuh badan” – Hadith riwayat Abū Dāwud¹⁰⁹

Dan begitu juga sabda baginda S.A.W:

وَلَا حَظٌّ فِيهَا لِغَنِيِّ وَلَا لِقَوِيٍّ كَتَسِيبٍ.

Maksudnya: “Tidak ada habuan pada harta zakat untuk orang kaya dan untuk orang yang kuat lagi dapat bekerja” – Hadith riwayat Abū Dāwud¹¹⁰

Hikmat pengharaman ini ialah kerana orang kuat lagi dapat berusaha dituntut oleh syarak supaya bekerja dan mendapatkan kecukupan untuk keperluan dirinya dan bukannya berdiam diri tanpa bekerja dan membebankan orang lain serta mengharapkan pemberian serta zakat oleh orang ramai.¹¹¹ Hal ini disandarkan kepada hadith *ṣaḥīḥ*

¹⁰⁷ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 2004), 3: 1961-1962. Lihat: Mohammad Azli bin Ab Rahman dan Zaini bin Nasohah, Kertas Kerja “Pembaharuan Metode Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Ekonomi Golongan Fakir Dan Miskin Di Majlis Agama Islam Melaka”, 215.

¹⁰⁸ ‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Ahkām al-Zakāh ‘alā Dau’i al-Mazāhib al-Arba‘ah* (t.tp: Dār al-Salam, t.t), 41-42. Lihat: Muhammad Ramzi Omar, *Zakat Menurut Empat Mazhab*, cet. 1 (Selangor: Pustaka Ilmi, 2004), 73.

¹⁰⁹ Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, cet. 1 (Riyādh: Dār al-Salām Lī al-Nasyar Wa al-Tauzī‘, 1999), 243 (no. hadith 1634).

¹¹⁰ *Ibid.*, 243 (no. hadith 1633).

¹¹¹ ‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Ahkām al-Zakāh ‘alā Dau’i al-Mazāhib al-Arba‘ah* (t.tp: Dār al-Salam, t.t),

bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

□ اَكْلُ أَحَدٍ طَعْمًا □ فَطُّ خَيْرًا □ نَ أَنْ يَأْكُلَ □ نَ عَمَلٍ يَدِهِ.

Maksudnya: “Tidak ada seorang yang memakan suatu makanan pun yang lebih baik dari makanan hasil usaha tangannya sendiri.” – Hadith riwayat al-Bukhāri¹¹²

Sementara dimaksudkan dengan keupayaan bekerja ialah mampu menjana pendapatan yang mencukupkan keperluan hidup.¹¹³ Jika ia tidak mendapati pekerjaan atau mendapati suatu pekerjaan tetapi upahnya tidak mencukupi untuk dirinya dan tanggungannya maka pada ketika itu ia boleh dibantu dengan diberikan zakat sekadar keperluannya atau sekadar yang dapat memudahkannya mendapat pekerjaan.¹¹⁴ Ini adalah kerana menurut pendapat muftabar di sisi Imam Nawawi, suatu pekerjaan yang tidak sesuai atau tidak mencukupkan pendapatan untuk dirinya dan tanggungannya sama seperti tidak mendapati pekerjaan.¹¹⁵

Sebahagian fuqaha al-Ḥanafi pula mengharuskan pemberian zakat kepada orang yang memiliki harta yang kurang daripada nisab walaupun ia seorang yang sihat, sejahtera anggota tubuh lagi berupaya untuk bekerja kerana ia dikira sebagai orang yang fakir. Oleh itu, Zakat ialah rukun asas untuk mewujudkan masyarakat yang saling bantu-membantu dan membentuk umat yang produktif, mampu memberikan sumbangan untuk membangunkan ekonomi dengan dipayungi dibawah keadilan sosial.¹¹⁶

41-42. Lihat: Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiḡhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 1973), 1:557.

¹¹² Al-Bukhāri, *Saḡīḡ al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Ṣofa), 1:452 (no. hadith 2073).

¹¹³ Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiḡhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 1973), 1:559.

¹¹⁴ *Ibid.*, 1:557.

¹¹⁵ Al-Qaraḍāwi, *Fiḡhu al-Zakāh*, 1:559.

¹¹⁶ ‘Abdullah Nāṣīḡ ‘Ulwān, *Aḡkām al-Zakāh ‘alā Ḍaw’i al-Mazāhib al-Arba’ah* (t.tp: Dār al-Salam, t.t), 41-42. Lihat: Muhammad Ramzi Omar, *Zakat Menurut Empat Mazhab*, cet. 1 (Selangor: Pustaka Ilmi, 2004), 73-74.

2.4.3 Penentuan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Had Kifayah

Istilah *ḥad al-kifāyah* bukanlah suatu istilah yang dikemukakan oleh al Quran atau al-Sunnah, tetapi ia merupakan istilah yang diambil para ulama daripada ruh nas-nas tersebut¹¹⁷. Antara contoh nas yang boleh dijadikan rujukan berkenaan ketentuan Had kifayahini adalah seperti hadith Rasulullah S.A.W berikut:

لَيْسَ الْمِسْكِينُ الَّذِي تَرُدُّهُ الْأَكْلَةَ وَالْأَكْلَتَانِ وَلَكِنَّ الْمِسْكِينَ الَّذِي لَيْسَ لَهُ
غِنًى وَيَسْتَحْيِي أَوْ لَا يَسْأَلُ النَّاسَ إِحْفَافًا. - تفق عليه

Maksudnya: “Bukanlah miskin itu seorang yang datang-datangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua makanan dan sebutir dua buah kurma, tetapi miskin itu ialah seorang yang tidak memiliki sesuatu yang mengkayakannya dan dalam masa yang sama tidak melakukan sesuatu yang membuatkan orang bersedekah kepadanya, dan tidak juga dia bangun di hadapan orang dan meminta-minta daripada mereka” – Hadith *Muttafaqun ‘Alaih*.¹¹⁸

Had kifayah secara umumnya adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkau persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya¹¹⁹. Ia merupakan tahap yang lebih tinggi berbanding *ḥad al-kafāf* dalam kehidupan dan boleh bertambah serta berubah berdasarkan perubahan peringkat kemajuan mengikut sesuatu tempat dan zaman. Istilah

¹¹⁷ Lihat: Al-Fanjāri, Muhammad Shauqi, “al-Islām wa al-Tawāzun al-Iqtisādi baina al-Afrād wa al-Duwal”, (2010), 1:39, laman sesawang *Wizārāt al-Auqāf*, <http://www.shamela.ws>

¹¹⁸ Al-Bukhāri, *Saḥīḥ al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Ṣofa), 1:326 (no. hadith 1476).

¹¹⁹ Lihat: Uwais, Abd al-Halīm, *Mausū‘ah al-Fiqh al-Islāmi al-Mu‘āṣir*, cet. 1, (Maṣūrah: Dār al-Wafā‘, 2004), 1:334.

lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan *Had kifayah* antaranya ialah *al-hājah al-aṣliyyah* (keperluan asas) menurut fuqaha al-Ḥanafiyah (mazhab Ḥanafi) dan juga *ḥad al-Ghina* (tahap kekayaan).¹²⁰

Selain itu, ia juga menjadi garisan pemisah antara mereka yang layak menerima zakat dan mereka yang perlu membayar zakat. Barangsiapa yang pendapatannya melebihi *Had kifayah* perlu mengeluarkan zakat manakala mereka yang kurang daripada *had* ini layak menerima zakat sehingga tahap memenuhi tahap tertentu yang didefinisikan sebagai *Had kifayah* itu sendiri. Oleh kerana *Had kifayah* ini boleh berbeza dan berubah mengikut zaman dan tempat, maka pemerintah berperanan dalam mengenalpasti *had* ini. Ia dikira sebagai suatu kewajiban negara kerana melibatkan hak orang yang perlu membayar zakat serta hak mereka yang sepatutnya menerima zakat¹²¹. Secara umumnya, definisi ini menunjukkan bahawa *Had kifayah* merupakan suatu garis penentu seorang itu telah mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan.

Kebanyakan institusi zakat menggunakan pendekatan kewangan dalam mengukur kemiskinan berdasarkan kaedah *Had Kifayah* (Purata Garis Kemiskinan Zakat). Kaedah pengiraan *Had Kifayah* adalah hampir sama dengan Purata Garis Kemiskinan (PGK) kerana ia menggunakan pendapatan sebagai pembolehubah untuk menentukan sama ada individu atau isi rumah itu miskin atau sebaliknya. PGK didefinisikan sebagai pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan minimum termasuklah makanan, kesihatan, pakaian, pendidikan, rekreasi, pengangkutan, minyak dan sewa (EPU, 2012). PGK ini telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, manakala *Had Kifayah* ditentukan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Kaedah penentuan agihan zakat amat bergantung kepada *Had kifayah* yang

¹²⁰ Lihat: Al-Fanjāri, Muhammad Shauqi, “al-Islām wa al-Tawāzun al-Iqtisādi baina al-Afrād wa al-Duwal”, (2010), 1:39, laman sesawang *Wizārāt al-Auqāf*, <http://www.shamela.ws>

¹²¹ Lihat: Uwais, *Mausū'ah al-Fiqh*, 1:335.

telah ditentukan oleh institusi zakat negeri termasuk di Kelantan yang ditentukan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Dalam penentuan Had Kifayah, pihak JAWHAR telah menetapkan beberapa komponen untuk diambil kira. Komponen pertama yang perlu dirujuk ialah tujuan pensyariatian (*maqāṣid al-syarī'ah*) yang lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal fikiran, keturunan atau maruah dan harta benda. Selain itu, semua keperluan asas seperti perlindungan, makanan dan minuman, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan mestilah diutamakan. Bagi kategori setiap isi rumah pula mempunyai kadar keperluan tertentu dan berbeza mengikut kedudukan dalam keluarga iaitu sama ada ketua keluarga, tanggungan dan bersekolah atau sebaliknya. Sementara perbezaan lokasi tempat tinggal asnaf turut mempengaruhi penentuan Had Kifayah. Tiga lokasi seperti di bandaraya, kawasan bandar dan kawasan luar bandar perlu diambil kira bagi penentuan Had kifayah tersebut. Selain itu, perbezaan status rumah meliputi rumah percuma atau rumah berbayar menentukan jumlah pendapatan isi rumah yang berlainan dalam pengiraan Had Kifayah. Oleh itu, Had kifayah berperanan sama seperti Indeks Kemiskinan iaitu menetapkan satu kadar yang melayakkan individu itu menerima bantuan zakat.¹²²

Penggunaan Had Kifayah bertujuan untuk memudahkan proses penentuan golongan miskin tegar, miskin dari golongan yang tidak miskin. Dr Yūsuf Al-Qaraḍāwī dan Mohd Parid Syeikh Ahmad¹²³ mengesyorkan bahawa pengagihan zakat perlu sekurang-kurangnya mencukupi tahap kos sara hidup minimum dan keselesaan untuk penerima dan tanggungannya. Jumlah zakat diagihkan perlu dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti di mana kesan pengagihan zakat adalah untuk mencapai atau

¹²² Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), *Manual Pengurusan Agihan Zakat*, (2007), 17-26.

¹²³ Lihat: Mohd Parid Syeikh Ahmad, "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt), *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: IKIM, 2001)

mencukupi taraf hidup Keperluan Asas (*Darūriyyāt*) dan Keselesaan (*Hājiyyāt*).

Othman al-Habshi menjelaskan bahawa zakat adalah cara yang paling berkesan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Islam menekankan umatnya untuk mengambil serius peranan zakat dalam memperbaiki kehidupan sosial umat Islam yang miskin. Beliau juga menyatakan bahawa kadar zakat yang diterima oleh orang miskin sepatutnya membantu mereka meningkatkan taraf hidup mereka, iaitu, dalam memenuhi *Darūriyyāt* mereka dan keperluan *Hājiyyāt* mereka yang menjadi keperluan minimum dalam hidup mereka. Oleh itu, zakat yang diterima oleh mereka haruslah membolehkan mereka untuk meningkatkan keperluan kehidupan mereka. Perspektif keperluan di sini bermaksud kesejahteraan dalam kehidupan untuk mencapai kemudahan dan keselesaan dalam kehidupan mereka. Jadual 2 menunjukkan contoh penentuan Had Kifayah berdasarkan keperluan isi rumah di Selangor.

Jadual 2.4.3: Penentuan Had Kifayah di Selangor

Kuanti	Kategori Isi Rumah	Jumlah had kifayah (RM)
1	Ketua Isi Rumah	680
1	Dewasa (Bekerja)	420
1	Dewasa (Tidak Bekerja) (18 tahun ke atas)	240
1	Kanak-kanak (berumur 7-17)	180
1	Kanak-kanak (berumur 1-6)	130
JUMLAH		1650
1	Had Kifayah Tambahan (Kes Khas)	
1	Cacat	200
1	Penjagaan Kanak-kanak	190
1	Isi rumah dengan penyakit kronik	200
JUMLAH		590

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Sebagai contoh, sekiranya sebuah keluarga itu mempunyai 5 anggota keluarga dengan kedua-dua ibu bapa bekerja, seorang dewasa bekerja yang berumur 18 tahun, seorang kanak-kanak dalam kumpulan umur 7-17 dan kanak-kanak dalam kumpulan umur 1-6, maka Had Kifayah keluarga tersebut adalah RM 1,650. Namun, sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah RM 1,800, maka keluarga ini tidak layak

untuk menerima zakat kerana pendapatan isi rumah tersebut melebihi Had Kifayah yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya pendapatan mereka adalah RM 650, maka mereka layak untuk menerima zakat sebanyak RM 1,000 bagi mencukupi had kifayah mereka. Di samping itu, sekiranya isi rumah tersebut mempunyai penyakit kronik, jumlah had kifayah mereka akan meningkat. Penentuan Had kifayah yang diamalkan oleh Lembaga Zakat Selangor adalah komprehensif dan lebih terperinci berbanding dengan institusi-institusi zakat yang lain di Malaysia.

Menurut Abraham H. Maslow, keperluan asas seseorang yang mesti dipenuhi sebelum meneruskan kehidupan untuk keperluan masa hadapan. Oleh itu, seseorang mesti mencapai atau memenuhi keperluan asas pertama untuk terus hidup di mana keperluan yang paling asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sebelum beralih kepada memenuhi keperluan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, jika keperluan asas seseorang individu tidak dapat dipenuhi, ini menunjukkan bahawa hidupnya tidak berkualiti. Walau bagaimanapun, jika keperluan asas telah dipenuhi, seseorang itu akan beralih kepada keperluan yang lebih tinggi dan keperluan lain. Menurut Maslow lagi, seseorang akan cuba untuk memenuhi keperluan dan cuba untuk mendapatkan keperluan tertinggi (kepuasan diri). Jika seseorang mencapai kepuasan diri, dia boleh dikatakan telah mendapat kualiti tertinggi kehidupan.¹²⁴

Dalam perbincangan fuqaha mengenai persoalan kadar pengagihan zakat terhadap golongan fakir miskin, ia juga melibatkan ketentuan had kifayah dalam syariat Islam. Walaupun pendapat ini menyatakan keperluan itu adalah keperluan setahun, tetapi ia masih menuntut kepada mengenalpasti tahap kecukupan seseorang yang selayaknya diberikan zakat tersebut serta berapakah kadar yang sepatutnya diberikan. Ini menunjukkan bahawa had kifayah ini bukan sekadar tahap yang memenuhi keperluan dalam bentuk

¹²⁴ Lihat: Mohd Faisal Ibrahim, Ahmad Fahme Mohd Ali dan Mohd Nasir Ali, "Pengiraan Had Kifayah Bagi Kemiskinan Di Malaysia: Kajian Kes Di Negeri Selangor", (makalah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), t.t), 4.

mencukupkan kekurangan dalam pendapatan tetapi menjangkau sehingga mencukupkan keperluan hidup yang diperlukan bagi mengembangkan lagi kualiti kehidupan. Ia juga merupakan tahap yang boleh berubah mengikut keperluan individu di samping tertakluk juga kepada faktor-faktor lain seperti masa, tempat dan keadaan seseorang itu sendiri.¹²⁵

Had kifayah merupakan panduan terbaik bagi sesebuah kerajaan khususnya Malaysia dalam menentukan taraf hidup minimum yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat. Ia bukan sekadar boleh diaplikasi dalam konteks pelaksanaan sistem zakat bahkan boleh menjangkau sehingga peringkat mengenalpasti paras gaji minimum yang diperlukan oleh rakyat. Menerusi panduan ini ia akan dapat melahirkan pengagihan ekonomi yang lebih adil dalam masyarakat dan seterusnya menunjukkan keupayaan produk Islam dalam menangani cabaran ekonomi semasa.¹²⁶

2.5 Keberkesanan Zakat Produktif Dari Perspektif *Maqāṣid al-Syarī'ah* (Tujuan Syarak)

Berdasarkan ajaran Islam kehidupan manusia memerlukan lima perkara asas yang disebut sebagai *maqāṣid al-syarī'ah* (tujuan syarak) yang terdiri dari agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Maqāṣid al-syarī'ah* itu jugalah yang menjadi tujuan syariah diturunkan kepada manusia maka tentunya bantuan zakat juga mempunyai maksud untuk memenuhi *maqāṣid al-syarī'ah* tersebut. Maka penilaian kegagalan atau kejayaan sesuatu tindakan perlulah didasarkan kepada kegagalan atau kejayaan dalam memenuhi *maqāṣid al-syarī'ah* tersebut.¹²⁷

¹²⁵ Mansor Bin Sulaiman, et al., "Had al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin Dan Kaya Berasaskan Sunnah Di Malaysia", (Universiti Malaysia Pahang: t.t), 5.

¹²⁶ *Ibid.*, 13.

¹²⁷ Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif *Maqāṣid al-Syarī'ah*" (2010), 449, laman sesawang <http://documents.tips/documents/keberkesanan-agihan-zakat.html>

Dalam kajian Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad mengenai keberkesanan bantuan zakat modal dari perspektif penerima zakat di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, satu penilaian telah dilakukan ke atas semua aspek kehidupan penerima zakat modal sebagaimana yang digariskan oleh *maqāṣid al-syarī'ah*. Kaedah penilaian ukuran keberkesanan yang digunakan adalah penggabungan prinsip *maqāṣid al-syarī'ah* yang lima dan Teori Maslow¹²⁸. Hasil daripada kajian tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa purata tahap kejayaan bagi setiap prinsip *maqāṣid al-syarī'ah* kebanyakan berada pada tahap sederhana berjaya. Ini menunjukkan bahawa majoriti golongan asnaf fakir dan miskin yang mendapat bantuan modal zakat telah berupaya untuk mengubah taraf sosioekonominya ke arah yang lebih baik jika dinilai daripada perspektif memenuhi keperluan yang digariskan berdasarkan prinsip *maqāṣid al-syarī'ah* itu.¹²⁹ Ini jelas membuktikan bahawa bantuan modal zakat yang diamalkan oleh pusat zakat boleh dikatakan telah berjaya meningkatkan taraf sosioekonomi asnaf dan oleh itu ia perlu diteruskan. Namun bagi mendapatkan impak yang signifikan bagi semua aspek keperluan kehidupan maka penambahbaikan dalam agihan zakat masih diperlukan.

Agihan zakat modal memberi *maṣlaḥah* (kebaikan) kepada golongan fakir miskin. Berdasarkan kriteria *maṣlaḥah*, agihan zakat modal daripada dana zakat ini telah memenuhi kriteria tersebut. Dengan adanya bentuk agihan daripada dana zakat ini, umat Islam tidak akan terjebak dengan urusan riba dan akhirnya objektif zakat, iaitu menanganikan kemiskinan akan tercapai. Ini selari dengan asas *maqāṣid al-syarī'ah*,¹³⁰ iaitu menarik kebaikan (*maṣlaḥah*) dan menolak kerosakan (*mafsadah*).

¹²⁸ Teori Maslow atau dikenali sebagai teori Hieraki Maslow diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow (1954) melihat kepada keperluan bagi individu untuk memenuhi 5 hieraki keperluan dalam hidupnya meliputi keperluan asas, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan diri dan akhirnya keperluan kesempurnaan sendiri. Menurut teori ini, kelima-lima keperluan ini memberikan motivasi kepada individu menjalani kehidupan. Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, "Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqāṣid al-Syarī'ah" (2010), 451, laman sesawang <http://documents.tips/documents/keberkesanan-agihan-zakat.html>.

¹²⁹ Rosbi et al., "Keberkesanan Bantuan", 1:107.

¹³⁰ Zahri Hamat, "Kriteria Maṣlaḥah Dalam Maqāṣid Syarī'ah", laman sesawang Zahri Hamat, dicapai 23 Oktober 2015, <http://zahri1.rssing.com/chan-6212586/latest.php>

Maka jelas di sini menolak *mafsadah* adalah wajib demi tegaknya kemaslahahan. Prinsip ini menggambarkan bagaimana Islam sangat prihatin terhadap kepentingan awam berbanding kepentingan individu. Hal ini memberikan petunjuk penting dalam membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi perubahan-perubahan signifikan yang terjadi dalam kehidupan sosial masyarakat.¹³¹

2.6 Peranan Zakat Produktif Dalam Pembasmian Kemiskinan

Dr. Yūsuf Al-Qaraḍāwi dalam bukunya, *Fiqh al-Zakāh* mengatakan bahawa Allah S.W.T menyebutkan asnaf fakir miskin pada urutan pertama dan kedua menunjukkan bahawa tujuan syarak (*maqāsid al-syarī'ah*) yang utama dari zakat adalah untuk membasmi kemiskinan. Menurutnya, hal ini merupakan tujuan utama zakat dan terpenting. Pendapat Dr. Yūsuf Al-Qaraḍāwi ini berdasarkan pada hadith Nabi S.A.W ketika baginda mengutus Mu'az bin Jabal ke Yaman.¹³²

فَاعْلَمُوهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُوْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ
وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ. – رواه البخارى

Maksudnya: “Maka beritahukanlah bahawa Allah telah mewajibkan atas mereka sedekah (zakat) dari harta mereka yang diambil dari orang-orang kaya mereka dan diberikan kepada orang-orang fakir mereka”.¹³³ – Hadith riwayat al-Bukhāri

Zakat juga dikenalpasti sebagai komponen utama dalam sistem keselamatan sosial Islam. Zakat didapati mampu mengurangkan kemiskinan (walaupun tidak membasminya) dan mengurangkan jurang agihan pendapatan (walaupun tidak

¹³¹ *Ibid.*

¹³² Haji Ismail Hashim, *Syariah Zakat, Sedekah dan Infak* (Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t), 169-172.

¹³³ Al-Bukhāri, *Saḥīḥ al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Ṣofa), 1:307 (no. hadith 1395).

menghapuskannya), serta mempunyai potensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Aṭā'ul Ḥaq melihat bahawa zakat boleh berperanan untuk meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan melalui kesan pengganda dari zakat. Projek-projek yang dibiayai menggunakan dana zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, dan lain-lain akan meningkatkan produktiviti golongan miskin dengan memenuhi keperluan asas mereka. Pendapatan golongan miskin akan meningkat sebagai kesan dari peningkatan produktiviti.¹³⁴

Menurut Naseri Taib, perkataan miskin atau kemiskinan dalam Islam merujuk kepada satu keadaan yang di alami oleh seseorang individu yang tidak memiliki sebarang harta atau wang ringgit. Dalam Islam, kemiskinan dilihat sebagai satu keadaan yang boleh menguji seseorang individu sama ada yang kaya atau yang miskin. Kebajikan setiap individu amat dititik beratkan bahkan Islam telah mengajar umatnya supaya memenuhi keperluan *ḍarūriyyāt* (asasi) terlebih dahulu sebelum *ḥājjiyyāt* (tambahan) dan *tahsīniyyāt* (sampingan). Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab bagi golongan yang kaya untuk membantu memenuhi keperluan *ḍarūriyyāt* golongan miskin. Antara instrumen yang digunakan untuk mengurangkan kadar kemiskinan ialah melalui pelaksanaan zakat. Antara kaedah yang dilakukan dalam mengurangkan kemiskinan melalui agihan zakat ialah pemberian bantuan sara hidup dan bantuan modal.¹³⁵

Melalui bantuan modal, asnaf-asnaf yang berkeupayaan untuk bekerja akan diberi bantuan sesuai dengan kemahiran dan kebolehan masing-masing. Sebagai contoh,

¹³⁴ Lihat: Patmawati Hj Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal", *Jurnal Syariah*, bil. 2 (223-244, 2008), 16: 232-234.

¹³⁵ Lihat: Nurul Hidayah Mansor, S.Salahudin Hj. Suyurno dan Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 201, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor), 7.

ibu tunggal yang miskin tapi masih mampu bekerja boleh diberi galakan untuk belajar menjahit. Seterusnya, diberikan bantuan mesin jahit untuk ibu tunggal tersebut menjalankan perniagaan kecil-kecilan menjahit baju. Melalui bantuan berbentuk modal kerja ini, asnaf-asnaf tersebut mampu mengubah taraf hidup mereka dengan tangan sendiri. Adalah lebih baik memberikan pancing daripada ikan kepada golongan ini. Secara tidak langsung, asnaf zakat ini akan keluar dari kemiskinan dan berupaya menjadi penyumbang zakat.¹³⁶

Oleh itu, dana zakat yang ada perlu digunakan dengan cekap. Bantuan yang diberi tidak boleh dalam bentuk bantuan ‘mencukupkan pendapatan’ sahaja, sebaliknya bantuan yang diberi haruslah mampu meningkatkan produktiviti golongan miskin ini supaya dalam jangka panjang mereka bukan setakat boleh keluar dari kemiskinan tetapi juga mampu membayar zakat.¹³⁷

Ayat mengenai pengagihan zakat di dalam surah al-*Tawbah*: 60 dengan nyata menjelaskan bahawa zakat bukannya satu bentuk derma pilihan tetapi ia merupakan satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan. Selain zakat bertindak sebagai mekanisme kewangan Islam, zakat juga berkonsepkan ekonomi kerana mengambil kira kesan eksternaliti yang ditanggung oleh pihak ketiga hasil daripada pengeluaran sesuatu produk ekonomi. Kesan negatif eksternaliti kepada pihak ketiga menyebabkan ekonomi tidak mencapai keseimbangan yang optimum. Sanep Ahmad dan Hairunnizam di dalam kajiannya menyatakan bahawa melalui sistem ekonomi Islam, keseimbangan optimum ini boleh dicapai melalui zakat yang dibayar kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan. Agihan zakat kepada golongan ini diharapkan dapat mengeluarkan mereka daripada kelompok asnaf dan akhirnya menjadi sebahagian daripada guna tenaga yang

¹³⁶ *Ibid.*

¹³⁷ Patmawati bte Hj Ibrahim, “Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah”, (kertas kerja, Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22/5/07 – 24/5/07), 9.

produktif dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.¹³⁸

Zakat bukan hanya bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dengan memberikan pertolongan yang sementara atau berkala tetapi juga untuk memperkembangkan lagi kaedah pemilikan harta serta menambah golongan pemilik harta. Maka tujuan zakat sebenarnya ialah untuk mengkayakan asnaf fakir dan miskin serta mengeluarkan mereka dari situasi memerlukan kepada situasi cukup untuk selamanya iaitu dengan memberikan pemilikan terhadap setiap keperluan yang sesuai dan layak baginya. Dengan demikian usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terbesar iaitu untuk mengurangkan jumlah para pekerja upahan sebaliknya menambahkan jumlah pemilik harta akan dapat direalisasikan.¹³⁹

Daripada sudut lain, skim bantuan modal mampu menggerakkan asnaf untuk menjana sumber pendapatan sendiri walaupun tidak berupaya keluar daripada kategori asnaf fakir miskin. Pendapatan asnaf fakir miskin dijangkakan akan meningkat sekiranya wujud peningkatan produktiviti dalam usaha perniagaan. Atā'ul Ḥaq pula melihat bahawa zakat berperanan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan melalui kesan pengganda daripada zakat.¹⁴⁰

¹³⁸ Lihat: Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad, “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia”, (kertas kerja, Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09 pada 10-11 Februari 2009 di APIUM, Universiti Kebangsaan Malaysia), 2.

¹³⁹ Yūsuf al-Qaraḏāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 1973), 1:888.

¹⁴⁰ Lihat: Muhammad Rizal Jalil et al., “Strategi Pembangunan Asnaf Fakir Dan Miskin Melalui Penjanaan Semula Model Bantuan Modal Zakat”, (makalah, E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya), 8.

2.7 Kesimpulan

Sumbangan institusi zakat dalam proses membangunkan tahap sosioekonomi asnaf tidak dapat dikesampingkan lagi. Namun, metodologi dan kaedah pengagihan bantuan modal dilihat perlu sejajar dengan corak perubahan dunia pada masa kini. Pengagihan dana zakat dalam bentuk bantuan modal bukanlah sekadar untuk memenuhi keperluan dan permintaan asnaf semata-mata, sebaliknya sebagai satu kunci masa depan asnaf yang lebih baik.¹⁴¹

Konsep zakat sebagai rukun Islam merupakan salah satu cara dalam pengembangan ekonomi masyarakat. Dimensi zakat tidak hanya bersifat ibadah ritual sahaja, tetapi juga mencakupi dimensi sosial, ekonomi, keadilan dan kesejahteraan. Satu daripada tujuan utama zakat ialah mewujudkan perbezaan ekonomi yang adil dan saksama di kalangan masyarakat supaya orang-orang kaya tidak akan menjadi lebih kaya dan orang miskin menjadi semakin miskin. Rasulullah S.A.W telah menggambarkan zakat sebagai harta yang diambil daripada orang-orang kaya yang dikembalikan kepada orang-orang miskin. Tujuannya ialah untuk mengagihkan kekayaan kepada masyarakat supaya tidak ada umat Islam yang tinggal dalam kemiskinan dan penderitaan.¹⁴²

Pemberian zakat berbentuk modal atau bantuan pembelian peralatan adalah satu anjakan paradigma yang telah dilakukan oleh kebanyakan institusi zakat di Malaysia. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan asnaf melalui hasil tangan mereka sendiri. Ini sendiri digalakkan oleh Nabi Muhammad S.A.W untuk berusaha

¹⁴¹ Muhammad Rizal Jalil et al., "Strategi Pembangunan Asnaf Fakir Dan Miskin Melalui Penjanaan Semula Model Bantuan Modal Zakat", (makalah, E-Prosidings Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaysia), 6.

¹⁴² Shafwan Bendah, "Bagaimana Baitul Mal Memproduktifkan Zakat", dikemaskini 21 September 2014, dicapai 5 Oktober 2016, laman sesawang *Suara Pembaharu*, <https://suarapembaharu.wordpress.com/2014/09/21/bagaimana-baitul-mal-memproduktifkan-zakat>

melalui hasil tangan sendiri.¹⁴³ Tindakan ini telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam usaha untuk memastikan tujuan pensyariatan zakat dapat di sempurnakan dengan jayanya.

University of Malaya

¹⁴³ Azman Ab Rahman, et al., “Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf”, (Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9 2014)), 196.

BAB TIGA

PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

3.1 Pengenalan Ringkas Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang pada awal penubuhannya dikenali dengan singkatan 'Majlis' telah ditubuhkan pada 24 Disember 1915M bersamaan 17 Safar 1334H. Fungsi utama di masa penubuhan (MAIK) ialah pengurusan Wang Zakat, Baitulmal dan Khairat. Tujuan penubuhannya ialah untuk menjaga dan mengawasi perkara-perkara yang ada hubungan dengan agama Islam, membantu golongan fakir dan miskin, mengadakan masjid-masjid dan memberi perkhidmatan kebajikan kepada seluruh rakyat negeri Kelantan.¹ Penubuhannya telah dimasyurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad IV dalam satu istiadat yang gilang-gemilang bertempat di hadapan bangunan Pejabat Tanah Kota Bharu di hadapan pembesar-pembesar negeri, orang-orang kenamaan, dan disaksikan oleh sebahagian rakyat negeri Kelantan.²

MAIK kini berfungsi berlandaskan Undang-undang Majlis Tahun 1994.³ MAIK menjadi badan induk bagi institusi-institusi agama yang ditubuhkan kemudiannya dalam negeri Kelantan. Asas kedudukannya yang seperti ini, ditambah dengan statusnya sebagai 'bukan sebuah jabatan kerajaan', maka MAIK menikmati kedudukannya sebagai sebuah badan yang bebas daripada pengaruh dan campur tangan

¹ Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Laporan Tahunan MAIK 2011, viii.

² Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 21.

³ *Ibid.*, 148.

mana-mana pihak, termasuk kerajaan negeri.⁴ Hal ini berbeza dengan majlis negeri-negeri Melayu yang lain yang diberi kuasa dengan pembentukan dasar manakala operasinya dijalankan oleh jabatan-jabatan agama Islam negeri.⁵

Bermula dari sebuah badan yang autonomi, MAIK kini ialah sebuah badan berkanun. MAIK mempunyai visi untuk menjadi sebuah organisasi pengurusan wang zakat dan pengurusan harta Baitulmal dan wakaf yang terunggul di Malaysia. Visi ini selari dengan objektif penubuhannya iaitu; untuk dakwah Islamiah yang berkesan, serta membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah; memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiah di kalangan orang Islam di negeri Kelantan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah; memperbanyak usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam; serta melaksanakan usaha-usaha menambah harta Majlis melalui pelaburan dan usaha-usaha yang lain bagi faedah kebajikan umat Islam. Selaras dengan objektif tersebut, misinya mudah, iaitu untuk memberi sumbangan bermakna bagi meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam. Bermotokan “Islam Penyuluh Hidup” dengan slogan “Bayar Zakat Harta Berkat”, MAIK hari ini telah melalui sejarah perjalanan yang jauh selama seratus tahun bermula dari tahun 1915.⁶

⁴ Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990* (Kuala Lumpur: t.p, 2010), 35.

⁵ Lihat: Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 158.

⁶ *Ibid.*, 148-149.

3.1.1 Organisasi Pentadbiran MAIK

Pentadbiran merupakan aspek penting dalam menjayakan sesuatu dasar bagi masyarakat dan negara. Justeru, MAIK ialah sebuah badan agama yang beroperasi dan dinaungi sepenuhnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDDYM) al-Sultan Kelantan.⁷ Penasihat dan pengawas kepada seluruh organisasi MAIK adalah Yang Dipertua MAIK yang berfungsi sebagai Pengerusi MAIK. MAIK ditadbir oleh sebuah badan yang mempunyai kuasa tertinggi yang dikenali sebagai Ahli Majlis dan Majlis ini pula dibantu oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Jemaah Ulama.⁸ Fungsi Jemaah Ulama adalah untuk menasihati Majlis berhubung dengan fatwa yang hendak dikeluarkan. Keanggotaan Majlis dan Jemaah Ulama dilantik oleh KDYMM Al-Sultan selaku Ketua Agama Negeri Kelantan, menurut Enakmen Majlis.⁹ Selain itu, penubuhan Dewan Syura pula ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu MAIK memperjuangkan cita-cita mewujudkan pentadbiran agama dan masyarakat Islam yang dinamik dan menegak serta mempertingkatkan imej MAIK. Ahli-ahlinya terdiri daripada golongan ulama dan cendikiawan Islam. Kedua-dua badan ini, Jemaah Ulama dan Dewan Syura masih kekal hingga sekarang.¹⁰

Struktur organisasi pentadbiran MAIK dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Baitulmal, Bahagian Khidmat Pengurusan dan juga Bahagian Hal Ehwal Agama Masjid. Pentadbiran MAIK diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua dengan dibantu oleh Setiausaha, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Unit sebagai penyelia penyelaras jentera Pentadbiran MAIK.¹¹

⁷ *Op. cit.*, 26.


⁸ Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), *Laporan Tahunan MAIK 2011*, H.

⁹ Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 176.

¹⁰ *Ibid.*, 177-178

¹¹ Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), *Laporan Tahunan MAIK 2011*, H.

Rajah 3.1.1: Struktur Organisasi MAIK



Sumber: Laporan Tahunan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) 2011

Setiap bahagian dalam struktur pentadbiran MAIK mempunyai unit-unit tertentu yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab tersendiri dengan diketuai oleh pegawai sebagaimana berikut:

- 1) Bahagian Khidmat Pengurusan:
 - i- Unit Pentadbiran Am dan Sumber Manusia
 - ii- Unit Kewangan
 - iii- Unit Pengurusan Sumber Manusia

iv- Unit Teknologi Maklumat

v- Unit Perpustakaan

2) Bahagian Baitulmal:

i- Unit Pungutan Zakat

ii- Unit Agihan Zakat

iii- Unit Pengurusan Projek

iv- Unit Pembangunan (Baitulmal)

v- Unit Pelaburan

vi- Unit Pengurusan Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra (KIJ)

3) Bahagian Hal Ehwal Agama/Masjid:

i- Unit Penerbitan

ii- Unit Dakwah/Khutbah

iii- Unit Pengurusan Masjid

iv- Unit Masjid Negeri

v- Unit Masjid Diraja, Telipot dan Kg. Sireh

vi- Unit Takmir¹²

3.1.2 Bidang Kuasa MAIK

Pada hari ini, MAIK menikmati kedudukannya sebagai sebuah badan tertinggi agama pada peringkat negeri Kelantan. MAIK menjadi badan induk kepada semua agensi agama yang ditubuhkan dalam negeri Kelantan dan berperanan sebagai badan yang menasihati KDYMM al-Sultan dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan agama

¹² Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), *Laporan Tahunan MAIK 2011*, HIII, dan Lihat: Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 182-183.

dan adat istiadat Melayu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri Kelantan di bawah perkara 6(1) Bahagian Pertama.¹³

Justeru, untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya dalam memajukan taraf sosioekonomi masyarakat Islam di Negeri Kelantan, MAIK berkuasa menjalankan segala kegiatan yang tidak melibatkan unsur-unsur yang tidak dibenarkan oleh Agama Islam khususnya, menjalankan perniagaan, perdagangan dan perindustrian yang dirasakannya perlu. Dalam menganjurkan kegiatannya itu, MAIK berkuasa untuk memperkembangkan atau menubuhkan badan-badan lain bagi menjalankan kegiatan-kegiatannya sama ada di bawah kawalan MAIK sepenuhnya atau separa atau bebas. MAIK juga boleh menjalankan apa-apa kegiatannya secara bersekutu dengan badan lain atau orang-orang lain, termasuk jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa kerajaan negeri sebagaimana peruntukan dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan Bil. 4 Tahun 1994.¹⁴

Selain dari itu, dalam menjalankan kewajipannya untuk memajukan taraf ekonomi umat Islam di negeri Kelantan MAIK juga berkuasa untuk menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perniagaannya yang dirancang oleh Majlis¹⁵. Dapat dilihat bahawa dengan kewajipan yang berat yang digalas oleh MAIK, kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepadanya juga adalah besar dan luas, bersesuaian dengan tanggungjawab yang dipikul. Untuk mencapai objektifnya itu, beberapa strategi telah diatur oleh MAIK dan daripada

¹³ Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990* (Kuala Lumpur: t.p, 2010), 36-37.

¹⁴ Enakmen MAIK Tahun 1994 (Bil. 4/1984, sek. 7(3)(a)(b) dan (c)), dicapai 25 November 2016, laman sesawang *e-MAIK*, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/dokumentasi/enakmen-maik.html>

¹⁵ *Ibid.*

laporan-laporan tahunan MAIK, dapat dilihat bahawa pada setiap tahun strategi berkenaan dipatuhinya dengan pelaksanaan program-program yang diatur.¹⁶

3.1.3 Strategi Gerak Kerja MAIK (2012-2015)

Di antara strategi yang diatur bagi mencapai objektif penubuhan MAIK ialah:

1. Mewujudkan sebuah organisasi pentadbiran yang mantap dan berkesan bagi melaksanakan fungsi dan matlamat penubuhan MAIK
2. Memperkemas dan memperluaskan bidang usaha dan kegiatan dakwah dan tarbiah (pendidikan) agama demi mempertingkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat
3. Memperkemas dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi.
4. Mewujudkan institusi kebajikan bagi meningkatkan kegiatan amal bagi mengatasi masalah kemasyarakatan umat islam di kalangan fakir miskin, saudara baru, anak yatim, dan lain-lain.
5. Menggalak dan mempergiatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan dan amal kebajikan.¹⁷

Dari urutan strategi yang telah diatur, fokus MAIK ialah organisasi pentadbiran yang mantap sebagai strategi utamanya. Ini mencerminkan betapa MAIK menyedari bahawa pentadbiran yang mantap dan cekap adalah mustahak untuk mencapai segala apa yang dipertanggungjawabkan kepadanya.¹⁸ Di antara strategi yang diatur juga ialah

¹⁶ Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 169.

¹⁷ Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 24 November 2016, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/mengenai-kami/objektif-strategi-visi-misi-moto>

¹⁸ Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 170.

untuk memperkembangkan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi asnaf yang merupakan antara peranan penting yang digalas oleh MAIK.

3.1.4 Polisi Agihan Zakat MAIK

Proses pembentukan dasar dan polisi kutipan atau agihan zakat yang menjadi teras pengurusan MAIK digubal melalui satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Zakat dan Kebajikan yang dipengerusikan oleh YM Tengku Mahkota Kelantan. Jawatankuasa ini akan membincangkan mengenai dasar pelaksanaan kutipan atau agihan zakat yang akan dibentuk atau dipinda sebelum di pertimbang dan diperkenankan oleh KDYMM Tuanku Sultan di peringkat Mesyuarat Ahli Majlis.¹⁹

Sistem pengagihan dana zakat di negeri Kelantan masih mematuhi peraturan dan peranan yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan hadith. Justeru itu, MAIK sebagai salah satu badan agama yang berwibawa di Kelantan telah menerapkan polisi-polisi agihan zakat yang memenuhi kehendak syarak selaras dengan ketetapan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai garis panduan. Di antara amalan dalam agihan zakat MAIK ialah:

- i. Zakat boleh diagihkan kepada tiap-tiap asnaf penerima zakat atau kepada sebahagian/golongan daripada mereka;
- ii. Pengagihan zakat hanya boleh diagihkan kepada asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.;
- iii. Pengagihan boleh dibuat secara langsung iaitu diagih terus kepada asnaf atau secara tidak langsung melalui program atau pembangunan untuk mereka sebagai program jangka panjang;

¹⁹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017.

- iv. Kadar pengagihan zakat tidak semestinya sama rata antara setiap asnaf;
- v. Pengagihan perlulah diberi sampai ketahap kecukupan si penerima dengan mengambil kira kedudukan keluarga tanggungnya;
- vi. Satu sistem pengagihan perlu diadakan supaya dapat mencapai matlamat utama zakat iaitu mengeluarkan dari belenggu kemiskinan dan dengan matlamat mereka itu satu ketika nanti akan menjadi pembayar zakat dan bukan lagi kekal sebagai asnaf zakat. Dalam konteks ini ia dapat menjana ekonomi golongan asnaf. Oleh itu perlu dikenalpasti golongan penerima yang produktif;
- vii. Pengagihan zakat hendaklah diberikan kepada kawasan di mana kutipan itu dibuat terlebih dahulu dan harus pengagihan kepada luar kawasan atau negeri jika ada keperluan;
- viii. Pengagihan zakat perlu dilakukan dengan segera dalam tahun yang sama;
- ix. Pengagihan kepada golongan amil perlulah dalam kadar yang sewajarnya.²⁰

Oleh yang demikian, bagi memastikan polisi dan dasar pengurusan zakat diterapkan di dalam semua aspek pentadbiran MAIK, maka halatuju yang ingin dicapai hendaklah seiring dengan visi, misi, objektif dan matlamat yang utama bagi memastikan MAIK sentiasa berada pada landasan yang betul, komited dan efisien. Berikut ialah visi, misi, objektif dan matlamat yang telah digariskan oleh MAIK:

i) Visi:

Untuk Menjadikan Sebuah Organisasi Pengurusan Wang Zakat Dan Pengurusan Harta Baitulmal Dan Wakaf Yang Terunggul Di Malaysia.

ii) Misi:

Memberi Sumbangan Bermakna Untuk Meningkatkan Taraf Sosioekonomi Islam.

²⁰ Lihat: Abdul Rahman bin Talib, "Konsep Agihan Zakat Kepada asnaf Menurut Perspektif Syarak", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7 (No. 2, 2013), 13-14.

iii) Objektif:

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada amnya mempunyai objektif keagamaan yang menyeluruh terutamanya mencapai matlamat-matlamat berikut:

- a) Dakwah Islamiyyah yang berkesan.
- b) Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif dan sentiasa mencari keredhaan Allah S.W.T.
- c) Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiyyah di kalangan orang Islam di negeri Kelantan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- d) Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam di Kelantan.
- e) Melaksanakan usaha-usaha menambahkan harta dan sumber melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam di Kelantan.²¹

iv) Matlamat

- a) Membantu membaikpulih dan menyediakan kemudahan asas dan rumah kediaman agar golongan asnaf dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa.
- b) Memperkasakan sosioekonomi golongan asnaf dengan melahirkan usahawan berjaya yang mampu berdikari dan berdaya saing melalui skim bantuan modal.
- c) Membantu anak-anak golongan asnaf dalam bidang pendidikan dan kemahiran sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan juga peringkat institusi pengajian tinggi.
- d) Memelihara kebajikan golongan-golongan asnaf yang sudah tidak produktif (warga emas).

²¹ Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 24 November 2016, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/mengenai-kami/objektif-strategi-visi-misi-moto>

- e) Meningkatkan syiar Islam melalui aktiviti dakwah.²²

3.2 Latar Belakang Bahagian Baitulmal dan Unit Agihan Zakat MAIK

Baitulmal adalah antara institusi ekonomi yang utama dalam Islam. Kepentingan Baitulmal begitu ketara pada zaman Khalifah *al-Rāsyidīn* semasa zaman kegemilangan Islam selepas itu.²³ Di Kelantan, pentadbiran Baitulmal telah diserahkan kepada MAIK pada tahun 1916 yang mana sebelumnya ia terletak di bawah bidang kuasa mufti. Pada peringkat awal pengurusan, harta Baitulmal dan hasil zakat tidak diasingkan tetapi diurus secara bersama dan digunakan dengan pelbagai tujuan. Setelah ia diasingkan, ia diharapkan supaya dapat mewujudkan sistem pengurusan yang lebih cekap dan pengurusan kewangan yang lebih telus.²⁴

Dalam aspek pengurusan, segala hal ehwal yang berkaitan dengan pengurusan zakat telah ditetapkan di bahagian Baitulmal. Hal ini bertujuan agar pengurusan zakat dapat diurus dan dilaksanakan dengan baik tanpa dicampuri oleh urusan-urusan lain dibawah penyeliaan MAIK.²⁵ Pada hakikatnya Baitulmal merupakan satu bentuk institusi kewangan harta dalam Islam. Ia terdiri dari pelbagai sumber hasil seperti zakat, harta wakaf, cukai-cukai (kharaj) dan lain-lain sumber yang pengumpulan dan penggunaannya untuk kepentingan masyarakat dan negara.²⁶

Segala urusan atau pengurusan di bahagian Baitulmal akan dirujuk ke pengurusan atasan dan dibincangkan di Dewan Majlis dan kemudian keputusan akan

²² *Ibid.*

²³ Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 734.

²⁴ *Ibid.*, 735.

²⁵ Azninainie Binti Mohd Ghazi, Sanep Ahmad dan Harirunnizam Wahid, "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bharu, 2013), 3:1292.

²⁶ Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 4 Januari 2017, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/pengurusan-baitulmal>

dibuat oleh sultan yang memerintah. Oleh itu, pemilihan dan pentadbiran yang cekap dan amanah amat diperlukan untuk memastikan institusi pengurusan memainkan peranan yang sewajarnya. Sistem pengurusan yang baik dan cekap akan menjadikan institusi zakat sebagai institusi kewangan yang dipercayai dan dikagumi oleh setiap masyarakat.²⁷

3.2.1 Pengenalan Unit Agihan Zakat MAIK

Unit Agihan Zakat adalah salah satu sektor yang diletakkan di bawah Bahagian Baitulmal dan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Pembangunan. Secara umumnya, Unit Agihan Zakat bertanggungjawab untuk mengurus, merancang dan melaksanakan proses agihan zakat kepada asnaf-asnaf zakat Negeri Kelantan serta merangka semua dasar dan program-program baru MAIK. Di antara fungsi-fungsi Unit Agihan Zakat ialah:

- i. Mengurus, merancang dan melaksanakan sistem agihan zakat MAIK.
- ii. Mengawal pentadbiran harian dan memantau kakitangan bawahan serta tugas mereka dan apa jua sumber kawalan yang diperuntukkan.
- iii. Merangka, merancang, melaksana dan mengurus semua dasar dan program-program baru Unit Agihan Zakat MAIK.
- iv. Membuat penilaian dari semasa ke semasa terhadap pencapaian semua program dan sistem Unit Agihan Zakat MAIK.
- v. Mengawal dan memantau perbelanjaan aktiviti/program Unit Agihan Zakat MAIK.
- vi. Menyediakan anggaran belanjawan aktiviti/program Unit Agihan Zakat.
- vii. Mengumpul, mengemaskini, menyelia dan menyimpan data dan maklumat asnaf.

²⁷ Azninainie Binti Mohd Ghazi, Sanep Ahmad dan Harirunnizam Wahid, "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bharu, 2013), 3:1292., 3:1292.

viii. Melaksanakan bancian ke atas golongan fakir dan miskin di seluruh jajahan.

Bagi menjalankan semua tanggungjawabnya dengan sempurna, Unit Agihan Zakat telah menggariskan visi dan misi yang penting dalam pengurusan zakat. Di antara visi dan misi Unit Agihan Zakat MAIK ialah seperti berikut:

i) Visi:

Memperkasakan dan memantapkan pengurusan agihan zakat secara efisien, sistematik, berkualiti, cekap dan berintegriti.

ii) Misi:

Memastikan agihan wang zakat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan serta diagihkan kepada golongan asnaf lapan yang layak selaras dengan kehendak hukum syarak.²⁸


3.2.2 Struktur Organisasi Pentadbiran Unit Agihan Zakat MAIK

Berdasarkan carta organisasi Majlis, Unit Agihan Zakat adalah terletak di bawah Bahagian Baitulmal yang diketuai oleh Ketua Pegawai Pembangunan. Beliau bertanggungjawab ke atas unit-unit yang terletak di bawahnya iaitu Unit Pungutan Zakat, Unit Agihan Zakat, Unit Pembangunan (Baitulmal), Unit Pelaburan dan lain-lain. Manakala di bawahnya ialah Pegawai Urusan Sumber yang bertindak dalam menyelia dan mengawal agihan zakat di negeri Kelantan. Beliau dibantu oleh dua orang Penolong Pegawai Urusan Sumber dan Pembantu Tadbir Kanan. Beberapa orang Pembantu Tadbir yang diketuai oleh seorang Pembantu Tadbir Kanan Agihan bertugas mengikut bahagian masing-masing iaitu lima orang di bahagian agihan, dua orang di bahagian kaunter dan lima orang di bahagian siasatan.²⁹

²⁸ Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

²⁹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat

Rajah 3.2.2: Carta Organisasi Pentadbiran Unit Agihan MAIK



3.2.3 Aktiviti Unit Agihan Zakat MAIK

Unit Agihan Zakat MAIK mengurus semua aktiviti yang berkaitan agihan wang zakat kepada asnaf yang lapan di negeri Kelantan. Unit ini menyediakan pelbagai program bantuan agihan zakat berdasarkan keperluan semasa merangkumi aspek sosial, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan kerohanian.

Di antara program-program yang disediakan mengikut kategori asnaf adalah sebagaimana berikut:

1. Program bantuan asnaf fakir dan miskin :
 - i- Bantuan Bulanan
 - ii- Bantuan Pemulihan Perniagaan
 - iii- Bantuan Kemahiran Hidup
 - iv- Bantuan Kecemasan
 - v- Bantuan Rawatan Perubatan
 - vi- Bantuan Persekolahan

- vii- Bantuan Melanjutkan Pelajaran Ke IPT
- viii-Biasiswa Kecil Pelajar YIK
- ix- Biasiswa Tengku Anis
- x- Bantuan Kepada Sekolah Pondok
- xi- Bantuan Hari Raya
- xii- Bantuan Pemulihan Rumah Kediaman
- xiii-Bantuan Rumah Kediaman (Projek Khas)

2. Program bantuan asnaf muallaf:

- i- Bantuan Bulanan
- ii- Biasiswa Kecil Pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK)

3. Program bantuan asnaf *fī sabīlillāh*:

- i- Bantuan Melanjutkan Pelajaran Ke-IPT
- ii- Bantuan kepada Badan / Pertubuhan
- iii- Tabung Yayasan Pengajian Tinggi ke Luar Negara

4. Program bantuan asnaf *al-ghārimīn* :

- i- Bantuan kepada *Ghārimīn*

5. Program bantuan asnaf *ibnu al-sabīl* :

- i- Bantuan kepada *Ibnu al-sabīl*

6. Program bantuan asnaf *al-riqāb* :

- i- Buat masa sekarang, asnaf ini tidak wujud tetapi masih dimasukkan di dalam program memandangkan ia adalah salah satu asnaf penerima zakat³⁰

³⁰ Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 24 November 2016, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat.html>

3.3 Prosedur Permohonan Zakat Di Unit Agihan Zakat MAIK

Secara umumnya, prosedur permohonan yang terdapat di Unit Agihan Zakat MAIK melibatkan beberapa peringkat iaitu; permohonan, simpanan data pemohon, siasatan, penyediaan laporan, perakuan Ketua Pegawai Pembangunan, kelulusan Timbalan Yang DiPertua dan bayaran oleh Bahagian Kewangan dan rekod.

a. Permohonan

Pada peringkat ini, borang permohonan wang zakat akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang boleh didapati di kaunter-kaunter zakat MAIK atau melalui imam-imam mukim yang proaktif. Kebiasaannya borang permohonan ini akan dikeluarkan sepanjang tahun. Walaubagaimanapun, bagi permohonan-permohonan tertentu ia dikeluarkan berdasarkan kepada keperluan-keperluan asnaf itu sendiri. Contohnya, permohonan bantuan persekolahan dan bantuan pembelajaran di peringkat tinggi.

Di dalam borang ini pemohon dikehendaki menyatakan jenis bantuan dan jumlah yang diperlukan berserta dengan alasan-alasannya. Semua butir-butir peribadi pemohon hendaklah dinyatakan dengan lengkap termasuklah kondisi fizikal pemohon (normal, sakit kronik atau cacat), taraf perkahwinan, status rumah kediaman (rumah dimiliki, tumpang atau sewa), pendapatan bulanan, maklumat pasangan dan maklumat tanggungan. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa mereka yang mengisi borang permohonan ini adalah terdiri daripada asnaf-asnaf yang telah ditentukan oleh syarak.

Pemohon juga disyaratkan mengemukakan salinan dokumen-dokumen berkaitan untuk menyokong dan mengesahkan semua maklumat yang dinyatakan. Dokumen seperti sijil perkahwinan atau surat cerai, sijil kematian, salinan perakuan perubatan, bil-bil dan slip gaji (jika bekerja swasta atau kerajaan) perlu dilampirkan

bersama borang permohonan. Bagi permohonan zakat pemulihan perniagaan, pihak MAIK mensyaratkan supaya dilampirkan sijil daftar perniagaan bagi membuktikan perusahaan yang telah dijalankan oleh usahawan asnaf.

Di samping permohonan rasmi yang dikemukakan oleh seseorang individu, pihak MAIK juga menerima maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh ketua kampung, orang ramai serta masyarakat setempat mengenai status seseorang bagi melayakkan seseorang menerima agihan zakat. Ini bertujuan untuk memastikan agar hak-hak setiap asnaf yang layak menerima agihan zakat tidak tercicir. Borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah mendapat pengesahan dari Imam mukim, penggawa atau pegawai MAIK bagi memastikan segala kenyataan dan kelayakan zakat oleh pemohon adalah wajar sebelum ia diserahkan ke Unit Agihan Zakat MAIK.³¹

b. Simpanan Data Pemohon

Bagi tujuan ini, penyimpanan data-data atau maklumat pemohon akan dibuat oleh pembantu tadbir. Penyimpanan data secara berkomputer ini bertujuan untuk membolehkan kerja-kerja penyemakan dilakukan ke atas permohonan yang dibuat oleh pemohon dan memastikan permohonan tidak bertindih atau berulang.³²

c. Siasatan

Kerja-kerja siasatan akan dilakukan oleh pembantu tadbir (bahagian siasatan) di tempat tinggal atau lokasi perusahaan pemohon untuk memastikan kesahihan maklumat di dalam borang permohonan. Ia adalah bertujuan untuk mengenalpasti jenis pekerjaan pemohon dan kemampuan pemohon untuk berdikari dengan mengembangkan

³¹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017

³² *Ibid.*

perusahaan yang dilakukan. Semua kriteria penilaian akan diambilkira oleh petugas siasatan MAIK termasuklah laporan akaun perniagaan, lokasi perusahaan, tahap pendapatan, perancangan dan kemampuan pemohon termasuklah keterangan yang diberikan oleh Imam Mukim, Penghulu tempat tinggal pemohon atau masyarakat setempat untuk memastikan mereka benar-benar berkelayakan atau sebaliknya untuk mendapat bantuan modal zakat.

Lazimnya, sesi siasatan ke premis usahawan asnaf merupakan suatu proses yang wajib dilaksanakan oleh MAIK. Keperluan membuat siasatan tidak dipengaruhi oleh faktor kadar jumlah permohonan yang dipohon sama ada dalam jumlah yang besar atau kecil. Walaubagaimanapun, bentuk siasatan yang dilakukan hanya dijalankan sekali sahaja bagi membolehkan pengesyoran kelayakan pemohon dihantar ke peringkat yang seterusnya. Adapun pemantauan secara berkala atau berjadual selepas permohonan zakat modal perniagaan diterima oleh usahawan asnaf adalah tidak berlaku kerana faktor kekurangan kakitangan dan tiada keperluan untuk dilaksanakan inisiatif tersebut.³³

d. Penyediaan Laporan

Apabila permohonan telah dikenal pasti, maka Pegawai Urusan Sumber akan membuat laporan berkenaan dengan sesuatu permohonan dengan menentukan jenis-jenis bantuan serta jumlah yang sewajarnya diberikan kepada pemohon. Pada peringkat ini, Pegawai Urusan Sumber akan membuat pengesyoran sama ada permohonan zakat tersebut layak atau tidak layak dengan disertakan alasan dari aspek penilaian yang telah dilakukan. Permohonan yang layak akan dikemukakan kepada Ketua Pegawai Pembangunan

³³ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017

untuk semakan dan perakuan manakala permohonan yang tidak layak akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat rasmi.³⁴

e. Perakuan Ketua Pegawai Pembangunan

Laporan permohonan yang layak akan dikemukakan kepada Ketua Pegawai Pembangunan untuk proses semakan. Pada peringkat ini, semakan akan dilakukan dan perakuan akan dibuat oleh beliau sama ada bersetuju atau tidak dengan syor yang dibuat oleh pegawai berkenaan. Di samping itu, pertimbangan dan pandangan beliau terhadap laporan tersebut juga diperlukan bagi memastikan proses seterusnya berjalan lancar.³⁵

f. Pertimbangan dan Kelulusan Timbalan Yang Di Pertua

Pada peringkat ini, semakan dan komen akan dibuat oleh Timbalan Yang Di Pertua MAIK ke atas laporan yang telah dikemukakan. Proses ini bolehlah disifatkan sebagai penyemakan terakhir dalam menentukan sama ada berjaya atau tidak dan lulus atau gagalanya permohonan yang dibuat oleh pemohon.³⁶

g. Pembayaran oleh Bahagian Kewangan

Setelah laporan tersebut diluluskan oleh Timbalan Yang Di Pertua Majlis, ia akan diserahkan seterusnya kepada Bahagian Kewangan untuk proses yang selanjutnya. Di bahagian ini, baucer-baucer pembayaran akan disediakan berdasarkan kepada apa yang telah diluluskan oleh Timbalan Yang Di Pertua. Setelah itu, cek akan dikeluarkan dan pemakluman kepada pemohon melalui surat berkenaan perkara tersebut akan dilakukan. Pemohon boleh mendapatkan bayaran atau agihan tersebut dengan

³⁴ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Op. cit.*


mendapatkan cek di Bahagian Kewangan MAIK untuk ditunaikan di bank-bank yang berkaitan.

h. Rekod

Di peringkat akhir ini, kerja-kerja pengrekodan akan dilakukan dengan melibatkan kedua-dua bahagian iaitu Unit Agihan dan Bahagian Kewangan MAIK. Pengrekodan berkomputer ini bertujuan untuk memastikan data-data berkenaan perbelanjaan tahunan MAIK dapat dikenal pasti dan unjuran tahunan dibuat ke atas perbelanjaan keseluruhan Majlis. Di samping itu, ia bertujuan untuk mengemaskinikan perangkaan-perangkaan yang berkaitan dengan perbelanjaan Majlis.³⁷


Secara ringkasnya, carta alir prosedur permohonan zakat oleh asnaf fakir dan miskin adalah seperti berikut.³⁸

Rajah 3.3: Carta Alir Proses Permohonan Zakat MAIK



³⁷ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017.

³⁸ *Ibid.*, 10 Disember 2015.



3.3.1 Bentuk Bantuan Zakat Produktif MAIK

Pihak MAIK telah menjalankan beberapa bentuk bantuan zakat produktif yang bertujuan untuk membantu perusahaan dan perniagaan golongan asnaf fakir dan miskin di Kelantan, antaranya adalah:

- 1) Bantuan Modal / Pemulihan Perniagaan
- 2) Bantuan Pembelian Peralatan
- 3) Bengkel Kemahiran Hidup:
 - i- Bengkel Jahitan
 - ii- Bengkel Sulaman
 - iii- Bengkel Automotif

Di antara program-program agihan zakat produktif yang dilaksanakan kepada asnaf fakir dan miskin ialah melalui Program Bantuan Pemulihan Perniagaan yang diberikan dalam bentuk bantuan modal perniagaan secara kecil-kecilan seperti penjaja, peniaga pisang goreng, peniaga kuih-muih, perkhidmatan menjahit, kraftangan dan sebagainya. Sehingga kini pihak MAIK masih belum melaksanakan program bantuan

agihan zakat modal perniagaan yang melibatkan skala yang besar dengan dana bantuan zakat yang lebih tinggi. Begitu juga bantuan berbentuk pembelian peralatan khususnya peralatan untuk membantu kerjaya mereka turut disediakan oleh MAIK bergantung kepada kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Manakala bantuan berbentuk produktiviti kemahiran diri seperti kursus atau bengkel kemahiran hidup turut dilaksanakan tetapi tidak termasuk di dalam program bantuan zakat modal perniagaan. Para asnaf yang memerlukan kemahiran tertentu seperti jahitan, sulaman dan automotif turut ditawarkan bagi membolehkan mereka membuka perniagaan sendiri dengan kemahiran yang telah diberikan nanti. Setakat ini, MAIK hanya memberi tumpuan kepada 3 kategori bantuan tersebut dan masih belum diperluaskan kepada bentuk kemahiran perniagaan yang lain.³⁹

Tujuan program-program ini dilaksanakan ialah untuk membuka peluang kepada asnaf fakir dan miskin mengubah corak kehidupan dan kedudukan ekonomi keluarga. MAIK berusaha memastikan perusahaan mereka mampu berkembang dan berpotensi untuk meningkatkan taraf kehidupan asnaf yang menerima bantuan, dengan harapan peluang yang diberikan dapat digunakan secara berhemah dan berhasil mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Kelantan. Manakala MAIK tidak mengabaikan asnaf-asnaf yang lain, kerana telah menjadi tanggungjawab pihak MAIK untuk menguruskan agihan dana zakat mengikut keperluan golongan yang memerlukan bantuan.⁴⁰

³⁹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

⁴⁰ Azninainie Binti Mohd Ghazi, Sanep Ahmad dan Harirunnizam Wahid, "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bharu, 2013), 3:1294.

3.3.2 Prosedur Permohonan Zakat Produktif

Menurut Informan temubual iaitu Pegawai Urusan Sumber di Unit Agihan Zakat MAIK, prosedur permohonan zakat produktif untuk pemulihan perniagaan tidak ada perbezaan dari segi aliran proses dengan permohonan zakat yang lain seperti bantuan pelajaran, bantuan pemulihan rumah kediaman, bantuan kecemasan dan lain-lain.⁴¹ Maka pemohon yang ingin memohon bantuan zakat produktif dikehendaki mengisi borang permohonan yang disediakan oleh MAIK sebagaimana yang telah dijelaskan dalam prosedur permohonan di Unit Agihan Zakat MAIK.

Di samping itu, suatu kelulusan atau kelayakan permohonan zakat produktif MAIK tidak mensyaratkan pemohon mengikuti suatu aktiviti atau program tambahan sebagaimana yang dilaksanakan di kebanyakan Pusat Zakat Negeri yang lain. Sebagai contoh ialah dari sudut keperluan pemohon untuk mengikuti beberapa siri latihan berkaitan keusahawanan terlebih dahulu selama beberapa bulan sebelum melayakkan mereka untuk menerima bantuan zakat pemulihan perniagaan.⁴² Ia merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh Pusat Zakat dengan cara mendidik, memberi ilmu, membimbing dan membangunkan asnaf zakat berdasarkan potensi yang ada pada mereka⁴³ untuk memastikan usaha mereka lebih terjamin dan berpeluang untuk maju.

3.3.3 Polisi dan Syarat-syarat Permohonan Zakat Produktif

Lazimnya, kriteria am yang diambil kira oleh MAIK dalam menentukan kelayakan pemohon zakat produktif ialah beragama Islam, warganegara Malaysia, pendapatan

⁴¹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Hailani b. Muji Tahir, "Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3 (No. 1, 2009), 47.

keluarga tidak melebihi had mencukupi (had kifayah), tidak menerima mana-mana bantuan yang mencukupi dari mana-mana pihak dan termasuk dalam asnaf yang layak menerima zakat. Di samping itu, keutamaan akan diberikan kepada pemohon peranakan Kelantan.

Pihak MAIK juga meletakkan beberapa syarat khusus dalam program bantuan pemulihan perniagaan yang dijalankan iaitu:

- 1) Bantuan modal untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan
- 2) Terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin
- 3) Keutamaan diberikan kepada pemohon yang telah menjalankan perniagaan
- 4) Kadar bantuan: maksima RM 5,000.00

Program bantuan modal yang ditawarkan MAIK hanya melibatkan skala perniagaan secara kecil-kecilan dengan jumlah bantuan yang tidak melebihi RM 5,000.00. Jumlah bantuan yang pernah ditawarkan oleh MAIK ialah maksima RM 3,000.00 dan kemudian dinaikkan kepada RM 5,000.00. Kadar maksima bantuan zakat produktif adalah bergantung kepada jumlah kutipan zakat tahunan.⁴⁴ Walaubagaimanapun, kadar bantuan yang layak akan ditentukan oleh Pegawai Urusan Sumber bergantung kepada maklumat dan keperluan sebenar yang dinyatakan oleh pemohon di dalam borang permohonan zakat produktif. Ia juga tertakluk kepada jenis perniagaan yang dijalankan sama ada perniagaan bermodal kecil seperti perniagaan kuih-muih, pisang goreng dan sebagainya akan diberikan kadar bantuan antara RM500.00 hingga RM1,000.00. Manakala jenis perniagaan bermodal lebih besar seperti kedai runcit, kraftangan, jahitan dan sebagainya akan diberikan kadar bantuan yang lebih banyak iaitu sekitar RM 3,000.00 hingga RM5,000.00. Bagi permohonan

⁴⁴ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

bantuan peralatan, jumlah bantuan yang ditetapkan adalah tidak melebihi kadar RM 5,000.00 yang mana pemohon dikehendaki mengemukakan sebutharga peralatan yang diperlukan kepada pihak MAIK.⁴⁵

Selain dari mensyaratkan kategori pemohon yang layak menerima zakat produktif ialah golongan asnaf zakat, pihak MAIK juga mengutamakan golongan asnaf yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Dalam erti kata yang lain, pihak MAIK mengutamakan pemohon yang telah mengetahui selok-belok perniagaan serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang keusahawanan untuk memastikan dana zakat modal yang diberikan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Untuk itu, pemohon hendaklah dipastikan telah mempunyai tempat perniagaan sendiri dan mempunyai komitmen untuk mengembangkan serta memulihkan perusahaannya melalui bantuan zakat produktif.⁴⁶ Syarat ini akan dipastikan kesahihannya setelah tinjauan ke premis perniagaan dilakukan oleh petugas siasatan.⁴⁷

Di samping syarat bertulis yang dinyatakan, polisi MAIK hanya meluluskan permohonan zakat pemulihan perniagaan untuk sekali sahaja iaitu bayaran secara *one-off*. Adapun bagi permohonan beberapa program bantuan zakat yang lain, bayaran ditentukan secara bulanan atau tahunan. Oleh itu, sekiranya usahawan asnaf pernah menerima zakat pemulihan perniagaan dan perusahaannya didapati menemui kegagalan (keuntungan tidak bertambah), maka permohonan mereka tidak akan diluluskan untuk kali kedua sekiranya mereka ingin memohon semula atau membuat permohonan modal tambahan. Ia akan disemak dan dikenalpasti berdasarkan rekod permohonan yang telah disimpan oleh Unit Agihan Zakat.⁴⁸ Walaubagaimanapun, asnaf yang sama layak untuk

⁴⁵ *Ibid.*, 5 Februari 2017

⁴⁶ Lihat laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 24 November 2015, <http://www.e-maik.my/v2/index.php/perkhidmatan/baitulmal-dan-wakaf/agihan-zakat.html>

⁴⁷ Mohd Azmi bin Zakaria, 5 Februari 2017.

⁴⁸ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

memohon jenis bantuan zakat yang lain pada tahun berikutnya sekiranya menepati syarat yang telah ditetapkan.

3.3.4 Kakitangan Pengurusan Agihan Zakat Produktif

Dengan pelaksanaan program bantuan zakat pemulihan perniagaan yang berskala kecil tidak memerlukan penglibatan kakitangan yang ramai di Unit Agihan Zakat. Para petugas utama yang terlibat dalam proses mengurus permohonan zakat produktif MAIK ialah seorang Pegawai Urusan Sumber yang berkelayakan Ijazah Sarjana Muda Syariah, seorang Penolong Pegawai Urusan Sumber yang berkelayakan Diploma Sains Gunaan, serta beberapa orang Pembantu Tadbir yang berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Peranan utama yang ditugaskan kepada Pegawai Urusan Sumber ialah mengurus dan memproses semua permohonan zakat produktif yang diterima dengan mengenalpasti taraf kelayakan pemohon serta mengesyorkan kewajaran sesuatu permohonan untuk dipertimbangkan di peringkat seterusnya. Semua aspek pertimbangan termasuklah dari sudut menentukan tahap kecukupan asnaf, jumlah bantuan zakat, pelaksanaan dasar dan prinsip-prinsip syarak serta mengenalpasti tahap keberkesanan sesuatu program agihan zakat adalah bergantung kepada peranan Pegawai Urusan Sumber. Manakala Penolong Pegawai Urusan Sumber pula ditugaskan membantu Pegawai Urusan Sumber dalam menyediakan laporan bantuan zakat serta urusan pentadbiran. Di samping itu, petugas siasatan ke lokasi kediaman atau perusahaan pemohon akan diserahkan kepada Pembantu Tadbir untuk meninjau dan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai operasi perniagaan yang dijalankan. Hasil dari siasatan yang dilakukan akan direkodkan dan dilaporkan ke peringkat atasan. Walaupun tugas siasatan dilihat sebagai tugas yang ringan namun penentuan sama ada

sesuatu perusahaan asnaf dilihat berpotensi untuk berjaya atau tidak adalah bergantung kepada pemerhatian dan penilaian pembantu tadbir tersebut.

Oleh itu, dari sudut siapsiaga tenaga pentadbir yang sedia ada di Unit Agihan Zakat hanya mampu menjayakan program bantuan zakat pemulihan perniagaan berskala kecil. Menurut informan temubual, pihak MAIK kekurangan kakitangan untuk melaksanakan proses-proses susulan atau tambahan bagi program zakat produktif seperti mengadakan kursus atau latihan keusahawanan kepada usahawan asnaf, melakukan kerja-kerja pemantauan berkala serta gerak kerja yang lebih pro-aktif untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan agihan zakat pemulihan perniagaan tercapai.⁴⁹

3.3.5 Konsep Bantuan Zakat Produktif MAIK

Konsep agihan zakat kepada asnaf yang diterapkan oleh MAIK adalah berdasarkan kaedah akad pemilikan harta. Ini adalah kerana harta zakat merupakan hak kepada golongan yang termasuk dalam *mustahiq* yang lapan sebagaimana yang disebutkan dalam Surah *al-Tawbah*, ayat 60. Oleh yang demikian, bahagian zakat telahpun ditentukan sebagai hak kepada asnaf yang lapan berdasarkan ayat dari firman Allah S.W.T.⁵⁰

وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾ لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

Al-Ma'ārij 29: 24-25

Maksudnya: “Dan orang-orang yang dalam hartanya tersedia bagian tertentu. Bagi orang (miskin) yang meminta dan orang yang tidak mempunyai apa-apa (yang tidak mahu meminta)”

⁴⁹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017

⁵⁰ Dato' Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

Dalam ayat di atas, dikehendaki dengan lafaz “*ḥaq ma‘lūm*” ialah hak harta yang telah diwajibkan khusus kepada golongan asnaf fakir dan miskin dalam bahagian-bahagian tertentu meliputi harta zakat, sedekah dan lain-lain.⁵¹

Selain itu, MAIK juga mengamalkan dan memastikan prinsip keutamaan asnaf yang layak dalam agihan zakat dilaksanakan di dalam program-program yang disediakan. Ia merangkumi keutamaan kepada asnaf yang terawal yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. di dalam Surah At-Tawbah ayat 60, iaitu memberikan kepada golongan yang termasuk dalam “*Lām al-Tamlīk*” iaitu fakir, miskin, amil dan *mu‘allaf*.⁵²

Sementara dalam konteks memastikan prinsip-prinsip agihan zakat di Kelantan mengikut landasan syariah, pihak MAIK sentiasa berusaha mencapai tujuan-tujuan kearah merealisasikan prinsip-prinsip seperti *al-‘adālah* (adil), *al-kifāyah* (mencukupi) dan prinsip *fawran* (segera). Menurut *ṣāhibu al-samāḥah* Dato’ Mufti Negeri Kelantan, asas kepada prinsip *al-‘adālah* adalah berdasarkan hadith Nabi S.A.W yang berbunyi:

فَاعْطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ.. – رواه البخاري

Maksudnya: “Maka berilah setiap hak kepada yang berhak...” –

Hadith Riwayat al-Bukhāri⁵³

Disebabkan zakat adalah hak kepada asnaf, maka pihak institusi zakat hendaklah menyampaikan zakat kepada golongan yang benar-benar memerlukan di dalam kelompok asnaf. Justeru, pelbagai kaedah pengurusan telah dilaksanakan oleh MAIK di dalam mencapai tujuan tersebut.⁵⁴

⁵¹ Dr. Wahbah al-Zuhaili, *Tafsīr al-Munīr*, cet. ke-2 (Dimasq: Dar al-Fikr, 2003) 15: 131

⁵² Dato’ Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

⁵³ Al-Bukhāri, *Saḥīḥ al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Ṣofa), 4:260 (no. hadith 1968)

⁵⁴ Dato’ Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

Manakala pelaksanaan prinsip *al-kifāyah* pula ialah kadar pemberian yang mencukupi keperluan asnaf tetapi kadarnya tidak semestinya sama rata di antara setiap asnaf. Menurut *ṣāhibu al-samāḥah* Dato' Mufti Negeri Kelantan, setiap jenis peralatan yang diperlukan oleh asnaf sudah tentulah berbeza mengikut jenis perusahaan. Contohnya, kadar harga peralatan untuk perusahaan serunding semestinya berbeza dengan kadar harga pembelian mesin jahit bagi perusahaan jahitan.

Sementara pemakaian prinsip *fawran* telahpun dilaksanakan di MAIK mengikut prinsip yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada tahap keperluan pengurusan MAIK kerana urusan hal ehwal kewangan yang terlibat adalah relatif kepada pengurusan pemerintah juga. Dalam hal ini, kaedah yang digunakan kembali kepada urusan pemerintah berdasarkan Kaedah *Fihiyyah*⁵⁵:

تصرف الإمام على الرعية منو □ بالمصلحة

Maksudnya: “Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat terpulang kepada masalah”.

Sebagai contoh, sekiranya didapati pembayaran zakat banyak berlaku pada akhir tahun, tidak dapat tidak mestilah ia dibawa ke tahun berikutnya kerana sukar untuk diagihkan harta zakat tersebut dengan kadar yang segera. Hal ini sekaligus menjawab fitnah yang dilontarkan oleh sebahagian masyarakat bahawa MAIK gagal mengagihkan harta zakat kepada asnaf dalam tempoh yang ditetapkan.⁵⁶

Menyentuh mengenai tujuan agihan zakat produktif yang disifatkan sebagai salah satu langkah terbaik untuk membasmi kemiskinan di Kelantan, *ṣāhibu al-samāḥah* Dato' Mufti Negeri Kelantan kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Pada pandangan beliau, istilah pembasmian kemiskinan adalah kurang tepat kerana

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

mustahil isu kemiskinan dapat dihapuskan sama sekali di sesebuah negeri dan golongan fakir dan miskin akan sentiasa wujud sebagai pelengkap kepada golongan kaya yang sentiasa memerlukan golongan miskin untuk bekerja. Namun, istilah yang sesuai digambarkan kepada konsep pembasmian kemiskinan itu ialah mewujudkan العدالة الإجتماعية iaitu mengatasi masalah kemiskinan di dalam masyarakat.⁵⁷

Dalam konteks penentuan kadar agihan zakat yang diamalkan oleh MAIK berdasarkan saranan Dr. Yusuf al-Qaradāwi iaitu pemberian zakat untuk keperluan setahun ataupun pemberian zakat untuk keperluan seumur hidup, pandangan tersebut hendaklah diteliti sama ada ia berdasarkan kefahaman tekstual semata-mata ataupun mengambil kira kaedah *fiqh al-wāqi'* (feqah setempat) bagi memastikan pelaksanaan sesuatu hukum itu sesuai atau sebaliknya. Oleh itu, pelaksanaan konsep tersebut adalah bergantung kepada keadaan setempat sama ada ia sesuai dilaksanakan atau sebaliknya. Menurut beliau, Dr. Yūsuf al-Qaradhāwi pernah mengharuskan pemberian zakat kepada institusi masjid di Amerika Syarikat kerana situasi di sana amat memerlukan dana dalam keadaan ketiadaan institusi agama Islam di negara tersebut. Walau bagaimanapun, agihan harta zakat kepada institusi masjid tidak diharuskan di Malaysia kerana hukum harta zakat tidak harus diagihkan untuk tujuan digunakan oleh orang ramai kerana ia tidak mempunyai unsur pemilikan kepada penerima zakat.⁵⁸

3.3.6 Pendekatan Promosi Program Bantuan Zakat Produktif

Unit Agihan Zakat MAIK sentiasa melakukan usaha-usaha promosi untuk memastikan program pembangunan ekonomi melalui agihan zakat produktif sampai kepada sasaran yang memerlukan. Di antara kaedah utama yang dilaksanakan oleh MAIK ialah melalui

⁵⁷ Dato' Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

⁵⁸ *Ibid.*

pendekatan Imam-imam mukim yang bertindak sebagai wakil untuk menyampaikan maklumat berkaitan program bantuan zakat produktif kepada asnaf di dalam mukimnya.

Selain daripada itu, beberapa info semasa mengenai bantuan zakat produktif boleh diakses oleh semua masyarakat dengan melayari portal e-maik. Dari aspek penerbitan pula, MAIK kerap kali menyiarkan dan mengiklankan program-program bantuan zakat di dalam akhbar sebagai salah satu medium penyampaian maklumat yang efektif dan menyeluruh. Manakala info-info terkini mengenai aktiviti, program kutipan dan agihan zakat serta maklumat zakat turut dimuatkan di dalam Buletin MAIK dan Info Zakat yang diterbitkan setiap sebulan sekali.

3.4 Penetapan Had Kifayah Negeri Kelantan

Had Kifayah merupakan kadar asas keperluan diri dan tanggungan yang minimum yang menentukan tahap kelayakan penerima zakat dengan mengambil kira perbezaan tempat, masa, keperluan dan keadaan sosioekonomi. Had ini juga digunakan bagi mengetahui kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asas dan perbelanjaan yang lazim bagi sesebuah keluarga. Melalui Had Kifayah ini juga akan memudahkan proses permohonan bantuan serta dapat membahagikan pemohon kepada kategori fakir atau miskin.⁵⁹

Menurut Pegawai Urusan Sumber Bahagian Agihan Zakat, pihak MAIK tidak mempunyai kadar Had Kifayah yang khusus di Negeri Kelantan untuk dijadikan panduan penentuan asnaf fakir dan miskin. Oleh itu, sehingga kini pihak MAIK telah mempraktikkan kaedah pengiraan Had Kifayah mengikut garis panduan Had Kifayah

⁵⁹ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

Negeri Perak untuk menghasilkan pengagihan yang cekap dan berkesan mengikut hukum, prinsip, dasar dan matlamat yang ditetapkan oleh syarak.⁶⁰

Penilaian yang dibuat dalam menentukan Had Kifayah ini merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Penilaian ini dibuat berdasarkan nas-nas yang digunapakai di dalam menentukan keperluan asasi manusia:⁶¹

Firman Allah S.W.T:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ

al-Baqarah 2: 233

Maksudnya: *“Dan kewajiban (bapa) pula ialah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang sepatutnya”*.

Firman Allah S.W.T:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وَجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا
عَلَيْهِنَّ ۚ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمَلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ ۚ فَإِنْ
أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ ۗ

Al-Ṭalāq 28: 6

Maksudnya: *“Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalaq) itu sedang hamil, Maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin, Kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak)mu untukmu Maka*

⁶⁰ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

⁶¹ *Op. cit.*

berikanlah kepada mereka upahnya”.

Oleh yang demikian, setiap agihan zakat adalah merujuk kepada tujuan pensyariatannya iaitu *maqāṣid al-syarī‘ah* yang lima iaitu untuk memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara aqal, memelihara keturunan atau maruah dan memelihara harta benda.⁶²

3.4.1 Kriteria Penetapan Had Kifayah Negeri Kelantan

Di dalam kajian ini, penekanan terhadap kaedah atau kriteria penetapan Had Kifayah adalah penting. Ia bertujuan untuk mengetahui dan memahami kaedah penentuan had kelayakan asnaf-asnaf yang membuat permohonan zakat produktif oleh pegawai-pegawai MAIK yang terlibat. Di samping itu, ia juga merupakan kayu ukur untuk mendapatkan hasil keberkesanan terhadap perubahan taraf pendapatan usahawan asnaf yang telah menerima bantuan zakat produktif selepas suatu tempoh dan seterusnya mengukuhkan hasil analisis kajian ini dalam perbahasan yang akan datang.

Oleh itu, diantara kriteria yang di ambil kira dalam menentukan kadar had kifayah Negeri Kelantan berpandukan Had Kifayah negeri Perak adalah merangkumi kategori isi rumah, lokasi kediaman isi rumah dan status rumah kediaman.

i- Kategori Isi Rumah

Tujuh kategori penerima dan tanggungan dikenalpasti berserta definisinya dapat dinyatakan seperti dalam Jadual 3.4.1(a) di bawah. Kategori penghuni isi rumah mempunyai kadar keperluan tertentu dan ia berbeza mengikut kedudukan dalam

⁶² Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

keluarga iaitu sama ada ketua keluarga, dewasa bekerja, dewasa tidak bekerja/tidak bersekolah, dewasa bersekolah, remaja bersekolah, kanak-kanak bersekolah atau kanak-kanak di bawah umur 5 tahun:

Jadual 3.4.1(a) : Kategori Penerima dan Tanggungan Mengikut Definisinya

Bil	Kategori	Definisi
a)	Ketua Keluarga	Ketua Keluarga/pemohon iaitu individu yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas dirinya sendiri atau sesebuah keluarga seperti suami/bapa, isteri/ibu/ibu tunggal, seorang diri/individu (bujang atau sebatang kara) atau penjaga mutlak seperti datuk/nenek/anak/ibu/bapa angkat dan seumpamanya.
b)	Dewasa Bekerja	Isteri sebagai ketua keluarga. (Anak yang masih bujang tetapi telah bekerja tidak boleh dikira sebagai tanggungan)
c)	Dewasa Tidak Bekerja/Tidak Bersekolah	Dewasa tidak bekerja yang masih dalam tanggungan keluarga iaitu isteri/suami, anak-anak tidak bersekolah yang berumur 15 hingga 21 tahun, anak-anak berumur 21 tahun keatas yang mengidap sakit kronik/OKU yang memerlukan penjagaan penuh ibu/bapa, atau tanggungan lain seperti ibu/bapa/datuk/nenek/saudara mara.
d)	Dewasa Sekolah	Tanggungan/anak berumur 18 tahun ke atas yang sedang menuntut di IPTA/IPTS atau seumpamanya.
e)	Remaja Sekolah	Tanggungan/anak berumur 13 hingga 17 tahun yang masih bersekolah.
f)	Kanak-kanak Sekolah	Tanggungan/anak berumur 5 hingga 12 tahun yang masih bersekolah.
g)	Kanak-kanak	Tanggungan/anak yang berumur kurang daripada 5 tahun.

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014)

Justeru, dalam membuat pengiraan agihan zakat, faktor-faktor seperti bilangan tanggungan, jumlah pendapatan, perbelanjaan bagi golongan dewasa, remaja, kanak-kanak sama ada bersekolah atau tidak bersekolah adalah diambilkira untuk menentukan jumlah had kifayah bantuan agihan zakat yang akan diberikan kepada mereka.

ii- Lokasi Kediaman

Selain daripada kategori isi rumah, faktor lokasi kediaman turut diambilkira dalam had kifayah. Pengiraan had kifayah ini adalah bagi kawasan bandar dan luar bandar. Berikut adalah lokasi yang ditentukan bagi ketiga-tiga kategori tersebut di negeri Kelantan:

- a) Bandar: kawasan bandar seperti Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Machang, Rantau Panjang dan Gua Musang.
- b) Luar Bandar: kawasan-kawasan berstatus bandar kecil, pekan atau kampung.

iii-Status rumah

Status pemilikan atau pendudukan rumah yang membuatkan kadar had kifayah bagi aspek perlindungan adalah berbeza. Berikut adalah klasifikasi status rumah:

- a) Rumah percuma: Rumah milik sendiri atau didiami secara percuma. Perbelanjaan tersebut adalah meliputi cukai tanah, cukai pintu, bil air dan bil elektrik.⁶³
- b) Rumah berbayar: Rumah milik sendiri yang belum habis dibayar (bayaran secara ansuran) atau rumah sewa dan seumpamanya. Perbelanjaan tersebut meliputi bayaran ansuran rumah/sewa rumah, cukai tanah, cukai pintu, bil air dan bil elektrik.⁶⁴

Kesemua penetapan kriteria-kriteria ini adalah merangkumi enam aspek keperluan asas sesebuah isi rumah iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Sebagai contoh, kadar had kifayah seorang ketua keluarga yang memiliki rumah percuma di kawasan luar bandar adalah meliputi jumlah perbelanjaan seperti berikut:

⁶³ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

⁶⁴ *Ibid.*

Kategori Ketua Keluarga:

Jadual 3.4.1 (b): Kategori Perbelanjaan Ketua Keluarga

Kategori Perbelanjaan	Rumah Percuma / Kawasan Luar Bandar (RM)
Perlindungan	36.00
Makanan/Minuman	54.00
Pakaian	18.00
Perubatan	15.50
Pendidikan	-
Pengangkutan	58.50
Jumlah	182.00

Jumlah Had Kifayah bagi seorang ketua keluarga ialah RM 182.00 meliputi perbelanjaan semua aspek keperluan asas yang diperlukan. Sekiranya seseorang isi rumah memerlukan perbelanjaan tambahan seperti seorang tanggungan atau remaja yang sedang bersekolah, kategori perbelanjaan dalam aspek pendidikan akan ditambah manakala perbelanjaan aspek perlindungan pula tidak dimasukkan kerana ia ditanggung oleh ketua keluarga sahaja. Ringkasan jumlah had kifayah bagi seorang remaja bersekolah dalam keluarga yang sama ialah RM 166.50 sebagaimana berikut:

Kategori Remaja Bersekolah:

Jadual 3.4.1 (c): Kategori Perbelanjaan Remaja Bersekolah

Kategori Perbelanjaan	Rumah Percuma / Kawasan Luar Bandar (RM)
Perlindungan	-
Makanan/Minuman	47.00
Pakaian	15.70
Perubatan	14.80
Pendidikan	54.00
Pengangkutan	35.00
Jumlah	166.50

Segala perbelanjaan dalam aspek pengangkutan pula adalah berkaitan pengangkutan berbayar untuk membolehkan ahli isi rumah pergi dan balik dari tempat kerja atau sekolah dan untuk tujuan rawatan. Manakala keperluan asas termasuk

pakaian adalah segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli isi rumah seperti pakaian harian, pakaian sekolah, pakaian kerja dan lain-lain pakaian asas.

3.4.2 Kaedah Pengiraan Had Kifayah Negeri Kelantan

- a) Ringkasan Had Kifayah bagi sebuah keluarga yang terdiri daripada suami, isteri yang tidak bekerja, dewasa bersekolah, remaja bersekolah, kanak-kanak bersekolah dan seorang kanak-kanak kecil ialah sebagaimana berikut:

Jadual 3.4.2(a): Ringkasan Had Kifayah 6 Orang Isi Rumah⁶⁵

Bil	Perkara	Bil. (orang)	Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)	
			(P)*	(B)*	(P)*	(B)*
1.	Ketua Keluarga	1	297.00	549.00	182.00	380.00
2.	Dewasa Tidak Bekerja	1	139.50		87.50	
3.	Dewasa Bersekolah	1	274.00		203.50	
4.	Remaja Bersekolah	1	236.50		166.50	
5.	Kanak-kanak Bersekolah	1	179.50		130.50	
6.	Kanak-Kanak	1	103.00		77.50	
JUMLAH:		6	1,229.50	1,481.50	847.50	1,045.50

* (P): rumah percuma

* (B): rumah berbayar

- b) Contoh pengkelasan kategori asnaf fakir dan miskin yang mempunyai 6 orang isi rumah adalah seperti berikut:

Jadual 3.4.2(b): Pengkelasan Kategori Asnaf Fakir dan Miskin

Rumah		Fakir (RM)	Miskin (RM)
Kawasan	Status		
Bandar	Percuma	0.00 – 663.25	663.26 – 1,326.50
	Berbayar	0.00 – 789.25	789.26 – 1,578.50
Luar Bandar	Percuma	0.00 – 453.00	453.01 – 906.00
	Berbayar	0.00 – 552.00	552.01 – 1,104.00

Bagi menentukan samada sesebuah isi rumah termasuk di dalam kategori asnaf fakir atau miskin hendaklah dilakukan perbandingan di antara pendapatan

⁶⁵ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

pemohon dengan had kifayah. Seandainya pendapatan isi rumah kurang 50% daripada had kecukupan, maka ia dikategorikan sebagai fakir dan seandainya pendapatan isi rumah berada di antara 51% hingga 100%, maka ia dikategorikan sebagai miskin.⁶⁶

Oleh itu, sesebuah isi rumah di kawasan bandar yang mempunyai rumah berbayar termasuk dalam kategori asnaf fakir sekiranya berpendapatan RM 400.00 manakala isi rumah di kawasan luar bandar yang mempunyai rumah percuma dikategorikan sebagai asnaf miskin sekiranya berpendapatan RM 800.00.

c) Contoh jadual pengiraan Had Kifayah bagi kawasan luar bandar (rumah berbayar):

i- Pendapatan Keluarga:

Jadual: 3.4.2(c): Contoh Pendapatan Isi Rumah

Bil	Maklumat Pendapatan	Jumlah (RM)
1.	Ketua Keluarga	580.00
2.	Pasangan Bekerja	420.00
3.	Pencen / Pencen illat	0.00
4.	Bantuan / Sumbangan	0.00
5.	Lain-lain	0.00
	JUMLAH	1,000.00

Sekiranya pendapatan sesebuah keluarga asnaf yang terdiri daripada seorang ketua keluarga berpendapatan RM 580.00 dan pasangannya yang bekerja berpendapatan RM 420.00 tanpa ada sumber pendapatan tambahan, maka jumlah pendapatan isi rumah keluarga asnaf tersebut ialah RM 1,000.00. Asnaf tersebut dikategorikan sebagai miskin dan layak mendapat bantuan zakat.

ii. Kadar Had Kifayah Mengikut Kategori Isi Rumah:

Kadar penentuan Had Kifayah bagi asnaf miskin yang tinggal di kawasan luar bandar serta mempunyai rumah berbayar adalah sebagaimana jadual di bawah.

⁶⁶ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

Di samping itu, sekiranya pendapatan pemohon melebihi had kifayah, MAIK boleh mengambil kira faktor lain untuk turut dipertimbangkan seperti:

- a) Sama ada pemohon adalah seorang yang memberi perlindungan dan menjaga orang tuanya atau menyara anak terencat akal/cacat
- b) Status pekerjaan pemohon sama ada tetap, kontrak atau sambilan/semntara
- c) Sama ada pemohon atau ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan kronik atau kecacatan anggota yang menghalang daripada bekerja secara aktif
- d) Sama ada pemohon berusia lanjut atau tidak berupaya kerja.
- e) Sama ada pemohon menyara anak ramai.
- f) Sama ada pemohon adalah seorang ibu tunggal/ibu tunggal dan menyara anak yang sedang belajar
- g) Sama ada terdapat ahli keluarga yang bermasalah seperti suami dalam penjara/pusat serenti, menagih dadah dan penghidap HIV/AIDS.
- h) Sama ada pemohon muallaf yang bermasalah.⁶⁷

Jadual 3.4.2(d): Kadar Had Kifayah Mengikut Kategori Isi Rumah

Bil	Kategori Isi Rumah	Kadar Had Kifayah (RM)	Bil. Isi Rumah	Jumlah (RM)
1.	Ketua Keluarga	380.00	1	380.00
2.	Dewasa Bekerja	146.00	1	146.00
3.	Dewasa Sekolah	203.50	1	203.50
4.	Remaja Sekolah	166.50	1	166.50
5.	Kanak-kanak Sekolah	130.50	1	130.50
6.	Kanak-kanak	77.50	1	77.50
Pelarasan (Tambahan)				
1.	Sakit Kronik	240.00	1	240.00
2.	Orang Kelainan Upaya	240.00	0	0
3.	Ibu Tunggal	240.00	0	0
4.	Isteri Yang Ditinggalkan	240.00	0	0
5.	Tanggungan Masih Belajar di IPT	120.00	1	120.00
6.	Keluarga Bermasalah	120.00	0	0

⁶⁷ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

(Dadah/HIV)			
Jumlah Had Kifayah			1,464.00
Pendapatan Keluarga			1,000.00
Pendapatan – Had Kifayah = (Lebihan/Kekurangan)			-464.00

Oleh itu, kadar Had Kifayah bagi contoh yang diberikan dikira berdasarkan jumlah lebihan atau kekurangan yang terhasil daripada beza jumlah pendapatan dan jumlah Had Kifayah. Sekiranya jumlah Had Kifayah iaitu RM 1,464.00 melebihi jumlah pendapatan iaitu RM 1,000.00 maka pemohon layak untuk menerima zakat dengan kadar kekurangan sebanyak RM 464.00 sebulan.

Bagi menentukan kadar bantuan yang akan diberi, MAIK boleh mempertimbangkan untuk memberi bantuan dengan kadar 100% daripada ketidakcukupan yang dihadapi oleh pemohon berdasarkan pengiraan had kifayah. Penentuan kadar bantuan ke atas golongan fakir, miskin atau muallaf adalah berasaskan kepada tuntutan memenuhi keperluan asas kehidupan (*darūriyyāt*) seseorang serta tanggungannya bukannya untuk memenuhi keperluan tambahan (*hājīyāt*) dan keperluan kemewahan (*taḥsīniyyāt*).⁶⁸

3.5 Kesimpulan

Dengan data dan maklumat yang dikemukakan jelas membuktikan bahawa kerajaan negeri Kelantan telah berusaha untuk membasmi kemiskinan melalui pendekatan zakat dengan mengagihkan dana yang lebih banyak kepada aktiviti yang bertujuan membantu golongan fakir dan miskin dalam masyarakat. Asnaf fakir dan miskin merupakan golongan asnaf yang lebih banyak menerima zakat dari hasil kajian yang diperolehi. Ini kerana program-program yang dijalankan untuk membantu golongan fakir dan miskin

⁶⁸ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

berhasil mengurangkan kemiskinan masyarakat, membentuk ekonomi muslim dan penghijrahan kehidupan masyarakat muslim. Contohnya, bantuan modal perniagaan dan bantuan modal pertanian kepada masyarakat fakir dan miskin dapat membuka peluang kepada masyarakat ini untuk membina kehidupan yang lebih baik. Melalui bantuan yang dihulurkan, masyarakat dapat bekerja dan mendapat pulangan melalui pendapatan. Seterusnya, masyarakat ini dapat berbelanja dengan hasil pendapatan tanpa meminta daripada orang lain, sekaligus kerajaan dapat meningkatkan pendapatan untuk negeri.⁶⁹

⁶⁹ Azninainie Binti Mohd Ghazi, Sanep Ahmad dan Harirunnizam Wahid, "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bharu, 2013), 3:1294.

BAB EMPAT

ANALISIS KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT PRODUKTIF MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

4.1 Latar Belakang Dan Taraf Hidup Masyarakat Negeri Kelantan

Negeri Kelantan adalah salah satu daripada negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang terletak di Timur Laut semenanjung dengan keluasan 15,105 kilometer persegi¹ atau 11.2% daripada keseluruhan kawasan Semenanjung yang berjumlah 50,806 batu persegi. Negeri Kelantan adalah bersempadan dengan Terengganu di sebelah Timur dan Pahang di sebelah Selatan. Manakala disebelah Baratnya ialah negeri Perak dan di sebelah Utaranya pula merupakan daerah Patani di Selatan Thailand.² Ibu negeri Kelantan adalah Kota Bharu, yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Kuala Sungai Kelantan. Dari segi fizikal, Kelantan terbahagi kepada tiga kawasan utama, iaitu pesisir pantai, kawasan ke arah pendalaman dan kawasan yang jauh ke pendalaman³ yang meliputi 10 buah jajahan dan 63 buah daerah. Sepuluh jajahan pentadbiran tersebut ialah Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai, Tumpat dan Gua Musang.

Kelantan adalah antara negeri yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu dan penganut agama Islam yang menjangkau 94.5% dari keseluruhan penduduk. Menurut laporan populasi penduduk negeri Kelantan pada tahun 2015 adalah berjumlah 1,718,200 orang dengan kadar purata pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2015 ialah


¹ Laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, tarikh capaian: 30 Jan 2016, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=RU84WGQxYkVPeVpodUZtTkpPdnBmZz09#

² *Ibid.*

³ “*Ekonomi Dan Masyarakat Negeri-Negeri Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Dan Pahang)*, Laman sesawang Academia, tarikh capaian: 25 Jan 2017, 4, https://www.academia.edu/19849866/EKONOMI_DAN_MASYARAKAT_NEGERI-NEGERI_PANTAI_TIMUR_KELANTAN_TERENGGANU_DAN_PAHANG.

2.1%⁴ yang terdiri daripada Bumiputera Melayu seramai 1,585,900 orang dengan 92.3%, Cina seramai 54,400 orang iaitu 3.17%, keturunan India seramai 4,800 orang iaitu 0.3%, Bumiputera lain seramai 20,900 orang iaitu 1.22%, bukan warganegara seramai 40,700 orang iaitu 2.37% dan lain-lain kaum seramai 11,500 orang iaitu 0.67%.⁵

Rajah 4.1: Populasi Penduduk Negeri Kelantan Mengikut Etnik Sehingga 2015



* Jumlah mungkin berbeza kerana pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari sudut kadar kemiskinan, negeri Kelantan berada pada tangga ketiga untuk golongan miskin tegar iaitu seramai 11,832 orang (KIR). Bagi golongan miskin, Kelantan mencatat angka paling tinggi iaitu 35,173 orang (KIR). Melihat kepada angka bagi kedua-dua golongan tersebut dapatlah disimpulkan bahawa Kelantan adalah antara negeri termiskin di Malaysia. Walaubagaimanapun, berlaku penurunan kadar kemiskinan di Kelantan sepertimana di negeri-negeri lain. Pada tahun 2012, seramai 58,000 orang (KIR) tercatat sebagai miskin dan data terkini meletakkan angka ini pada 47,005 orang (KIR). Kejayaan ini adalah hasil dari pelaksanaan program-program

⁴ Laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, tarikh capaian: 30 Jan 2016, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=RU84WGQxYkVPeVpodUZtTk pPdnBmZz09#

⁵ Laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, kemaskini: 11 Mei 2015, tarikh capaian: 23 Jan 2017, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/info-terkini/19463-unjuran-populasi-penduduk-2015.html>.


alternatif, terutama oleh pelbagai agensi pelaksana persekutuan. Namun, satu perkara yang dilihat menarik ialah penglibatan yang konsisten dan bersungguh-sungguh oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). MAIK bukan hanya sekadar mengelola pengumpulan dan pengurusan wang zakat daripada orang yang mampu kepada asnaf malah melaksanakan program yang memberikan impak untuk jangka panjang.⁶

4.2 Pelaksanaan Program Agihan Zakat Produktif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menyediakan pelbagai program bantuan agihan zakat berdasarkan keperluan semasa mengikut kategori asnaf yang lapan. Bagi tujuan memperkasakan sosioekonomi golongan asnaf yang mampu berdikari, instrumen agihan zakat produktif dimasukkan di dalam salah satu program bagi kategori asnaf fakir dan miskin dengan nama bantuan zakat pemulihan perniagaan. Walaupun bentuk bantuan zakat kepada asnaf fakir dan miskin adalah lebih banyak berbanding kategori asnaf yang lain, namun bantuan zakat produktif MAIK mempunyai matlamat jangka panjang yang lebih besar iaitu mentransformasikan taraf asnaf kepada bukan asnaf zakat. Oleh itu, ia merupakan langkah yang tepat dilakukan oleh MAIK dengan menawarkan program bantuan zakat produktif kepada para usahawan asnaf yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin di Kelantan.

⁶ Rosdi Ab. Rahman, "Kadar Kemiskinan di Kelantan Turun", Sinar Harian, 3 Disember 2015, 11.

Rajah 4.2: Peratus Peruntukan Tahunan Bantuan Zakat MAIK Tahun 2015



Sumber: Laporan Unit Agihan Zakat MAIK

Berdasarkan rekod peratus peruntukan bantuan zakat MAIK sehingga tahun 2015, peruntukan agihan zakat kepada setiap asnaf meningkat setiap tahun, tetapi asnaf fakir dan miskin mencatat rekod penerimaan agihan dana zakat yang paling tinggi. Program-program yang dijalankan untuk asnaf fakir dan miskin adalah melebihi 50 peratus (%) berbanding jumlah zakat yang diagihkan kepada asnaf yang lain. Peningkatan dalam agihan dana kepada asnaf fakir dan miskin merupakan tonggak yang penting kepada MAIK kerana dengan membantu masyarakat fakir dan miskin, MAIK dilihat komited untuk menangani kemiskinan di Kelantan.⁷ Justeru, *trend* agihan yang diamalkan adalah selari dengan konsep agihan zakat yang disarankan oleh para fuqaha iaitu memberikan perhatian awal kepada kumpulan sasaran asnaf yang utama iaitu golongan fakir dan miskin di Kelantan.⁸

Namun sehingga kini, golongan fakir dan miskin masih lagi ramai dan jumlahnya didapati meningkat kebelakangan ini kesan daripada kegawatan ekonomi.

⁷ Azninainie Binti Mohd Ghazi, Sanep Ahmad dan Harirunnizam Wahid, "Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bharu, 2013), 3:1294.


⁸ Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bayjūrī, *Ḥāshīyah al-Bayjūrī 'Alā Sharḥ Ibnu Qāsim al-Ghazzi 'Alā Matan Abī Shujā' Fī Mazhab al-Imām al-Shāfi'i*, (Kaherah: Dār al-Hadith, t.t), 1: 366. Lihat: Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, cet. 1 (2005), 42.

Oleh itu pihak MAIK hendaklah memainkan peranan penting dalam mewujudkan keberkesanan agihan bagi membela nasib golongan fakir dan miskin.⁹

4.3 Analisis Dana Agihan Zakat Produktif MAIK

Berdasarkan analisa yang dikeluarkan oleh MAIK bermula tahun 2010 hingga 2015, jumlah dana peruntukan agihan zakat bagi program bantuan pemulihan perniagaan yang disediakan pada tahun 2010 ialah RM 300,000.00 dan peruntukan tersebut meningkat kepada 400,000.00 dalam tempoh 2 tahun berikutnya. Bermula tahun 2013 dan 2014, peruntukan tersebut ditambah lagi kepada RM 500,000.00 sehingga ia dinaikkan kemudiannya kepada RM 1,000,000.00 pada tahun 2015 selaras dengan pertambahan jumlah permohonan zakat pemulihan perniagaan.

Rajah 4.3: Jumlah Peruntukan Agihan Zakat Pemulihan Perniagaan 2010 - 2015



Sumber: Laporan Unit Agihan Zakat MAIK

⁹ Anssar Nasrun, Aza Shahnaz Azman, "Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf", (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 7.

Laporan Agihan Zakat Produktif MAIK menunjukkan bahawa pada tahun 2010, pihak MAIK telah mengagihkan zakat pemulihan perniagaan kepada seramai 153 orang penerima dengan peratus agihan sebanyak 104.2%. Jumlah permohonan meningkat kepada 282 orang usahawan asnaf pada tahun 2011 dengan peratus agihan sebanyak 139.4%. Manakala pada tahun 2012, jumlah penerima agihan zakat pemulihan perniagaan didapati menurun kepada 204 orang tetapi peratus agihan masih berada ditahap maksimum iaitu 102.5%. Selaras dengan pertambahan dana peruntukan zakat produktif pada tahun 2013, jumlah usahawan asnaf yang menerima zakat pemulihan perniagaan melonjak kepada seramai 321 orang mencatatkan jumlah penerima yang tertinggi dalam tempoh 6 tahun terakhir dengan peratus agihan zakat pemulihan perniagaan MAIK berjumlah 132.1%. Walaubagaimanapun, pada tahun 2014 peratus agihan zakat pemulihan perniagaan MAIK hampir mencecah jumlah seratus peratus iaitu 99.6% bagi penerima seramai 285 orang. Analisis terakhir pada tahun 2015 mencatatkan jumlah dana yang meningkat dua kali ganda tetapi jumlah penerima zakat dan agihan didapati masih kekal berada pada tahap yang optimum. Jumlah penerima agihan zakat pemulihan perniagaan adalah seramai 261 orang manakala peratus agihan didapati menjunam kepada 51.6% pada tahun 2015 dari implikasi pertambahan dana peruntukan tersebut.

Didapati bahawa peratus agihan dana zakat pemulihan perniagaan MAIK mencecah jumlah seratus peratus setiap tahun. Peratus agihan zakat produktif MAIK ditentukan berdasarkan nisbah jumlah agihan zakat produktif yang telah berjaya diagihkan pada tahun tertentu berbanding jumlah keseluruhan dana kutipan zakat yang diperuntukkan bagi bantuan zakat pemulihan perniagaan pada tahun tersebut. Formula peratusan agihan zakat produktif tahunan boleh dikira melalui kaedah berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Agihan Zakat Produktif (RM)} \times 100}{\text{Jumlah Dana Peruntukan Zakat Produktif (RM)}} = \text{Peratus Agihan Zakat Tahunan (\%)}$$

Jadual 4.3: Jumlah Peruntukan, Agihan dan Penerima Bantuan Zakat Pemulihan

Perniagaan MAIK Dari Tahun 2010 Hingga 2015

Tahun	Peruntukan Agihan Zakat Produktif (RM)	Jumlah Agihan Zakat Produktif (RM)	Peratus Agihan Zakat Produktif (%)	Jumlah Penerima
2010	300,000.00	312,700.00	104.2	153
2011	400,000.00	557,182.00	139.3	282
2012	400,000.00	409,800.00	102.5	204
2013	500,000.00	660,300.00	132.1	321
2014	500,000.00	498,005.00	99.6	285
2015	1,000,000.00	515,600.00	51.6	261
Jumlah Penerima:				1,506

Sumber: Laporan Unit Agihan Zakat MAIK

Dalam pada itu, terdapat sebahagian jumlah peratusan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3 adalah melebihi kadar seratus peratus. Menurut informan temubual iaitu Pegawai Urusan Sumber Unit Agihan Zakat menjelaskan bahawa situasi tersebut sebenarnya berpunca daripada beberapa permohonan yang lewat diproses atau permohonan yang diterima pada hujung tahun menyebabkan peratusan tersebut melebihi jumlah peruntukan bagi program bantuan zakat produktif MAIK.¹⁰

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa pihak MAIK semakin serius untuk mempertingkatkan potensi bentuk agihan zakat produktif di Kelantan dengan jumlah peruntukan yang ditambah pada setiap tahun. Dalam tempoh 6 tahun terakhir, MAIK telah membantu seramai 1,506 orang usahawan asnaf bagi tujuan mempertingkatkan taraf ekonomi mereka. Selain itu, sejak akhir-akhir ini usaha MAIK dilihat sejajar dengan peningkatan pendapatan setiap tahun dan bercambahnya pelbagai aktiviti dan program bagi mensasarkan kejayaan matlamat MAIK dalam menjaga keseimbangan dan kesejahteraan rakyat.¹¹

¹⁰ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017.

¹¹ Wan Nurhanini Wan Hassim, Hairunnizam Wahid, "Analisis Perubahan Pola Agihan Zakat: Kajian Kes Negeri Kelantan", (Prosiding Persidangan Ekonomi Dan Kewangan Islam Malaysia ke-3 2016, cet. 1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 223.

4.4 Analisis Soal Selidik Asnaf Terhadap Keberkesanan Agihan Zakat Produktif MAIK

Bagi mengenalpasti tahap keberkesanan program agihan zakat produktif MAIK, kaedah soal selidik telah dijalankan terhadap 80 orang asnaf terpilih yang telah menjalankan perusahaan mereka dalam tempoh 2 tahun terakhir iaitu bermula tahun 2014 hingga 2015. Responden yang dipilih dalam kajian ini merangkumi jumlah minimum kajian deskriptif yang mewakili 10% jumlah populasi sebagai sampel kajian yang diperlukan. Walaubagaimanapun, penulis telah mendapatkan jumlah responden yang melebihi 10% (iaitu melebihi 55 orang responden) daripada jumlah populasi untuk mendapatkan hasil analisis yang mencukupi.

Dalam penyelidikan deskriptif, jumlah minimum sampel kajian sebanyak 10% daripada jumlah populasi telah dijelaskan oleh Roscoe dan L.R. Gay:

“In general, the minimum number of subjects believed to be acceptable for study depend upon the type of research involved. For descriptive research, a sample of 10% of the population is considered minimum.”¹²

Penulis mensasarkan jumlah minimum dalam kajian ini kerana terdapat banyak halangan dan keterbatasan untuk menjejaki golongan asnaf. Diantara permasalahan yang dihadapi ialah kesukaran untuk mencari dan menjejaki tempat tinggal responden berdasarkan alamat yang telah diberikan walaupun data pemohon zakat produktif telah diperolehi dari Unit Agihan Zakat MAIK. Terdapat sebahagian alamat yang kurang jelas serta ketiadaan nombor telefon yang sah serta masalah responden berpindah ke tempat lain sangat menyukarkan usaha pencarian dijalankan. Dalam pada itu, proses pembahagian data mengikut kategori (strata) juga sukar dilakukan memandangkan

¹² Ghazali Darulsalam, Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 83.

jumlah data yang diperolehi adalah secara rawak dan jumlah yang tidak seimbang.

Dalam analisis soal selidik, struktur demografi responden berupa gender, umur responden, status perkahwinan, lokasi dan status kediaman, kondisi fizikal responden, pasangan dan ahli keluarga, jumlah tanggungan dan pendapatan semasa responden adalah penting kerana ia secara tidak langsung mempengaruhi penentuan had kifayah isi rumah. Sementara data yang memperincikan maklumat perusahaan responden juga diperolehi merangkumi jenis perusahaan, lokasi perusahaan, tempoh pengalaman menjalankan perusahaan dan jumlah bantuan zakat produktif MAIK. Berikut adalah data kajian soal selidik yang telah diperolehi berdasarkan pengkelasan item yang berkaitan:

Jadual 4.4(a): Profil Demografi Responden

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	32	40
Perempuan	48	60
Umur		
20 – 30 tahun	2	2.5
31 – 40 tahun	12	15
41 – 50 tahun	31	38.75
> 51 tahun	35	43.75
Status Perkahwinan		
Ibu Tunggal	22	27.5
Berkahwin	56	70
Duda	2	2.5
Lokasi Kediaman		
Bandar	20	25
Luar Bandar	60	75
Status Kediaman		
Sendiri	49	61.25
Tumpang	11	13.75
Sewa	20	25
Kondisi Fizikal		
a) Ketua Keluarga:		
Normal	53	66.25
Sakit Kronik	27	33.75
OKU	0	0
b) Ahli Keluarga:		
Normal	38	47.5
Sakit Kronik	17	21.25
OKU	1	1.25

Tidak Berkenaan	24	30
Jumlah Tanggungan		
0	3	3.75
1 – 5 orang	60	75
6 – 10 orang	16	20
> 10 orang	1	1.25
Jumlah Pendapatan Semasa		
< RM 500.00	30	37.5
RM 600.00 – 1000.00	36	45
RM 1100.00 – 2000.00	7	8.75
> RM 2000.00	7	8.75

Jadual 4.4(b): Profil Perusahaan Responden

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Jenis Perusahaan		
Gerai Makanan	18	22.5
Jahitan	7	8.75
Kedai Kopi	6	7.5
Kedai Runcit	10	12.5
Nelayan	1	1.25
Penjaja	7	8.75
Jualan Pelbagai Barangan	18	22.5
Perusahaan Sederhana	5	6.25
Perkhidmatan	8	10
Lokasi Perusahaan		
Bandar	15	18.8
Luar Bandar	57	71.2
Bergerak	8	10
Pengalaman		
1-2 tahun	3	3.8
2-4 tahun	11	13.8
4-6 tahun	15	18.8
6-8 tahun	4	5.0
8-10 tahun	6	7.5
> 10 tahun	41	51.2
Jumlah Bantuan Zakat		
500.00 – 1000.00	26	32.5
1001.00 – 2000.00	32	40.0
2001.00 – 3000.00	22	27.5

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Oleh itu, analisis yang dijalankan dalam kajian ini akan memfokuskan kepada 3 aspek penting bagi mengetahui tahap keberkesanan program agihan zakat produktif tersebut iaitu keberkesanan terhadap tahap pendapatan asnaf, keberkesanan terhadap

peningkatan taraf ekonomi asnaf dan analisis faktor kegagalan perkembangan perusahaan usahawan asnaf MAIK dari perspektif penerima.

4.4.1 Analisis Keberkesanan Zakat Produktif MAIK Terhadap Tahap Pendapatan Asnaf

Analisis dari pespektif keberkesanan terhadap tahap pendapatan asnaf adalah bertujuan untuk mengenalpasti samada program agihan zakat pemulihan perniagaan MAIK memberi kesan dalam meningkatkan jumlah pendapatan asnaf ataupun sebaliknya. Analisis ini akan menjawab persoalan kajian bahawa dengan penerimaan zakat produktif MAIK, para usahawan asnaf mampu melonjakkan pendapatan mereka dengan kadar yang mencukupkan keperluan asasi (had kifayah) selepas beberapa ketika menjalankan perusahaan ataupun ia tidak memberi kesan kepada jumlah pendapatan mereka. Ia sekaligus menjadi indikator terhadap tahap kejayaan program agihan zakat produktif yang dijalankan oleh MAIK serta memberi kesan yang positif terhadap perkembangan ekonomi golongan tersebut.

Kajian ini dilakukan melalui dua kaedah. Kaedah pertama adalah dengan mendapatkan persetujuan responden samada bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan soalselidik yang diajukan berdasarkan pemerhatian dan pengalaman responden terhadap potensi perusahaan mereka untuk meningkatkan pendapatan setelah menggunakan zakat produktif MAIK. Pada pendapat penulis, pemerhatian ini amat penting kerana kebanyakan para pengusaha adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman melebihi 10 tahun dan mereka mampu menilai sejauh manakah peluang meningkatkan jumlah pendapatan melalui penambahan modal perniagaan menggunakan zakat produktif. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti faktor kelemahan yang menyebabkan usaha segelintir responden melonjakkan pendapatan

melalui zakat produktif ini tidak berhasil.

Jadual 4.4.1(a): Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Keberkesanan Zakat Pemulihan Perniagaan Untuk Melonjakkan Pendapatan

Persepsi Terhadap Aspek Keberkesanan Program Untuk Melonjak Pendapatan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	27	33.8
Setuju	42	52.5
Neutral	4	5.0
Tidak Bersetuju	6	7.5
Sangat Tidak Bersetuju	1	1.3
Min		4.10

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Hasil kajian dari jadual 4.4.1(a) mendapati Skor Min bagi keseluruhan asnaf bersetuju bahawa bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK mampu melonjakkan pendapatan keluarga mereka melalui hasil usaha mereka sendiri. (N=80, Min tahap keberkesanan program untuk melonjakkan pendapatan = 4.10, skala 4.00 = Setuju). Justeru, analisis ini menunjukkan keupayaan program agihan zakat produktif dalam menjana pendapatan usahawan asnaf ke arah yang lebih baik.

Melalui kaedah kedua pula, hasil analisis kajian menunjukkan realiti sebenar tahap perubahan pendapatan asnaf. Penulis telah mengklasifikasikan tahap perubahan pendapatan usahawan asnaf kepada 4 keadaan iaitu sama ada pendapatan mereka semakin meningkat, semakin menurun, tiada perubahan atau tidak berkaitan (dengan lonjakan pendapatan) selepas beberapa tahun menggunakan zakat pemulihan perniagaan MAIK. Kaedah analisis ini dilakukan dengan cara membuat perbandingan di antara jumlah pendapatan bulanan sebelum menerima bantuan zakat produktif dengan pendapatan selepas beberapa ketika menerima bantuan zakat produktif terhadap 80 orang responden kajian.

Jadual 4.4.1(b): Data Analisis Perubahan Status Pendapatan Usahawan Asnaf Selepas

Menggunakan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Bil. Responden	Pendapatan Sebelum (RM)	Pendapatan Selepas (RM)	Status Pendapatan
1	200.00	500.00	Meningkat
2	100.00	200.00	Meningkat
3	350.00	350.00	Tiada Perubahan
4	500.00	800.00	Meningkat
5	500.00	900.00	Meningkat
6	2000.00	4000.00	Meningkat
7	1500.00	3000.00	Meningkat
8	400.00	600.00	Meningkat
9	800.00	1200.00	Meningkat
10	800.00	1500.00	Meningkat
11	300.00	300.00	Tiada Perubahan
12	400.00	600.00	Meningkat
13	500.00		Tidak Berkaitan
14	400.00	1000.00	Meningkat
15	600.00	600.00	Tiada Perubahan
16	2000.00	2000.00	Tiada Perubahan
17	200.00	800.00	Meningkat
18	400.00	400.00	Tiada Perubahan
19	300.00	300.00	Tiada Perubahan
20	200.00	200.00	Tiada Perubahan
21	500.00	500.00	Tiada Perubahan
22	1000.00	1000.00	Tiada Perubahan
23	500.00	800.00	Meningkat
24	400.00	600.00	Meningkat
25	300.00	300.00	Tiada Perubahan
26	0.00	250.00	Meningkat
27	1300.00	1800.00	Meningkat
28	400.00	600.00	Meningkat
29	0.00	350.00	Meningkat
30	100.00	300.00	Meningkat
31	300.00	500.00	Meningkat
32	400.00	300.00	Menurun
33	1000.00		Tidak Berkaitan
34	1000.00	700.00	Menurun
35	800.00	800.00	Tiada Perubahan
36	600.00	800.00	Meningkat
37	1000.00	1000.00	Tiada Perubahan
38	500.00	600.00	Meningkat
39	500.00	0.00	Menurun
40	700.00	500.00	Menurun
41	1000.00	500.00	Menurun

42	800.00	1000.00	Meningkat
43	1000.00	400.00	Menurun
44	2000.00	1600.00	Menurun
45	1000.00	1000.00	Tiada Perubahan
46	800.00	400.00	Menurun
47	1600.00	2000.00	Meningkat
48	300.00	600.00	Meningkat
49	600.00	1000.00	Meningkat
50	1200.00	2000.00	Meningkat
51	500.00	600.00	Meningkat
52	800.00	1000.00	Meningkat
53	500.00	1000.00	Meningkat
54	2000.00	1000.00	Menurun
55	400.00	600.00	Meningkat
56	900.00	1200.00	Meningkat
57	1200.00	1000.00	Menurun
58	400.00	600.00	Meningkat
59	800.00	1200.00	Meningkat
60	1200.00	2000.00	Meningkat
61	200.00	600.00	Meningkat
62	250.00	400.00	Meningkat
63	600.00	400.00	Menurun
64	500.00	300.00	Menurun
65	2500.00	2000.00	Menurun
66	600.00	300.00	Menurun
67	600.00	800.00	Meningkat
68	600.00	600.00	Tiada Perubahan
69	2000.00	1200.00	Menurun
70	500.00	500.00	Tiada Perubahan
71	400.00	200.00	Menurun
72	1200.00	700.00	Menurun
73	500.00	1000.00	Meningkat
74	500.00	500.00	Tiada Perubahan
75	200.00	200.00	Tiada Perubahan
76	500.00	900.00	Meningkat
77	400.00	800.00	Meningkat
78	1100.00	800.00	Menurun
79	500.00	500.00	Tiada Perubahan
80	500.00	500.00	Tiada Perubahan

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Jadual 4.4.1(c): Analisis Keberkesanan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK Mengikut

Status Pendapatan Asnaf

Status Pendapatan Asnaf	Frekuensi	Peratus (%)
Meningkat	41	51.25
Menurun	18	22.5
Tiada Perubahan	19	23.75
Tidak Berkaitan	2	2.5
Jumlah	80	100.0

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Dari hasil kajian, didapati peratus responden yang berjaya meningkatkan pendapatan mereka daripada jumlah pendapatan sebelumnya ialah seramai 51.25% iaitu mewakili $\frac{1}{2}$ daripada jumlah keseluruhan sampel kajian (N=80). Manakala seramai 22.5% didapati jumlah pendapatan mereka semakin menurun iaitu hampir $\frac{1}{4}$ daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Seterusnya, didapati juga seramai 23.75% responden menyatakan bahawa kondisi pendapatan mereka tiada perubahan yang ketara walaupun setelah menggunakan zakat pemulihan perniagaan dengan tujuan dan kaedah yang betul.

Di samping itu, terdapat juga kes dimana status pendapatan responden tidak dapat dikenalpasti atau tidak berkaitan dengan tujuan analisis yang mewakili 2.5% jumlah responden (N=80). Contohnya merujuk kepada Jadual 4.4.1(b), responden bilangan ke-33 telah menggunakan wang zakat pemulihan perniagaan untuk tujuan lain seperti membaiki rumah mereka yang sangat dhaif. Manakala responden ke-13 didapati tidak lagi menjalankan perusahaan membuat kuih tetapi telah menukar profesion dengan bekerja mengambil upah kerana pulangan yang diterima semasa berniaga adalah tidak memuaskan. Status pendapatan responden-responden ini tidak dapat dinilai kerana perubahan jumlah pendapatan mereka tidak berkaitan dengan perusahaan berasaskan zakat produktif.

Dari analisis kajian, dapatlah dikenalpasti bentuk penggunaan modal zakat produktif oleh usahawan asnaf. Sebagai contoh, ia berupa pembelian peralatan seperti

mesin jahit, enjin, mesin pertukangan, peralatan memasak dan sebagainya. Selain itu, mereka juga menggunakan modal zakat untuk membaiki atau menyelenggara ruang niaga seperti gerai jualan, kedai, pelana motosikal dan sebagainya. Bentuk kegunaan yang paling banyak ialah sebagai modal pusingan untuk pembelian bahan-bahan mentah bagi membolehkan para usahawan asnaf menjana keuntungan yang lebih serta memastikan dana modal tersebut dapat digunakan lagi setelah ia habis diusahakan. Manakala terdapat segelintir usahawan asnaf tidak menggunakan modal zakat untuk tujuan yang betul seperti membaiki rumah kediaman, menampung kos perubatan ahli keluarga, menampung kos pengajian anak-anak serta kegunaan untuk sara hidup harian. Penyalahgunaan ini kebiasaannya menjurus kepada kegagalan program bantuan zakat produktif itu sendiri sekaligus menyebabkan perusahaan yang dijalankan tidak dapat dipulihkan.

4.4.2 Analisis Keberkesanan Zakat Produktif MAIK Terhadap Peningkatan Taraf Ekonomi Asnaf

Analisis keberkesanan zakat produktif terhadap taraf ekonomi asnaf adalah bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan lanjutan daripada kemampuan program zakat pemulihan perniagaan MAIK yang telah dilihat berpotensi menjana pendapatan usahawan asnaf ke arah yang lebih baik. Apabila kita memperkatakan bahawa seseorang asnaf itu berjaya menambah pendapatannya daripada RM 500.00 sebulan kepada RM 1200.00 sebulan dengan bantuan zakat produktif, ia bermaksud asnaf tersebut berjaya keluar dari kelompok asnaf zakat sekaligus tidak lagi memerlukan bantuan zakat seumur hidupnya. Begitu juga sekiranya seseorang asnaf bertaraf fakir berupaya menjana pendapatannya melalui zakat produktif kini ia boleh dikategorikan bertaraf miskin pula yang mana definisi miskin tersebut adalah lebih baik dari taraf fakir. Oleh

yang demikian, analisis kajian ini memfokuskan kepada kaedah menentukan taraf ekonomi asnaf fakir dan miskin setelah menerima bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK dan seterusnya menganalisis hasil kajian untuk mengetahui tahap kejayaan dan keberkesanan program bantuan zakat pemulihan perniagaan yang dijalankan oleh MAIK.

Secara umumnya, status taraf ekonomi usahawan asnaf dikira berdasarkan kaedah penentuan had kifayah semasa yang layak serta kedudukan tahap pendapatan bulanan isi rumah setelah menerima bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK. Melalui kaedah soal selidik, data-data berupa maklumat penting seperti bilangan isi rumah dan tanggungan responden, status perkahwinan, lokasi dan status kediaman, kondisi fizikal responden dan tanggungan serta maklumat pendapatan isi rumah adalah diambil kira. Maklumat-maklumat tersebut akan dimasukkan dalam kalkulator penentuan had kifayah berdasarkan formula berikut:

Jadual 4.4.2(a): Formula Pengiraan Taraf Ekonomi Usahawan Asnaf

Jumlah Pendapatan Isi Rumah – Had Kifayah = **Lebihan/Kekurangan**

***Lebihan** = Keluar Asnaf ; ***Kekurangan** = Fakir /Miskin

** Pendapatan Isi Rumah < 50% daripada Jumlah Had Kifayah = Fakir

** Pendapatan Isi Rumah > 50% daripada Jumlah Had Kifayah = Miskin

Sumber: Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Semakan 2 April 2014).

Dalam penentuan status dan taraf ekonomi asnaf, penulis akan memasukkan data-data bilangan isi rumah dan jumlah pendapatan bulanan asnaf di dalam kalkulator pengiraan status ekonomi asnaf yang telah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kadar Had Kifayah kawasan bandar dan kadar Had Kifayah kawasan luar bandar. Seterusnya, kadar Had Kifayah tersebut pula dibahagikan kepada dua kategori mengikut jenis kediaman asnaf iaitu kediaman persendirian (percuma) atau kediaman sewaan

(berbayar). Setiap data responden yang diperolehi akan dimasukkan satu persatu di dalam kalkulator pengiraan status ekonomi asnaf sehingga menghasilkan jumlah baki beza pendapatan responden (lebih atau kekurangan) yang terpapar dalam petunjuk status asnaf yang berkenaan.

Jadual 4.4.2(b): Kalkulator Formula Pengiraan Status Ekonomi Asnaf

CONTOH PENGIRAAN KADAR HAD KIFAYAH DAN STATUS EKONOMI ASNAF KAWASAN LUAR BANDAR (RUMAH BERBAYAR)

Pendapatan Ketua Keluarga	500.00
Pendapatan Dewasa Bekerja	0.00
JUMLAH	500.00

	Jenis Kediaman	(B)	(P)		(B)	(P)
Bil	Kategori Isi Rumah	Kadar Had al-Kifayah (RM)		Bil. Isi Rumah	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
1	Ketua Keluarga	380.00	182.00	1	380.00	182.00
2	Dewasa Bekerja	146.00		0	0.00	
3	Dewasa Tidak Bekerja	87.50		1	87.50	
4	Dewasa Sekolah	203.50		0	0.00	
5	Remaja Sekolah	166.50		1	166.50	
6	Kanak-kanak Sekolah	130.50		2	261.00	
7	Kanak-kanak	77.50		0	0.00	
Pelarasan (Tambahan)						
1	Sakit Kronik	240.00		1	240.00	
2	Orang Kelainan Upaya	240.00		0	0.00	
3	Ibu Tunggal	240.00		0	0.00	
4	Isteri Yang Ditinggalkan	240.00		0	0.00	
5	Tanggungan Masih Belajar di IPT	120.00		0	0.00	
6	Keluarga Bermasalah (Dadah/HIV)	120.00		0	0.00	
Jumlah Had al-Kifayah					1135.00	937.00
Pendapatan Keluarga					500.00	
Pendapatan – Had al-Kifayah = (Lebih/Kekurangan)					-635.00	-437.00

Petunjuk Singkatan:

*(B): Rumah Berbayar →

***(P): Rumah Percuma →

Petunjuk Warna:


Petunjuk Status Asnaf:

STATUS	(B)	(P)
MISKIN	500.00	500.00
FAKIR	500.00	500.00
*PETUNJUK WARNA HIJAU + KUNING MENUNJUKKAN STATUS ASNAF BERADA PADA PARAS "FAKIR" BAGI KATEGORI KAWASAN LUAR BANDAR DAN RUMAH BERBAYAR		

Sumber: Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Semakan 2 April 2014).

Setelah data dimasukkan, sekiranya jumlah Had Kifayah melebihi jumlah pendapatan isi rumah (kekurangan pendapatan) maka pemohon tergolong di dalam kategori asnaf. Sebaliknya jika jumlah Had Kifayah kurang daripada jumlah pendapatan isi rumah (lebih pendapatan), maka pemohon tidak tergolong di dalam kategori asnaf atau dengan kata lain dikategorikan sebagai keluar asnaf. Bagi menentukan sama ada sesebuah isi rumah termasuk di dalam kategori asnaf fakir atau miskin pula hendaklah dilakukan perbandingan di antara pendapatan pemohon dengan Had Kifayah. Seandainya pendapatan isi rumah kurang daripada 50% had kecukupan, maka ia dikategorikan sebagai fakir dan seandainya pendapatan isi rumah berada di antara 51% hingga 100%, maka ia dikategorikan sebagai miskin.¹³

Jadual 4.4.2(c): Analisis Keberkesanan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK Terhadap Peningkatan Taraf Ekonomi Asnaf



¹³ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

Status Responden	Frekuensi	Peratus (%)
Fakir	29	36.25
Miskin	27	33.8
Keluar Asnaf	24	30.0
Jumlah	80	100.0

Sumber: Data SPSS dan Kalkulator Pengiraan Taraf Pendapatan Asnaf

Berdasarkan keseluruhan data analisis yang telah dikemukakan dalam Jadual 4.4.1(b) dengan menggunakan kalkulator formula pengiraan status ekonomi asnaf, jadual 4.4.2(c) pula menunjukkan hasil kajian yang dijalankan dengan mengklasifikasikan asnaf kepada 3 keadaan iaitu golongan yang berstatus fakir, miskin dan berjaya keluar dari status asnaf selepas beberapa tahun menerima zakat pemulihan perniagaan MAIK. Didapati peratus asnaf yang berjaya menjana pendapatan yang memberangsangkan dan seterusnya berjaya keluar dari kelompok asnaf ialah seramai 30% sahaja manakala baki yang lain didapati masih kekal berada pada tahap fakir atau miskin dengan masing-masing berjumlah 36.3% dan 33.8% dari keseluruhan sampel kajian. (N=80).

Analisis ini sekaligus membuktikan bahawa program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK didapati masih belum berjaya mentransformasikan lebih 2/3 daripada jumlah penerima zakat pemulihan perniagaan kepada status pembayar zakat. Didapati jumlah fakir dan miskin yang masih kekal sebagai asnaf zakat adalah masih ramai dengan jumlah sebanyak 70.1%. Oleh itu, suatu proses transformasi yang lebih menyeluruh perlu dilakukan oleh MAIK untuk memastikan status golongan fakir dan miskin dari kalangan usahawan asnaf dapat dikurangkan ke tahap yang lebih optimum sekaligus meningkatkan taraf sosioekonomi yang mapan di Kelantan.

4.4.3 Analisis Faktor Kegagalan Perkembangan Perusahaan Usahawan Asnaf MAIK

Tidak dapat dinafikan bahawa semua pihak memainkan peranan yang penting dalam memastikan program pembangunan ekonomi melalui bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK mencapai matlamat jangka panjang untuk menjana pendapatan yang lebih baik kepada usahawan asnaf. Namun jika kita melihat dari perspektif usahawan asnaf itu sendiri, mereka merupakan penggerak utama dalam menjayakan program ini. Oleh itu, dalam soalselidik yang dijalankan penulis telah mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan kebanyakan perusahaan asnaf zakat produktif menemui kegagalan atau tidak berkembang.

Jadual 4.4.3: Analisis Faktor Kegagalan Usahawan Asnaf Mengembangkan Perusahaan dan Menjana Pendapatan

Faktor Kegagalan Mengembangkan Perusahaan	Frekuensi	Peratus (%)
Ketiadaan Strategi	12	15.0
Persaingan	11	13.8
Peningkatan Kos	9	11.3
Masalah Kesihatan	5	6.3
Kekurangan Modal	5	6.3
Musibah	4	5.0
Faktor Lokasi Perusahaan	3	3.8
Tanggungjawab Lain	3	3.8
Lain-lain Faktor	1	1.3
Tidak Berkenaan*	27	33.8
Total	80	100.0

* Tidak Berkenaan : merujuk kepada asnaf yang berpandangan bahawa usaha mereka berpotensi mengembangkan perusahaan.

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Berdasarkan jadual 4.4.3, antara faktor yang dikenalpasti menyebabkan kegagalan perusahaan usahawan asnaf di Kelantan secara keseluruhannya ialah berpunca daripada ketiadaan perancangan dan strategi perniagaan, faktor persaingan, peningkatan kos, masalah kesihatan (sakit kronik) yang dialami oleh responden sendiri

atau tanggungan, masalah kekurangan modal termasuklah keperluan peralatan atau mesin yang tidak mencukupi, ditimpa musibah seperti banjir besar atau kecurian, perubahan lokasi perniagaan yang tidak strategik, bebanan tanggungjawab dalam keluarga dan lain-lain faktor.

Dari hasil kajian, didapati faktor ketiadaan perancangan dan strategi perniagaan yang mantap mewakili 15.0% daripada punca kegagalan perusahaan mereka diikuti oleh faktor persaingan iaitu 13.8% dan faktor peningkatan kos bekalan mentah dan sara hidup iaitu 11.3%. (N=80) Dalam pada itu, sekiranya faktor persaingan dan peningkatan kos dimasukkan bersama faktor ketiadaan perancangan dan strategi perniagaan, jumlah peratus bagi ketiga-tiga faktor tersebut adalah berjumlah 40.1%. Ia sekaligus menjadi faktor utama kegagalan usahawan asnaf di Kelantan mengembangkan perusahaan mereka serta menjana pendapatan keluarga. Menurut responden soal selidik juga, diantara sebab lain yang termasuk di dalam faktor kegagalan ini ialah amalan berhutang oleh pelanggan usahawan asnaf, masalah mengurus pekerja yang bermasalah dan masalah kekurangan pelanggan. Sementara jumlah peratusan baki beberapa faktor lain adalah sangat kecil iaitu tidak melebihi 6.3% dari setiap kategori faktor yang dilaporkan.

Dari soalselidik yang dijalankan, sebahagian dari usahawan asnaf zakat produktif hanya mampu bertahan dengan punca pendapatan yang sedia ada menyebabkan mereka tidak mampu untuk meningkatkan pendapatan melebihi kadar pendapatan sebelum menerima zakat produktif. Terdapat juga asnaf yang gagal memperoleh pendapatan yang mencukupi sekaligus menyebabkan mereka bertukar pekerjaan atau tidak lagi meneruskan perusahaan yang dijalankan. Penggunaan zakat produktif bagi kategori ini dianggap sebagai modal hangus kerana mereka tidak berupaya menggunakan bantuan zakat tersebut untuk mencapai tujuan zakat produktif

itu sendiri. Walaupun peratusan kepada kegagalan memperkembangkan perniagaan usahawan asnaf tersebut adalah kecil, ia adalah penting untuk mengenalpasti kelemahan yang ada untuk diperbaiki oleh semua pihak pada masa akan datang.

4.5 Isu-isu Fiqh Dan Pentadbiran Dalam Pelaksanaan Agihan Zakat Produktif MAIK

Secara umumnya, konsep hukum yang berkaitan dengan pelaksanaan agihan zakat produktif telah dinyatakan dengan terperinci di dalam perbincangan Bab 2. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk merungkai beberapa isu yang boleh dikaitkan dalam konsep pelaksanaan agihan zakat produktif MAIK sama ada ia telah merujuk kepada dasar hukum Islam dan prinsip-prinsip syarak ataupun sebaliknya. Oleh itu, kajian ini akan menilai aspek-aspek fiqh dalam pelaksanaan program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK melalui metod temubual atau analisis dokumentasi yang diperolehi.

4.5.1 Penilaian Terhadap Penerapan Konsep Syariah Zakat Produktif MAIK

4.5.1.1 Konsep Pemilikan Zakat Melalui Akad *al-Tamlīk*

Konsep pemilikan akad zakat produktif melalui zakat pemulihan perniagaan yang dilaksanakan oleh MAIK masih berpegang kepada pandangan ulama klasik iaitu agihan mestilah dalam bentuk akad *al-tamlīk*. Dengan itu, harta zakat yang diterima adalah hak milik mutlak penerima zakat tanpa mensyaratkan mereka mengembalikan semula dana zakat tersebut.¹⁴ Harta zakat tidak harus diagihkan dalam bentuk selain dari akad *al-tamlīk* seperti pemberian secara pinjaman yang perlu dibayar balik sebagaimana

¹⁴ Dato' Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

bantuan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan mahupun perbadanan persendirian seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) dan sebagainya.¹⁵ Ketetapan tersebut adalah berdasarkan Fatwa Negeri Kelantan yang bersidang pada 8 Disember 1991 bertarikh 29 Julai 2015 yang bersetuju memutuskan bahawa wang zakat tidak harus atau tidak sah digunakan sebagai pinjaman modal perniagaan atau lain-lain.¹⁶

Oleh itu, konsep pemilikan zakat di Kelantan diamalkan bagi kesemua bentuk program agihan zakat MAIK sesuai dengan keadaan semasa selagi tuntutan *maṣlahah* masih dapat dilaksanakan di negara ini. Konsep ini juga adalah bertepatan dengan pendapat yang diutarakan oleh Dr. Yūsuf al-Qaradāwi yang menegaskan bahawa tujuan zakat adalah untuk memperluaskan lagi mekanisme pemilikan harta dan memperbanyakkan bilangan pemilik yang memberikan pendapatan yang cukup untuk seumur hidup.¹⁷

4.5.1.2 Konsep Penentuan Kadar Agihan Zakat Produktif MAIK

Pada amnya, penetapan kadar agihan zakat yang layak bagi seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan Had Kifayah yang telah ditetapkan oleh institusi zakat. Bagi program Bantuan Bulanan Fakir Miskin, kadar yang ditentukan adalah bertujuan untuk mencukupkan pendapatan dan keperluan asasi asnaf secara bulanan. Sementara jumlah zakat produktif pula diagihkan dengan kadar yang lebih tinggi dari tahap kecukupan bulanan seseorang asnaf bergantung kepada keperluan dan jenis perusahaan yang

¹⁵ Wan Nurhanini Wan Hassim, Hairunnizam Wahid, "Analisis Perubahan Pola Agihan Zakat: Kajian Kes Negeri Kelantan", (Prosiding Persidangan Ekonomi Dan Kewangan Islam Malaysia ke-3 2016, cet. 1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia), 214.

¹⁶ Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Kelantan, tarikh dicapai 17 Ogos 2016, tarikh kemaskini 29 Julai 2015, <http://mufti.kelantan.gov.my/v2/index.php/ms/perkhidmatan/fatwa/koleksi-fatwa/74-fatwa-mengenai-projek-ekonomi-dengan-pendapatan-wang-zakat>

¹⁷ Yūsuf al-Qaradāwi, "Fiḥu Al-Zakāh", 1973: Muassasah al-Risālah, j. 1, cet. 2, hal. 888.

dijalankan. Begitu juga dengan kaedah bayaran zakat secara *one-off*¹⁸ bagi kategori lain seperti Bantuan Kemahiran Hidup, Bantuan Rumah Kediaman dan sebagainya adalah berdasarkan pemberian jumlah zakat yang tinggi yang menjadi keperluan *darūriy* (asasi) kepada asnaf sama ada ia memenuhi keperluan setahun atau seumur hidup. Dengan demikian, kadar bantuan yang diberikan diharapkan mampu meningkatkan produktiviti golongan fakir atau miskin supaya dalam jangka panjang mereka bukan setakat boleh keluar dari taraf kemiskinan tetapi juga mampu membayar zakat.¹⁹

Dari sudut pengamalan agihan zakat produktif MAIK, konsep penetapan kadar agihan zakat produktif sehingga mencukupi keperluan seumur hidup adalah lebih cenderung untuk diikuti oleh MAIK selari dengan pandangan mazhab Syāfi‘i sendiri yang berpandangan bahawa pemberian zakat tersebut perlu merupakan pemberian yang mampu mengeluarkan golongan fakir dan miskin daripada situasi memerlukan (berhajat kepada bantuan) kepada situasi kaya yang mencukupkan keperluannya secara berterusan.²⁰ Menurut *sāhibu al-samāḥah* Dato’ Mufti Negeri Kelantan, walau apapun pendekatan yang diambil oleh sesuatu institusi agama hendaklah juga mengambil kira kaedah *fiqh al-wāqi’* (feqh setempat) untuk memastikan pelaksanaan sesuatu hukum itu sesuai atau sebaliknya. Oleh itu, pelaksanaan konsep tersebut adalah bergantung kepada keadaan setempat dan masa tertentu sama ada ia sesuai dilaksanakan ataupun sebaliknya.²¹

Dalam Bab 2 telah dijelaskan perbincangan mazhab *fiqh* yang pelbagai mengenai kadar yang perlu diberikan kepada asnaf fakir dan miskin. Di antara isu yang diperbahaskan adalah mengenai pendapat yang menyatakan bahawa kadar pemberian zakat diharuskan sehingga mencukupi keperluan seumur hidup atau untuk keperluan setahun. Mazhab Imam

¹⁸ Bayaran zakat secara *one-off* bermaksud pemberian zakat untuk sekali pemberian sahaja kepada asnaf dalam tahun tertentu dan ia berbeza dengan pemberian zakat secara bulanan.

¹⁹ Patmawati Hj Ibrahim, “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal”, *Jurnal Syariah*, bil. 2 (223-244, 2008), 16: 235

²⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (1973: Mu’assasah al-Risālah), 1:564.

²¹ Dato’ Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

Syafii berpandangan bahawa kadar pemberian itu mestilah kadar yang mencapai tahap sehingga mencukupkan keperluannya secara berterusan iaitu untuk seumur hidup.²² Sebagai rumusan kepada perbincangan ini, al-Qaradāwi telah mengklasifikasikan golongan fakir dan miskin yang produktif, mampu bekerja dan memenuhi keperluan dirinya sendiri seperti seorang tukang, peniaga dan petani tetapi menghadapi kekurangan peralatan kerja, modal perniagaan dan sebagainya boleh diberikan dana zakat mengikut kadar yang memungkinkan mereka menjana pendapatan seumur hidup sehingga mereka tidak lagi memerlukan bantuan zakat sekali lagi.²³

Dengan demikian, asas kepada hukum diharuskan agihan zakat produktif dapat diimplikasikan daripada ijthad ini dan penetapan kadar yang maksimum bantuan zakat boleh diagihkan kepada golongan fakir dan miskin melalui pemberian zakat produktif di Kelantan. Dalam hal ini, MAIK menunjukkan keterbukaan dalam mengikuti pandangan mazhab tetapi jumlah kadar maksimum yang ditetapkan bagi setiap permohonan zakat pemulihan perniagaan buat masa ini adalah berjumlah RM 5,000.00. Jumlah tersebut sebenarnya masih kecil berpadanan dengan kemampuan MAIK mengelolakan program zakat pemulihan perniagaan secara kecil-kecilan.

Pada pandangan penulis, MAIK seharusnya mengorak langkah yang lebih terkehadapan dengan menaiktaraf bentuk program zakat produktif kepada skala yang lebih besar. Oleh itu, ketetapan kadar maksimum bantuan zakat yang lebih tinggi adalah diharuskan selagi keperluan tuntutan *maṣlahah* paling utama dan terpenting untuk mengeluarkan asnaf zakat dari belenggu kemiskinan dapat dihasilkan dalam kadar yang optimum. Usaha tersebut dilihat perlu dan menjadi satu tugas yang amat penting kepada Unit Agihan Zakat MAIK bertepatan dengan petikan kata-kata Saidina ‘Umar r.a kepada petugas zakatnya:

²² al-Qaradāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, 1:564

²³ Yūsuf al-Qaradāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (1973: Mu’assasah al-Risālah), 1:571.

كَرَّرُوا عَلَيْهِمُ الصَّدَقَةَ وَإِنْ رَاحَ عَلَى أَحَدِهِمْ مَائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ. – رواه

أبو عبيد

Maksudnya: “Ulangilah pemberian zakat kepada mereka walaupun ada di kalangan mereka sampai menerima seratus ekor unta.” –

Hadith riwayat Abū ‘Ubaid.²⁴

4.5.1.3 Pengamalan Prinsip-prinsip Agihan Zakat Produktif MAIK

Bagi memastikan urusan agihan zakat benar-benar menepati kehendak syariah dan memenuhi keperluan ummah, beberapa prinsip agihan zakat harus diamalkan oleh institusi zakat.²⁵ Di antara prinsip agihan zakat yang diaplikasikan di dalam program zakat produktif MAIK ialah prinsip adil dan saksama.

Pada pemerhatian penulis, prinsip adil dalam agihan zakat produktif MAIK jelas dipamerkan apabila program bantuan zakat pemulihan perniagaan itu disasarkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin. Golongan asnaf fakir dan miskin menjadi keutamaan oleh pihak institusi zakat kerana termasuk dalam kategori agihan tanpa bertanggung yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya dalam Surah *al-Tawbah* ayat 60.²⁶ Maka prinsip mengutamakan kelompok fakir dan miskin itu juga dapat dilihat melalui beberapa pendekatan yang telah diambil oleh MAIK sejak tahun 2010. Di antaranya ialah melalui usaha mempelbagaikan program pembangunan ekonomi dengan mewujudkan bantuan zakat pemulihan perniagaan, menambah peruntukan dana zakat produktif bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2015 serta meningkatkan jumlah

²⁴ Abū ‘Ubaid al-Qāsim bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirut: Dar al-Syurūq, 1989), 672 (no. 1779).

²⁵ Siti Fariza Muhammad Faisal, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Agihan Zakat Mangsa Banjir: Kaedah Fiqh Dan Penentuan Kadar Bantuan”, (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya), 17.

²⁶ Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bayjūrī, *Ḥāshiah al-Bayjūrī ‘Alā Sharḥ Ibnu Qāsim al-Ghazzi ‘Alā Matan Abī Shujā’ Fī Mazhab al-Imām al-Shāfi’i*, (Kaherah: Dār al-Hadīth, t.t), 1: 366. Lihat: Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, cet. 1 (2005), 42.

maksima bantuan zakat produktif bagi asnaf-asnaf yang layak.

Sementara proses penetapan jumlah bantuan yang layak diberikan oleh pemohon zakat pemulihan perniagaan MAIK akan dinilai berdasarkan keperluan sebenar pemohon. Penetapan kadar tersebut juga tertakluk kepada jenis perniagaan yang dijalankan untuk memastikan matlamat dan tujuan utama agihan zakat pemulihan perniagaan dicapai. Pengamalan kepada kaedah ini adalah bertepatan dengan prinsip *al-Kifāyah* kerana kadar atau kuantiti yang diagihkan diharapkan dapat mencapai matlamat dan tujuan pengagihan zakat iaitu membebaskan asnaf daripada kemiskinan.

Selain daripada itu, menerusi pelaksanaan kaedah pengiraan Had Kifayah bagi menentukan taraf ekonomi asnaf fakir dan miskin yang memohon bantuan zakat produktif, pihak MAIK telah memperlihatkan tugas yang sangat bertepatan dengan konsep syariah. Pengiraan Had Kifayah adalah merangkumi enam aspek keperluan asasi asnaf zakat iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Oleh yang demikian, pengamalan ini adalah bertepatan dengan prinsip *al-'adālah* (keadilan) iaitu mengagihkan zakat dengan tepat kepada golongan yang layak sahaja menurut tuntutan syarak.

Sementara itu, sifat ketelitian dalam menilai kelayakan pemohon dapat diimplimentasikan daripada carta aliran proses permohonan zakat pemulihan perniagaan yang sistematik. MAIK didapati tidak membuat keputusan sewenang-wenangnya memberi kelulusan sesuatu permohonan zakat produktif sebaliknya proses kelulusan permohonan zakat memerlukan semakan daripada beberapa orang individu berautoriti yang bermula dengan laporan dari petugas siasatan, perakuan dari Pegawai Urusan Sumber, perakuan oleh Ketua Pegawai Pembangunan dan akhirnya kelulusan oleh Timbalan Yang DiPertua MAIK.

Dari sudut amalan dan prinsip yang dilaksanakan oleh MAIK dalam agihan zakat produktif ialah secara agihan segera tanpa bertangguh atau ditinggalkan baki peruntukan yang ada agar hak asnaf dapat diberikan secukupnya. Berdasarkan statistik agihan dana zakat pemulihan perniagaan MAIK dari tahun 2010 sehingga tahun 2015, didapati peratus perbelanjaan dana zakat pemulihan perniagaan MAIK mencecah jumlah seratus peratus setiap tahun sekaligus menggambarkan bahawa wujudnya pematuhan terhadap prinsip *fawran* (kesegerakan). Walau bagaimanapun, menurut *sāhibu al-samāḥah* Dato' Mufti Negeri Kelantan bahawa pelaksanaannya bergantung kepada tahap keperluan pengurusan MAIK kerana urusan hal ehwal kewangan yang terlibat adalah relatif kepada pengurusan pemerintah juga berdasarkan Kaedah *Fiqhiyyah*:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: “Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat terpulang kepada masalah”.

Sebagai contoh, sekiranya didapati pembayaran zakat banyak berlaku pada akhir tahun, tidak dapat tidak ia mestilah ia dibawa ke tahun berikutnya kerana sukar untuk diagihkan harta zakat tersebut dengan kadar yang segera dalam tahun yang sama. Hal ini sekaligus menangkis dakwaan sesetengah pihak bahawa pengurusan MAIK dalam agihan zakat adalah lemah dan tidak berupaya untuk mengagihkan keseluruhan dana zakat yang diperuntukkan pada setiap tahun.²⁷

Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa MAIK sebagai sebuah institusi zakat telah menunjukkan nilai-nilai Islam yang tinggi seperti amanah dan adil dalam pengurusan zakat²⁸ dengan mengutamakan konsep yang telah diamalkan dan diterapkan

²⁷ Dato' Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

²⁸ Ansar Nasrun, Aza Shahnaz Azman, “Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf”, (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 13.

oleh Rasulullah S.A.W, para sahabat R.A dan kebanyakan fuqaha dalam setiap urusan agihan zakat.²⁹

4.5.2 Penilaian Terhadap Prosedur Permohonan Zakat Produktif MAIK

Secara keseluruhannya, pihak MAIK telah mengamalkan prosedur permohonan yang sistematik dan teratur bermula dari peringkat permohonan sehingga proses kelulusan dan pembayaran zakat. Dalam prosedur permohonan zakat produktif, keperluan untuk melaksanakan proses siasatan ke lokasi perusahaan asnaf menjadi prosedur yang wajib sebelum sesuatu permohonan diproses ke peringkat yang seterusnya. Ini adalah bertujuan untuk memastikan kesahihan maklumat yang diberikan oleh asnaf dan membuat pengesahan serta penilaian terhadap pengalaman berniaga dan keupayaan usahawan asnaf untuk memperkembangkan kerjaya mereka pada masa akan datang. Sekiranya didapati mana-mana pemohon yang memberikan maklumat palsu seperti tidak menjalankan perniagaan atau bentuk perniagaan yang dipohon bantuan masih belum beroperasi, pihak MAIK tidak mempertimbangkan permohonan tersebut kerana dikhuatiri usaha tersebut akan mengalami kerugian. Oleh itu, prosedur siasatan merupakan satu langkah yang tepat dilakukan oleh Unit Agihan Zakat bagi menentukan kelayakan asnaf menerima bantuan zakat pemulihan perniagaan.

Jadual 4.5.2(a): Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Usaha Pemantauan Berkala oleh MAIK

Persepsi Responden Terhadap Usaha Pemantauan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	34	42.5
Setuju	25	31.3
Neutral	10	12.5
Tidak Bersetuju	8	10

²⁹ Lihat: Abdul Rahman bin Talib, "Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013), 12-13.

Sangat Tidak Bersetuju	3	3.8
Min		3.99

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Walaupun bagaimanapun melalui tinjauan soalselidik yang dilakukan, buat masa ini pihak MAIK tidak melakukan pemantauan susulan secara berkala untuk meninjau operasi perniagaan yang dijalankan oleh usahawan asnaf. Sebagai contohnya, pemantauan dilaksanakan dalam tempoh 1 hingga 2 tahun selepas kelulusan bantuan zakat modal perniagaan dengan membuat lawatan ke premis perusahaan atau mendapatkan laporan prestasi perusahaan mereka. Hasil analisis soal selidik pada jadual 4.5.2(a) mendapati majoriti responden bersetuju (Min=3.99, N=80, Skala 4.00=Setuju) bahawa pihak MAIK tidak menjalankan usaha pemantauan susulan selepas mereka menerima zakat produktif.

Di samping itu, proses pemantauan juga membolehkan pihak MAIK mengenalpasti golongan asnaf yang menyalahgunakan wang zakat modal dengan mendapatkan maklumat daripada masyarakat sekitar, Imam dan sebagainya. Selain memperlihatkan khidmat sosial yang baik dan merapatkan hubungan MAIK dengan masyarakat sekitar, ia juga boleh mengenalpasti faktor dan masalah yang menimpa golongan asnaf untuk diselesaikan dengan kaedah yang terbaik di antara kedua-dua pihak bagi kepentingan agama dan masyarakat.

Dalam prosedur permohonan zakat produktif MAIK, penentuan Had Kifayah atau tahap kecukupan asnaf amat dititikberatkan. Semua maklumat berkaitan kondisi fizikal isi rumah, tahap pendapatan dan status rumah kediaman hendaklah dinyatakan dengan lengkap oleh pemohon bagi membolehkan Pegawai Urusan Sumber membuat kiraan berdasarkan Had Kifayah yang sebenar. Sehubungan itu, terdapat tiga peringkat semakan sepanjang proses kelulusan permohonan zakat iaitu perakuan daripada

Pegawai Urusan Sumber, perakuan Ketua Pegawai Pembangunan dan Kelulusan Timbalan Yang DiPertua MAIK. Ini memberikan gambaran bahawa proses penentuan kelayakan asnaf dilakukan semakan secara terperinci dan tidak dilakukan secara sambil lewa. Oleh itu sebagai sebuah institusi Islam, pihak MAIK sangat mengutamakan prinsip agihan zakat yang selari dengan hukum syarak di dalam setiap proses agihan zakat produktif.

Pada pemerhatian penulis, proses pendekatan dengan cara memberi penerangan ringkas atau motivasi mengenai tujuan, konsep dan implikasi hukum zakat produktif tidak diterapkan di akhir prosedur permohonan. Setelah sesuatu permohonan diluluskan, pengeluaran baucer dan cek akan dilakukan dan diserahkan segera kepada asnaf yang memohon tanpa diikuti oleh apa-apa proses penerangan.

Jadual 4.5.2(b): Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Proses Penerangan / motivasi oleh MAIK

Persepsi Responden Terhadap Proses Penerangan / Motivasi	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	53	66.3
Setuju	8	10
Neutral	4	5
Tidak Bersetuju	11	13.8
Sangat Tidak Bersetuju	4	5
Min		4.19

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Oleh itu, satu kewajaran sekiranya pihak MAIK mengambil pendekatan dengan memberi penerangan, motivasi atau kesedaran Islam tentang tujuan bantuan zakat modal perniagaan kepada usahawan asnaf untuk merangsang usahawan asnaf supaya lebih berusaha melepaskan diri dari belenggu kemiskinan. Malah, kajian Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad, Hirunnizam Wahid telah merumuskan hasil perbandingan antara faktor kegagalan konsep bantuan zakat produktif berbanding konsep pinjaman

modal yang ditawarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Tekun Nasional (TEKUN) adalah berpunca dari persepsi penerima terhadap pemberian percuma (zakat) yang menjadi penyumbang utama kegagalan zakat produktif.³⁰ Dengan demikian, kajian berdasarkan jadual 4.5.2(b) menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju (Min=4.19, N=80, Skala 4.00=Setuju) bahawa pihak MAIK tidak memberikan penerangan atau motivasi ringkas kepada mereka sejurus selepas permohonan mereka diluluskan yang mana dalam konteks kefahaman asnaf ia adalah sangat penting untuk menunjukkan keprihatinan pihak MAIK serta memberi dorongan yang positif kepada mereka.

4.5.3 Penilaian Terhadap Polisi dan Syarat-syarat Khusus Permohonan Zakat Produktif MAIK

Di dalam syarat khusus permohonan bantuan zakat produktif MAIK, aspek pengalaman menjalankan perniagaan adalah diambil kira dan diberi keutamaan kerana di khawatiri terdapat pemohon yang mengambil kesempatan memohon zakat modal untuk tujuan yang lain. Walaupun pemohon tidak disyaratkan mengemukakan lesen perniagaan, aspek pengesahan bahawa pemohon benar-benar telah menjalankan perniagaan diperkukuhkan lagi melalui proses siasatan yang akan dilakukan oleh petugas MAIK. Menurut informan temubual (Pegawai Urusan Sumber MAIK), pemohon-pemohon yang baru ingin berkecimpung dalam perniagaan atau baru memulakan suatu jenis perniagaan adalah tidak dibenarkan memohon kerana dikhawatiri usaha tersebut akan sia-sia malah mendatangkan kerugian modal zakat.³¹

³⁰ Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad Hairunnizam Wahid, "Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan", dalam *Kertas Kerja Islamic Economics and Finance No. 0814*, (Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM): Bangi), 3, 4, 5, 11.

³¹ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

Jadual 4.5.3: Analisis Tempoh Pengalaman Responden Terhadap Perusahaan

Tempoh Perusahaan	Frekuensi	Peratus (%)
1-2 tahun	3	3.8
2-4 tahun	11	13.8
4-6 tahun	15	18.8
6-8 tahun	4	5.0
8-10 tahun	6	7.5
Melebihi 10 tahun	41	51.2
Jumlah	80	100.0

Sumber: Soalselidik Responden Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Melalui hasil kajian berdasarkan jadual 4.5.3, didapati jumlah responden yang berpengalaman melebihi 10 tahun menjalankan perusahaan mencatatkan peratus tertinggi dengan 51.2%, diikuti oleh responden yang mempunyai pengalaman selama 4-6 tahun sebanyak 18.8% serta 2-4 tahun sebanyak 13.8% dari keseluruhan sampel kajian (N=80). Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa penetapan syarat yang memberi keutamaan kepada pemohon yang telah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan amat dititikberatkan oleh MAIK dalam menjayakan agihan zakat pemulihan perniagaan. Ia juga selaras dengan prinsip agihan zakat iaitu mengenalpasti golongan penerima yang produktif dan tidak produktif. Tambahan pula ia akan memudahkan proses pengurusan dan menghadkan jumlah permohonan yang tidak berkaitan dengan sasaran program zakat pemulihan perniagaan.

Di antara polisi yang ditetapkan oleh MAIK dalam permohonan zakat pemulihan perniagaan ialah kelulusan untuk sekali permohonan sahaja dan bayaran secara *one-off*. Kajian mendapati tiada aliran proses yang memberi kefahaman kepada asnaf mengenai pemberian secara *one-off* tersebut melainkan setelah pemohon datang untuk membuat permohonan kali yang kedua. Ia sekaligus menyebabkan para asnaf tiada motivasi untuk memanfaatkan bantuan zakat yang diberikan dengan sebaik mungkin kerana tidak mengetahui bahawa peluang yang diberikan untuk membantu usahawan asnaf hanya

sekali sahaja.

Berhubung isu ini, hasil soal selidik mendapati terdapat isu khas yang diluahkan oleh responden bahawa premis perniagaan mereka telah ditimpa musibah seperti banjir besar dan kecurian sehingga menyebabkan perusahaan mereka mengalami kerugian yang besar. Terdapat juga isu di mana sebahagian ahli keluarga usahawan asnaf tersebut mengalami sakit kronik selepas beberapa tahun mengusahakan perniagaan dengan zakat modal sehingga menyebabkan taraf kehidupan mereka kembali berada di bawah paras kemiskinan. Hal ini dikenalpasti berdasarkan hasil analisis faktor kegagalan usahawan asnaf mengembangkan perusahaan dan menjana pendapatan dalam Jadual 4.4.3 bahawa seramai 5.0% daripada responden mengalami musibah dan 6.3% menghadapi masalah kesihatan. (N=80)

Dalam pada itu, terdapat isu yang lebih bersifat global dikenalpasti iaitu implikasi dari peningkatan kos sara hidup terhadap taraf ekonomi kebanyakan usahawan asnaf. Hasil kajian dari jadual 4.4.3 mendapati seramai 11.3% responden soal selidik turut merasakan kesan utama peningkatan kos sara hidup terhadap operasi perniagaan mereka (N=80). Ia turut menyebabkan kadar Had Kifayah fakir dan miskin bertambah seiring dengan peningkatan kos sara hidup masa kini walaupun telah dilakukan peningkatan terhadap kadar Had Kifayah iaitu sebanyak 30% hingga 50% bermula pada tahun 2014. Situasi ini berlaku apabila modal usaha yang digunakan telah berhasil meningkatkan pendapatan keluarga pengusaha tersebut dengan kadar yang sedikit sahaja melepasi paras kemiskinan tetapi setelah beberapa ketika mereka kembali berada dalam kelompok miskin apabila kos sara hidup telah berubah.

Situasi ini sebenarnya telahpun ditegaskan oleh Dr. Yūsuf al-Qarāḍāwī bahawa taraf hidup seseorang itu tidak boleh ditentukan secara rigid, kerana ia tentu sekali berbeza mengikut perbezaan zaman, keadaan serta nisbah kekayaan negara dan per

kapita pendapatan masyarakat. Tambah beliau lagi, sesuatu yang mungkin dilihat sebagai barang mewah pada suatu ketika dan keadaan mungkin dianggap sebagai keperluan atau keperluan asas pada satu ketika atau keadaan yang lain pula.³²

Dengan demikian, hasil tinjauan penulis mendapati terdapat sebilangan usahawan asnaf yang berhasrat untuk memohon modal zakat sekali lagi atau membuat tambahan modal untuk mengatasi permasalahan luar jangka yang dihadapi. Dari satu sudut, mereka sebenarnya telah berhasil menjana pendapatan keluarga malah turut berjaya keluar dari kelompok asnaf zakat untuk seketika tetapi mereka tidak berpeluang untuk menambah atau memohon semula modal zakat disebabkan polisi bantuan secara *one-off* walaupun pada hakikatnya mereka masih layak dari segi status asnaf. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa polisi pemberian secara *one-off* bagi program bantuan zakat pemulihan perniagaan perlu diperkemaskan oleh MAIK atau diubah kepada bentuk pemberian yang boleh mendatangkan *maṣlahah ‘ammah* (kebaikan menyeluruh) kepada golongan penerima zakat produktif.

4.5.4 Penilaian Terhadap Tenaga Pakar Dalam Program Bantuan Zakat Produktif

Pada pengamatan penulis, sumber guna tenaga kakitangan yang terdapat di Unit Agihan Zakat MAIK hanya mampu mengurus program bantuan zakat pemulihan perniagaan berskala kecil. Pihak MAIK didapati kekurangan kakitangan untuk melaksanakan proses-proses susulan atau tugas-tugas tambahan bagi program zakat produktif seperti mengadakan kursus atau latihan keusahawanan kepada usahawan asnaf, melakukan kerja-kerja pemantauan berkala serta gerak kerja yang lebih berfokus dan pro-aktif

³² Yūsuf al-Qardāwī, “Fiḥu Al-Zakāh”, 1973: Muassasah al-Risālah, j. 1, cet. 2, hal. 576.

untuk memastikan kejayaan agihan zakat pemulihan perniagaan secara keseluruhan.³³

Selain itu, sumber tenaga pakar yang sesuai mengikut bidang kelayakan mengurus program usahawan asnaf juga di didapati tidak dimasukkan atau dilibatkan sama ada sebagai pengurus berjawatan tetap, secara konsultan atau secara kerjasama dengan institusi luar untuk membantu memberikan khidmat kepakaran mereka dalam program zakat produktif MAIK. Pengurus-pengurus program agihan zakat produktif MAIK juga adalah terdiri daripada kakitangan yang tidak mempunyai kelayakan tambahan atau pengalaman dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini merupakan salah satu faktor kelemahan yang dapat dihadapi oleh MAIK dari sudut pengurusan program bantuan zakat produktif.

Pengurusan zakat pada masa kini memerlukan pengurus yang mempunyai ilmu-ilmu lain seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya akan meningkatkan tahap profesionalisme pengurusan zakat, meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan akhirnya akan meningkatkan lagi dana zakat dalam sistem kewangan Islam yang akhirnya dapat meningkatkan lagi pengagihan kepada asnaf. Yang paling utama ialah untuk merealisasikan keberkesanan agihan zakat produktif bagi tujuan mengatasi kemiskinan masyarakat Islam di Kelantan dan menguatkan lagi jaminan sosial dalam masyarakat Islam.³⁴

4.5.5 Penilaian Terhadap Profesionalisme Pengurusan Program Bantuan Zakat Produktif

Keberkesanan kutipan dan agihan zakat amatlah bergantung kepada pengurusan zakat

³³ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017

³⁴ Ansar Nasrun, Aza Shahnaz Azman, "Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf", (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 13.

itu sendiri. Pengagihan zakat yang berkesan merupakan satu elemen yang sangat penting kerana ianya menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada kualiti hidup masyarakat dan negara dalam aspek pengurangan kadar kemiskinan dan pembangunan ekonomi.³⁵ Walaupun peratus agihan zakat di Kelantan mula menunjukkan peningkatan disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah pengurusan yang semakin cekap, kaedah agihan yang sistematik dan sebagainya³⁶ namun masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan agihan zakat pemulihan perniagaan hasil daripada maklumbalas responden yang menerima bantuan zakat produktif MAIK.

Dalam kajian ini, penulis akan mengenalpasti aspek-aspek kelemahan pengurusan MAIK yang diperkukuhkan dengan pandangan masyarakat dalam memastikan program bantuan zakat pemulihan perniagaan yang dilaksanakan oleh MAIK memberi kesan yang menyeluruh. Di antara aspek yang diketengahkan dalam isu ini ialah pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak MAIK untuk menggalakkan masyarakat memohon bantuan zakat produktif seperti usaha promosi program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK, pengamalan secara menyeluruh *Standard Operation Procedure* (SOP) bagi permohonan zakat pemulihan perniagaan serta penyampaian informasi-informasi penting kepada masyarakat berhubung program bantuan zakat MAIK.

Jadual 4.5.5: Analisis Keberkesanan Promosi dan Pendekatan Program Bantuan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK

Persepsi Responden Terhadap Keberkesanan Promosi / Pendekatan Program	Frekuensi	Peratus (%)
---	-----------	-------------

³⁵ Lihat: Anssar Nasrun, Aza Shahnaz Azman, "Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf", (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 8.

³⁶ Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, et al., "Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat", *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, (Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 2014), 16

Sangat Setuju	50	62.5
Setuju	22	27.5
Neutral	3	3.8
Tidak Bersetuju	4	5
Sangat Tidak Bersetuju	1	1.3
	Min	4.45

Sumber: Data SPSS

Dari hasil soal selidik yang dilakukan, hampir kesemua responden bersetuju (N=80, Min=4.45, skala 4.00=Setuju) bahawa bentuk promosi dan penyampaian maklumat program agihan zakat pemulihan perniagaan yang dilaksanakan oleh MAIK tidak sampai kepada sasaran. Sebilangan besar mereka hanya mendapat maklumat tersebut daripada kenalan, saudara-mara atau jiran yang pernah menerima bantuan zakat pemulihan perniagaan daripada MAIK. Sebahagian kecil dari mereka juga mendapat maklumat dari Imam-imam mukim yang telah dilantik khusus oleh MAIK untuk menyampaikan maklumat mengenai zakat kepada anak mukim mereka. Manakala segelintir daripada responden terpaksa mendapatkan info-info zakat terus dari petugas MAIK atau berurusan di kaunter-kaunter zakat. Dalam erti kata yang lain, kaedah promosi zakat pemulihan perniagaan masih tidak efektif bahkan medium promosi melalui portal e-maik, siaran akhbar, buletin dan info zakat masih kurang berkesan kerana golongan asnaf fakir dan miskin di Kelantan kurang didedahkan dengan pendekatan promosi berkenaan.


Selain itu, hasil daripada maklumbalas responden yang menerima bantuan zakat produktif MAIK juga mendapati ada beberapa isu yang menimbulkan ketidakpuasan hati para asnaf. Di antaranya ialah tiadanya pemakluman semula sesuatu permohonan zakat yang dipohon oleh mereka sama ada permohonan mereka layak atau tidak layak. Menurut responden, sekiranya permohonan mereka diluluskan maka pihak MAIK akan terus menghubungi pemohon untuk mendapatkan baucer zakat di kaunter MAIK, sebaliknya jika permohonan mereka tidak diluluskan mereka tidak akan dihubungi atau

tidak dimaklumkan secara bertulis kecuali setelah disemak sendiri di kaunter MAIK.

Pada pengamatan penulis, dalam carta aliran proses permohonan zakat MAIK menghendaki supaya proses maklumbalas dilakukan dengan menghantar surat pemakluman rasmi kepada pemohon tanpa mengambil kira permohonan mereka diluluskan atau sebaliknya. Ia juga lebih mudah dan efektif sekiranya proses maklumbalas tersebut dilakukan secara online yang memudahkan para asnaf menyemak status permohonan mereka dari semasa ke semasa. (Rujuk Rajah 4.5.5, proses maklumbalas kepada pemohon).³⁷

³⁷ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

Rajah 4.5.5: Carta Alir Proses Permohonan Zakat Pemulihan Perniagaan MAIK



Di samping itu berdasarkan Jadual 4.4.3 yang lepas, analisis faktor kegagalan usahawan asnaf mengembangkan perusahaan menunjukkan bahawa isu peningkatan kos sara hidup dan musibah tidak wajar diketepikan. Faktor peningkatan kos sara hidup dan

musibah yang menimpa golongan usahawan asnaf menyebabkan sebilangan mereka berhasrat untuk membuat permohonan zakat pemulihan perniagaan untuk kali kedua. Walaubagaimanapun, permohonan zakat pemulihan perniagaan untuk kali kedua adalah tidak dibenarkan kerana konsep bantuan yang ditetapkan oleh MAIK adalah secara *one-off*. Oleh itu, ia memperlihatkan ketidaktelusan prosedur bagi menangani masalah ini kerana setiap isu global (contohnya dilanda banjir besar) adalah wajar dipertimbangkan oleh pihak institusi zakat. Pegawai Urusan sumber MAIK sendiri melalui temubual yang dijalankan turut menyatakan kesudian untuk mempertimbangkan permohonan tersebut berdasarkan budi bicara pengurusan tertinggi MAIK dengan prosedur mengemukakan permohonan rayuan.³⁸ Apa yang ingin difokuskan di sini ialah kegagalan pihak MAIK untuk memberi kenyataan atau informasi kepada golongan asnaf yang kebanyakannya tidak mengetahui kewujudan prosedur rayuan tersebut sehingga menyebabkan para usahawan asnaf yang terperangkap dalam situasi tersebut meneruskan kesempitan hidup akibat kegagalan dalam perusahaan mereka. Dari sudut pentadbiran organisasi, sesuatu polisi pentadbiran hendaklah sampai ke pengetahuan masyarakat dengan membuat kenyataan secara bertulis. Dalam hal ini, penulis berpandangan bahawa prosedur rayuan tersebut hendaklah dimasukkan bersama di dalam carta aliran proses permohonan zakat MAIK yang sedia ada sebagaimana cadangan dalam rajah 4.5.5, Proses Rayuan. Dengan demikian, aspek pengurusan yang cekap dan telus mampu mempamerkan kredibiliti para petugas MAIK dalam memberikan harapan kepada golongan yang memerlukan untuk keluar dari kancuh kemiskinan dan seterusnya membangunkan ekonomi negeri Kelantan.

³⁸ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017

4.6 Kesimpulan

Berdasarkan laporan kajian mengenai pelaksanaan agihan zakat produktif MAIK, dapatlah dirumuskan bahawa sejak akhir-akhir ini pihak MAIK begitu serius untuk mempertingkatkan potensi bentuk agihan zakat produktif di Kelantan dengan jumlah peruntukan yang sentiasa bertambah sejajar dengan peningkatan jumlah kutipan zakat setiap tahun.

Dari hasil analisis keberkesanan program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK dari sudut lonjakan pendapatan asnaf, didapati program tersebut berjaya melonjakkan pendapatan bagi sebahagian atau $\frac{1}{2}$ daripada jumlah penerima zakat produktif ke tahap yang lebih baik. Sementara baki sebahagian yang lain didapati tidak berjaya melonjakkan pendapatan atau tidak berubah. Dalam kajian susulan terhadap usaha transformasi status ekonomi usahawan asnaf pula menunjukkan bahawa jumlah fakir dan miskin yang masih kekal berada di dalam kelompok asnaf adalah masih ramai. Ini menunjukkan bahawa program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK didapati masih belum berjaya mentransformasikan lebih $\frac{2}{3}$ daripada jumlah penerima zakat pemulihan perniagaan kepada status pembayar zakat. Oleh itu, secara dasarnya MAIK masih belum selesai melaksanakan tanggungjawab sosial dengan sepenuhnya bagi memastikan matlamat dan objektif sebenar bantuan zakat produktif berjaya dicapai. Beberapa faktor kelemahan MAIK telah dikenalpasti dalam aspek pengurusan program agihan zakat produktif yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap kelangsungan proses mengatasi masalah kemiskinan di kalangan usahawan asnaf yang terlibat.

Walaupun, MAIK sebagai sebuah institusi yang berautonomi dalam

urusan keagamaan³⁹ didapati menjalankan kewajipan untuk mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam di Kelantan menurut Hukum Syarak.⁴⁰ Hal ini telah termaktub di dalam Enakmen MAIK selaras dengan keperluan melaksanakan program bantuan zakat pemulihan perniagaan di bawah Unit Agihan Zakat MAIK.

Selain itu, beberapa prosedur pelaksanaan polisi yang menjadi amalan MAIK sewajarnya ditambahbaik seperti polisi bantuan secara *one-off*. Polisi ini menimbulkan kesukaran kepada usahawan asnaf yang telah menghadapi musibah untuk memohon semula modal zakat atau membuat tambahan modal perniagaan sedangkan proses bantuan kepada mereka sewajarnya dipermudahkan. MAIK perlu mempamerkan ketelusan dan fleksibiliti dalam pengurusan untuk memastikan masyarakat tidak terus terbelenggu dengan karenah birokrasi yang boleh memutuskan harapan serta keyakinan mereka terhadap institusi zakat.

³⁹ Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t, 202.

⁴⁰ Enakmen 4 Tahun 1994 Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (Seksyen 7(1)), <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/dokumentasi/enakmen-maik.html>

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah merungkai beberapa permasalahan dan mencapai objektif-objektif yang ditetapkan iaitu (1) mengenalpasti kaedah dan konsep agihan zakat produktif MAIK kepada usahawan asnaf fakir dan miskin di Kelantan melalui pengamalan yang seiring dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak serta memastikan matlamat utama agihan zakat produktif dapat dicapai, (2) melaksanakan tinjauan terhadap mekanisme pelaksanaan agihan zakat produktif MAIK merangkumi aspek sistem pengurusan, sistem pentadbiran, dasar dan polisi, bentuk-bentuk aktiviti agihan zakat dan sebagainya, serta (3) menganalisis tahap keberkesanan program agihan zakat produktif MAIK terhadap dana agihan zakat, tahap pendapatan usahawan asnaf dan peningkatan taraf ekonomi keluarga asnaf di samping meninjau faktor kegagalan perkembangan perusahaan usahawan asnaf.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Zakat merupakan satu komponen ekonomi yang memainkan peranan besar dalam meningkatkan sosioekonomi umat Islam. Dalam dunia yang serba kompetitif masa kini, zakat perlu diurus secara profesional dan efektif selaras dengan peranan dan fungsinya dalam pembangunan ekonomi ummah. Majlis Agama Islam negeri khususnya perlu mengambil peluang ini untuk mengeksploitasi peranan zakat sepenuhnya selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum syarak. Bantuan zakat produktif terutamanya menjadi salah satu instrumen yang boleh menyelesaikan isu kemiskinan di dalam negara berbanding bentuk agihan zakat konsumtif yang lain

sekiranya ia dilaksanakan secara cekap dan bersungguh-sungguh. Pihak MAIK juga tidak mengabaikan peranan tersebut dengan mempelbagaikan bentuk agihan zakat terutamanya mewujudkan program bantuan zakat produktif itu sendiri melalui agihan zakat pemulihan perniagaan.

Dalam konteks pengamalan hukum fiqh, hasil kajian ini mendapati konsep pemilikan harta zakat pemulihan perniagaan MAIK adalah menepati konsep yang digariskan oleh hukum syarak iaitu agihan dalam bentuk pemilikan mutlak (akad *al-tamlīk*). Ia memberikan implikasi bahawa harta zakat yang diterima adalah hak milik mutlak penerima zakat tanpa mensyaratkan mereka mengembalikan semula dana zakat tersebut melalui kaedah pinjaman. Oleh itu, ia adalah konsep yang sesuai dilaksanakan di negara ini mengikut situasi semasa selama mana tuntutan *maṣlahah* masih dapat diaplikasikan secara menyeluruh.

Begitu juga pengamalan prinsip-prinsip agihan zakat juga dilaksanakan dengan baik oleh pihak MAIK seperti prinsip keutamaan asnaf, prinsip *al-‘adālah* (keadilan), prinsip *al-kifāyah* (kecukupan), prinsip *fawran* (kesegeraan) dan lain-lain. Prinsip-prinsip yang digariskan juga adalah sebagaimana yang disyorkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji melalui buku Manual Pengurusan Agihan Zakat yang berfungsi untuk membantu memperkemas perancangan dan sistem pengurusan zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kajian mendapati hampir keseluruhan prinsip dan kaedah pelaksanaan program bantuan zakat pemulihan perniagaan mengambil kira prinsip hukum syarak dan bersifat terbuka terhadap kepelbagaian pandangan fuqaha tetapi amat menitikberatkan *fiqh al-wāqī‘* (feqah setempat) demi mencapai kemaslahatan ummah.

Walaupun, dalam konteks pengamalan prinsip ini juga, sekiranya pengurusan zakat memerlukan penambahbaikan terhadap prosedur sedia ada sehingga

menyebabkan proses pemilikan zakat kepada asnaf tertanggung seperti meletakkan prasyarat supaya usahawan asnaf mengikuti kursus keusahawanan dalam jangkamasa tertentu, maka ia akan dikira sebagai usaha yang positif dan bergantung kepada tahap *maṣlahah* yang ingin dicapai serta kembali kepada urusan pemerintah¹ berdasarkan Kaedah *Fiqhiyyah*:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: “Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat terpulang kepada masalah”.

Oleh itu, suatu pendekatan yang diambil oleh pemerintah (institusi zakat) yang boleh menjamin kemaslahatan umat adalah harus dilaksanakan. Pada pandangan penulis, pendekatan seperti mengadakan kursus bimbingan keusahawanan adalah sangat wajar diwujudkan oleh pihak MAIK untuk menjamin kejayaan program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK secara optimum dan seterusnya memberikan impak jangka panjang yang lebih baik kepada sosioekonomi golongan asnaf. Hal ini telah pun dilaksanakan dengan baik oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Hasil tinjauan terhadap pelaksanaan agihan zakat produktif MAIK memberi kesan yang positif terhadap tahap pendapatan golongan asnaf fakir dan miskin. Masyarakat miskin yang tidak mempunyai modal boleh menjalankan perniagaan dengan usaha sendiri tanpa mengharapkan bantuan dari pusat zakat lagi setelah mereka dapat berdikari. Hal ini dibuktikan melalui analisis keberkesanan zakat pemulihan perniagaan MAIK mengikut tahap pendapatan asnaf dalam tempoh 2 tahun terakhir. Mereka didapati telah berjaya melonjakkan pendapatan sehingga mendominasi sebahagian daripada jumlah keseluruhan responden kajian. Walaubagaimanapun,

¹ Dato’ Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

usaha tersebut masih belum mencapai 2/3 dari jumlah sasaran kejayaan yang diharapkan malah kajian juga mendapati jumlah asnaf yang berjaya keluar dari taraf fakir dan miskin adalah masih sedikit. Oleh itu, kajian ini mendapati program bantuan zakat pemulihan perniagaan MAIK belum berjaya merealisasikan matlamat yang paling utama bantuan zakat produktif iaitu mengeluarkan asnaf fakir dan miskin dari garis kemiskinan.

Di samping itu, kajian ini juga membuktikan bahawa tujuan pelaksanaan program zakat produktif MAIK adalah sekadar untuk membantu golongan fakir dan miskin yang memerlukan bantuan modal untuk menambah pendapatan keluarga sahaja tanpa melihat kepada matlamat yang lebih utama iaitu mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan. Ia dapat dilihat secara zahir dari kaedah pelaksanaan bantuan zakat produktif itu sendiri yang mana mekanisme permohonannya tiada perbezaan ketara dengan bentuk agihan zakat konsumtif yang lain seperti penetapan syarat permohonan, aliran proses permohonan, jumlah dan kepakaran tenaga penggerak program dan sebagainya. Di antara aspek perbezaan yang dikenalpasti ialah tiada pemantauan berkala dilakukan bagi mengetahui hasil kejayaan program, tiada usaha bimbingan keusahawanan secara bersepadu sebagai pra-syarat permohonan malah tiada laporan kajian keberkesanan program agihan zakat produktif dinyatakan di dalam laporan tahunan MAIK sebagaimana yang termaktub di dalam fungsi Unit Agihan Zakat MAIK itu sendiri iaitu membuat penilaian dari semasa ke semasa terhadap pencapaian program. Oleh itu, MAIK dilihat belum mengambil langkah yang komprehensif dalam pengurusan agihan zakat produktif untuk dikendalikan secara lebih profesional dan efektif.

Berhubung dengan jumlah dana zakat produktif yang diperuntukkan secara tahunan, MAIK dilihat komited dalam memenuhi permintaan yang positif terhadap

bantuan zakat pemulihan perniagaan. Oleh itu, kajian mendapati *trend* peningkatan jumlah peruntukan agihan zakat pemulihan perniagaan adalah sejajar dengan peningkatan jumlah penerima zakat produktif serta peningkatan kutipan zakat setiap tahun. Usaha tersebut adalah sangat wajar tetapi perlu diseimbangkan dengan mewujudkan usaha-usaha kearah memperkasakan program bantuan zakat produktif. Tanpa tindakan penambahbaikan terhadap program yang dilaksanakan, usaha tersebut akan dilihat sebagai suatu usaha yang sia-sia apabila peratus kejayaan mentransformasikan usahawan asnaf tidak mencapai sasaran yang diharapkan.

Sehubungan itu, MAIK seharusnya mengorak langkah yang lebih terkehadapan dengan menaiktaraf bentuk program zakat produktif kepada skala yang lebih besar. Berdasarkan perbincangan fiqh, ketetapan kadar maksimum bantuan zakat yang lebih tinggi adalah diharuskan selagi keperluan tuntutan *maṣlahah* paling utama dan terpenting untuk mengeluarkan asnaf zakat dari belunggu kemiskinan dapat dihasilkan dalam kadar yang optimum. Akan tetapi kaedah penentuan kadar maksimum yang sesuai untuk dilaksanakan di negara ini masih belum difatwakan. Oleh itu, penulis mencadangkan supaya suatu kaedah penentuan dan pengiraan kadar bantuan yang maksimum dapat dikeluarkan untuk dijadikan panduan kepada institusi zakat di Malaysia.

5.3 CADANGAN

5.3.1 Strategi Memperkasa Agihan Zakat Produktif Untuk Pembangunan Masyarakat

Bagi merealisasikan potensi agihan zakat produktif dalam meningkatkan ekonomi masyarakat, maka kerjasama dan tindakan bersepadu dari pelbagai pihak termasuklah peranan utama dari pihak institusi zakat dan penerima zakat perlu bergerak seiring

supaya objektif sebenar agihan tercapai dan pembangunan masyarakat Islam juga dapat dibangunkan secara menyeluruh.² Di antara beberapa strategi yang boleh dilakukan oleh pihak institusi zakat khususnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK) adalah seperti berikut:

5.3.1.1 Mempergiatkan Promosi Agihan Zakat Dengan Cepak

Walaupun terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan institusi zakat ia tidak bermakna mencerminkan kelemahannya akan berkekal lama. Pada masa yang sama semua pihak dalam institusi zakat perlu bertindak segera melakukan perubahan untuk penambahbaikan urusan pengagihan zakat khususnya dengan cara mengenalpasti aduan-aduan dari pelbagai pihak dan individu secara terbuka supaya keberkesanan institusi zakat menjadi lebih cekap dan cemerlang. Pihak institusi zakat perlu memperluaskan bentuk promosi seperti promosi melalui iklan dan program bersama pelanggan. Program bersama pelanggan ini akan memberi pendedahan yang jelas secara langsung kepada masyarakat berkaitan dengan kebolehpercayaan terhadap institusi zakat. Tambahan pula institusi zakat juga dapat mengenalpasti individu-individu yang layak untuk membuat permohonan zakat.³

Dari hasil soal selidik yang dilakukan di Kelantan, majoriti responden bersetuju bahawa bentuk promosi dan penyampaian maklumat program agihan zakat pemulihan perniagaan yang dilaksanakan oleh MAIK tidak sampai kepada sasaran. Maka suatu kaedah yang lebih baik perlu dilakukan oleh pihak MAIK seperti

² Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 9.

³ Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 9.

mengadakan aktiviti turun padang ke kampung-kampung atau mengadakan sesi taklimat dengan kerjasama Imam-imam mukim bagi mendekati masyarakat secara tahunan. Penambahbaikan melalui pemilihan medium penyampaian maklumat yang lebih efisien dan sesuai dengan kategori sasaran hendaklah dilakukan dengan cermat supaya kos pentadbiran di Unit Agihan Zakat tidak berlaku pembaziran.

5.3.1.2 Mempertingkatkan Tahap Kecekapan dan Kepakaran Pentadbir Zakat

Sehubungan itu, kesiapsiagaan para pentadbir zakat perlu diberi perhatian dengan segera demi membangunkan institusi zakat yang lebih efisien termasuklah dalam isu agihan zakat produktif. Pemilihan staf yang berintegriti bermula dari peringkat pemilihan calon untuk ditemuduga, lantikan staf zakat bukan sahaja tertakluk kepada latar belakang syariah malah turut perlu merujuk kepada pengalaman yang pelbagai, etika dan profesionalisme diri untuk pembangunan institusi.⁴

Selain itu, institusi zakat juga hendaklah merupakan institusi terlatih dan mempunyai kakitangan yang pakar dalam melaksanakan pembangunan institusi. Ia jelas dilihat melalui kebolehan dan kecekapan kerja oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) selepas dikorporatkan. Tidak terkecuali juga pusat-pusat zakat negeri seperti MAIK yang sentiasa berusaha meningkatkan nama dan kualiti institusi Islam sebaris dengan institusi pembangunan ekonomi yang lain.⁵

Hasil daripada maklumbalas responden yang menerima bantuan zakat produktif MAIK, terdapat beberapa isu yang menimbulkan ketidakpuasan hati para asnaf. Di antaranya ialah tiadanya pemakluman semula sesuatu permohonan zakat

⁴ Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 9.

⁵ *Ibid.*, 10.

yang dipohon oleh mereka sama ada permohonan mereka layak atau tidak layak. Sedangkan aliran proses permohonan zakat menghendaki supaya pemohon yang tidak layak atau tidak berjaya membuat permohonan hendaklah diberi maklumbalas yang sewajarnya oleh Unit Agihan Zakat MAIK.⁶

Selain itu, beberapa dasar dan polisi yang menjadi amalan pengurusan MAIK hendaklah diterangkan dengan terperinci dan jelas kepada asnaf samada secara lisan mahupun secara bertulis. Sebagai contoh, proses rayuan untuk memohon semula bantuan zakat pemulihan perniagaan disebabkan musibah kecurian, banjir dan sebagainya perlu dinyatakan dengan jelas kepada pemohon dan sebarang pertimbangan adalah mengikut budibicara Yang Dipertua MAIK.⁷ Pada pandangan penulis, prosedur rayuan tersebut hendaklah dimasukkan bersama di dalam carta aliran proses permohonan zakat MAIK yang dikhususkan kepada permohonan semula zakat pemulihan perniagaan bagi kes-kes khas. Hal ini adalah untuk menjamin ketelusan proses penyampaian maklumat agar masyarakat tidak terus terbelenggu dengan karenah birokrasi yang boleh memutuskan harapan serta keyakinan mereka terhadap MAIK.

Dalam pada itu, perkembangan MAIK juga boleh dinilai berdasarkan laporan-laporan dan data yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa serta mudah untuk diakses hanya melalui internet bagi memudahkan masyarakat menilai kebolehpercayaan pengurusan di institusi zakat.⁸ Kini dengan wujudnya portal E-MAIK, ia bukan sahaja memberi kemudahan penyampaian maklumat yang

⁶ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015.

⁷ Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2017.

⁸ Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 10.

menyeluruh dan efektif, kemudahan membayar zakat secara atas talian, kemudahan pengiraan kadar zakat dan sebagainya malah ia juga perlu di naiktaraf dengan menyediakan borang bantuan agihan zakat secara atas talian sebagaimana Permohonan Bantuan IPT Online⁹ yang telah dilaksanakan oleh MAIK sejak tahun 2013. MAIK juga turut menyediakan kiosk IPT Online di Masjid Bandar dan Jajahan yang memudahkan pemohon yang tidak mempunyai kemudahan internet. Kemudahan ini sewajarnya turut diperkasakan bagi memudahkan pemohon yang ingin mendapatkan bantuan zakat modal perniagaan secara lebih menyeluruh seiring dengan peningkatan jumlah dana bantuan zakat tersebut.

5.3.1.3 Pemantauan Aktiviti Keusahawanan Secara Berkala

Sebarang aktiviti yang melibatkan modal zakat pemulihan perniagaan hendaklah dipantau oleh pihak institusi zakat.¹⁰ Di antara kepentingan aktiviti pemantauan ini adalah untuk mengetahui hasil kejayaan para usahawan asnaf sama ada dari sudut perkembangan tahap pendapatan mahupun taraf ekonomi mereka selepas suatu tempoh tertentu di samping mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Dari kajian temubual dan soalselidik yang dijalankan, didapati MAIK tidak menjalankan usaha pemantauan susulan selepas usahawan asnaf menerima zakat produktif untuk diusahakan. Masalah pemantauan ini berkait rapat dengan permasalahan kekurangan tenaga kerja dan kekurangan kepakaran yang membelenggu kebanyakan institusi zakat. Kekurangan kakitangan dan kepakaran kakitangan dalam bidang usahawan menyebabkan satu kaedah pemantauan yang tersusun dan terancang

⁹ Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 23 Julai 2017, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/>

¹⁰ Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati", (makalah, Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia, Fakulti Ekonomi Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 811.

gagal dilaksanakan. Pemantauan hanya bergantung pada khidmat syarikat konsultant yang dipilih sahaja.¹¹

Oleh itu, dicadangkan agar pihak MAIK memperbaiki kelemahan yang ada serta mengambil langkah serius dengan memantapkan lagi program pemantauan ini untuk memastikan kejayaan program pembangunan asnaf di Kelantan. Di negeri Selangor, Pusat Zakat Selangor (PZS) bukan sahaja memberi bantuan untuk perusahaan perniagaan tetapi juga melibatkan penyediaan latihan dan pendedahan tentang perniagaan kepada asnaf untuk menjadi usahawan. Bantuan yang diberikan kepada asnaf adalah sebagai modal permulaan perniagaan dan seterusnya akan terus dibimbing dan dipantau oleh pihak LZS sehingga menjadi seorang usahawan yang produktif. Beberapa program khusus untuk melatih asnaf menjadi usahawan telah dijalankan oleh pihak LZS mengikut peringkat-peringkat tertentu dalam usaha membantu menambahkan ilmu pengetahuan asnaf tentang dunia perniagaan. Program ini berkembang luas apabila terdapat institusi-institusi lain turut mengambil inisiatif yang sama untuk membentuk usahawan di kalangan asnaf dan akhirnya berjaya keluar dari kelompok yang miskin.¹²

5.3.1.4 Memberi Bantuan dan Bimbingan Kepada Asnaf Dalam Bentuk Motivasi dan Kefahaman Islam

Perancangan dan pelan tindakan yang berstrategi dan jelas oleh institusi zakat amat penting untuk memastikan agihan zakat produktif memberi impak yang positif malah

¹¹ Azman Ab. Rahman et al., *“Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Mengintegrasikan Keharmonian Ummah”* (makalah Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic, 2014), 508.

¹² Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, “Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam”, (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da’wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 12.

berkesan untuk memenuhi keperluan asas usahawan asnaf dan seterusnya mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan. Bagi asnaf yang produktif dan berpotensi dari aspek pekerjaan hendaklah diberikan bantuan dalam bentuk moral, motivasi, kefahaman dan tasawwur Islam agar mereka dapat memahami hakikat agihan zakat produktif yang dilaksanakan. Golongan ini perlu diterapkan pemahaman yang benar dan tepat terhadap hakikat penerimaan zakat produktif untuk melahirkan asnaf yang berjaya keluar dari senarai penerima zakat dan menjadikan mereka sebagai penyumbang zakat atau tenaga yang produktif melalui sumber pendapatan yang boleh menampung keperluan asas mereka.¹³

5.3.1.5 Memperkasa Agihan Melalui Kerjasama Dengan Institusi Luar

Kerjasama institusi zakat dengan pelbagai pihak luar yang proaktif dapat membantu meningkatkan taraf hidup asnaf supaya tidak terus bergantung dengan bantuan zakat semata-mata. Kerjasama institusi zakat dengan badan-badan luar dapat membantu mengubah kehidupan asnaf. Contohnya bantuan modal, galakan semangat dan kemahiran keusahawanan yang diberikan kepada asnaf dapat mengeluarkan asnaf dari golongan yang miskin. Akhirnya mereka berjaya mengubah status taraf hidup dan dapat memenuhi keperluan selain keperluan *darūriyyāt* (asasi). Kebiasaannya projek-projek pembangunan ekonomi atau usahawan yang biasa diceburi oleh asnaf meliputi pelbagai bidang termasuklah bidang ternakan, tanaman, perikanan, peruncitan, industri kecil dan sederhana (IKS) dan sebagainya. Kita mengakui hakikatnya para pegawai zakat tidak mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut. Oleh itu, kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan organisasi lain seperti Lembaga Pertubuhan Peladang untuk program pertanian, FAMA untuk pemasaran, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

¹³ Rahisam bin Ramli, “Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Terhadap Asnaf Fakir dan Miskin Di Negeri Sembilan”, (disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011), 188-189.

(LKIM) untuk perikanan, MEDEC untuk pembangunan usahawan dan IKS dan sebagainya secara tidak langsung membantu usahawan ini menerima skim khidmat nasihat dan bantuan lain yang dapat membantu mereka meneruskan projek sehingga berjaya.¹⁴

Sehingga kini MAIK masih menjalankan program-program usahawan asnaf dalam skala yang kecil dan masih belum diperluaskan kepada bentuk industri kecil atau sederhana. Pihak MAIK hanya mengharapkan pengalaman para asnaf sendiri untuk memastikan mereka berjaya memanfaatkan suntikan zakat modal perniagaan sehingga boleh meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka sendiri. Dari analisis yang dikaji, hanya sebahagian sahaja daripada jumlah responden usahawan asnaf berjaya meningkatkan pendapatan mereka manakala sebahagian lagi tidak berjaya meningkatkan pendapatan atau tidak mengalami perubahan pendapatan.

Selain itu, di antara faktor utama yang dikenalpasti menjadi punca kegagalan perusahaan usahawan asnaf di Kelantan pula adalah disebabkan oleh ketiadaan perancangan dan strategi perniagaan yang baik di kalangan mereka. Ini menunjukkan bahawa pihak MAIK perlu mempertingkatkan usaha membangunkan program zakat pemulihan perniagaan dengan mengadakan kerjasama dengan institusi berkaitan dalam memberikan bimbingan yang berterusan bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan di kalangan usahawan asnaf dan tidak hanya menyediakan bantuan dalam bentuk material sahaja. Kaedah ini telahpun dibuktikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang memberikan bimbingan dan pemantauan sehingga mereka menjadi seorang usahawan yang berjaya.

¹⁴ Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 11 dan Patmawati bte Hj Ibrahim, "Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah", (kertas kerja, Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22/5/07 – 24/5/07), 12-13.

5.3.1.5 Memperkembangkan Program Bengkel Kemahiran Hidup

Program Bengkel Kemahiran Hidup merupakan salah satu medium bantuan zakat yang dilaksanakan oleh MAIK berbentuk produktiviti kemahiran diri seperti kursus atau bengkel jahitan (beroperasi sejak tahun 1996), sulaman (beroperasi sejak tahun 2000) dan automotif (beroperasi sejak tahun 2002). Ia dilaksanakan bagi membolehkan para asnaf membuka perniagaan sendiri dengan kemahiran yang telah diberikan setelah tamat kursus selama 8 bulan. Di antara syarat-syarat kelayakan menyertai kursus atau bengkel kemahiran hidup ini ialah berumur di antara 18 hingga 30 tahun, berkelayakan akademik sekurang-kurangnya PMR atau setaraf dan berkebolehan membaca dan menulis dengan baik serta termasuk dalam kategori asnaf.¹⁵ Walaubagaimanapun, program ini tidak termasuk di dalam program bantuan zakat pemuliharaan perniagaan yang mempunyai syarat-syarat yang lebih umum.

Pada pandangan penulis, program kemahiran diri yang telah dilaksanakan oleh MAIK sejak beberapa dekad yang lalu amat wajar diperkembangkan dengan menambah lebih banyak bentuk kemahiran yang lain seperti perniagaan secara runcit, perniagaan online, gunting rambut, seni ukiran dan batik, penternakan dan sebagainya. Ia boleh digabung jalin dengan menawarkan bantuan zakat modal untuk memulakan perniagaan kepada peserta yang berjaya menamatkan kursus ini. Dengan kemahiran dan bimbingan yang telah diterapkan tersebut diharapkan dapat melahirkan usahawan yang berpotensi untuk mengubah corak kehidupan mereka dan menambah pendapatan keluarga dengan usaha mereka sendiri.

¹⁵ Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 23 Julai 2017, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/>

5.3.1.6 Peranan Penerima Bantuan Zakat Pemulihan Perniagaan

Para penerima zakat haruslah memahami bahawa mereka adalah entiti utama dan menjadi indikator utama kepada institusi zakat untuk mengukur keberkesanan pengagihan zakat dalam meningkatkan ekonomi masyarakat Islam. Segala usaha yang dilakukan sama ada dari pihak institusi zakat mahupun kerajaan sekiranya tidak digunakan sebaik mungkin akan menyebabkan segala usaha menjadi sia-sia. Kerjasama dari pihak penerima zakat (asnaf) amat diharapkan untuk sama-sama memastikan kelangsungan institusi zakat dan berjaya berada sebaris dengan institusi-institusi ekonomi yang lain.

Ketaatan pembayar zakat perlulah dihayati juga oleh penerima zakat agar sumbangan yang diterima turut digunakan dengan sebaik yang mungkin. Seterusnya asnaf perlu berusaha untuk keluar dari kelompok miskin dan terus berusaha sepertimana individu lain yang berusaha untuk mengumpul kekayaan dan harta pemilikan untuk menjadi sebahagian dari penyumbang zakat.¹⁶ Untuk itu mereka perlulah mematuhi etika dalam menerima agihan dana zakat. Mereka hendaklah jujur dan bertekad untuk memperbaiki diri. Mereka hendaklah berusaha secara berterusan, menjalani latihan dan bermuhasabah diri dari semasa ke semasa untuk memastikan kejayaan mereka keluar dari asnaf zakat dan menjadi pembayar zakat.¹⁷

¹⁶ Nuruul Hidayah Mansor, S. Salahudin Hj. Suyurno, Norajila Che Man, "Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam", (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor), 12.

¹⁷ Patmawati bte Hj Ibrahim, "Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah", (kertas kerja, Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22/5/07 – 24/5/07), 13-14.

5.4 PENUTUP

Kajian ini telah mencapai objektif yang utama iaitu mengenalpasti konsep pengamalan MAIK terhadap agihan zakat produktif mengikut perspektif syarak dan seterusnya mengenalpasti tahap keberkesanan agihan zakat produktif MAIK dari aspek peningkatan tahap pendapatan isi rumah asnaf dan keberkesanan transformasi status asnaf. Ia ternyata memberi kesan yang signifikan kepada sosioekonomi asnaf sehingga melonjakkan pendapatan mereka dan sekaligus memperbaiki kehidupan mereka berbanding sebelumnya. Akan tetapi, tahap keberkesanan mengeluarkan asnaf dari status fakir atau miskin kepada status keluar asnaf didapati masih belum mencukupi tanpa melihat kepada skala bantuan zakat produktif itu sendiri.

Para penerima bantuan agihan zakat merupakan entiti utama dalam memastikan keberkesanan program agihan zakat dalam meningkatkan ekonomi ummah. Pihak lain hanya boleh membantu, menyediakan segala kemudahan, ruang dan peluang. Tetapi sekiranya mereka tidak bersedia dan bekerjasama, maka segala usaha ini akan gagal. Penglibatan pelbagai pihak kerajaan dan swasta dapat memajukan program pembangunan ekonomi asnaf dengan lebih berjaya dan berkesan. Penyatuan pelbagai sumber dana serta kepakaran mampu menggerakkan potensi golongan asnaf dengan lebih optimum ke arah memperkasakan sosioekonomi asnaf.¹⁸

Bantuan zakat produktif menjadi salah satu instrumen yang boleh menyelesaikan isu kemiskinan di dalam negara berbanding bentuk agihan zakat konsumtif yang lain sekiranya ia dilaksanakan secara cekap dan bersungguh-sungguh. Oleh itu, aspek kecekapan dalam pengurusan agihan zakat MAIK amat diberi perhatian di dalam kajian ini untuk memastikan matlamat utama agihan zakat

¹⁸ Muhammad Rizal Jalil et al., "Strategi Pembangunan Asnaf Fakir Dan Miskin Melalui Penjanaaan Semula Model Bantuan Modal Zakat", (makalah, E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya), 17.

produktif dapat direalisasikan. MAIK bukan sahaja perlu mempertingkatkan tahap kecekapan dan kepakaran dalam mengurus keperluan keusahawanan para asnaf tetapi juga memperbaiki kelemahan-kelemahan yang paling utama. Sekiranya peranan zakat produktif ini dilaksanakan dengan sempurna dan bersungguh-sungguh sudah pasti ia akan dapat merealisasikan objektif dan misi MAIK dalam meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam sekaligus berfungsi sebagai instrumen yang paling utama kearah penyelesaian masalah kemiskinan di Negeri Kelantan.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- ‘Abdullah Nāsiḥ ‘Ulwān, *Ahkām al-Zakāh ‘alā Ḍau’i al-Mazāhib al-Arba‘ah* (t.tp: Dār al-Salam, t.t).
- Abdul Rahman bin Talib, “Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 7, No. 2 (2013).
- Abdul Razak Mahmud, *MAIK: Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990* (Kuala Lumpur: t.p, 2010).
- Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ al-Aḥkām al-Qur‘ān* (Dār ‘Ālim al-Kutub), 8
- Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, cet. 1 (Riyādh: Dār al-Salām Lī al-Nasyar Wa al-Tauzī’, 1999).
- Abū ‘Ubaid al-Qāsīm bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirūt: Dār al-Syurūq, 1989).
- Aḥmad al-Raysūnī, *Naẓariyyāt al-Maqāsid ‘Inda al-Imām al-Shāṭibi*, cet. 4 (Amerika: al-Ma‘had al-‘Ālami lī al-Fikr al-Islāmiy, 1995).
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisol Ibrahim, et al., “Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat”, *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (2014).
- Ahmad Syafi’i Khatib, *Hikmah Zakat Rukun Ke-3: Dimensi Fiqah & Kerohanian* (Kuala Lumpur: t.p., 2005).

Al-Bukhāri, *Sahīh al-Bukhāri*, cet. 1 (t.tp.: Maktabah al-Şofa), 1.

Al-Ghazali, Abū Ḥāmid, *Iḥyā' 'Ulūmuddin*, cet. 1 (Kaherah: Maktabah al-Şofa, 2003),
1.

Al-Mu'jam al-Wasīṭ (2005).

Al-Nawawi, *Kitāb al-Majmū': Syarḥ al-Muhazzab Lī al-Syīrāzi*, (Jiddah: Maktabah al-Irsyād, t.t), 5.

_____, *Sahih Muslim*, (Kaherah: Dār al-Manār, 2003), 4.

Anssar Nasrun, Aza Shahnaz Azman, “Hubungan Antara Keberkesanan Agihan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf”, (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

_____ dan Siti Martiah Anwar, “Peranan Institusi Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Malaysia” dalam *Sustainable Development Through The Islamic Economics System*, (Kertas Kerja, Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013), 2013).

_____, et al., “Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Mengintegrasikan Keharmonian Ummah”, (Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014).

_____, et al., “Memformulasi Model Produktif Pembangunan Program Usahawan bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf”, (Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9 2014)).

_____, et al., “Keberkesanan Program Usahawan Asnaf Oleh Institusi Zakat Dalam Mengintegrasikan Keharmonian Ummah” (makalah Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic, 2014).

Aznainainie Binti Mohd Ghazi, Sanep Ahmad dan Harirunnizam Wahid, “Analisis Pengurusan dan Agihan Dana Zakat di Negeri Kelantan” (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bharu, 2013), 3.

Dr. Mujaini b. Tarimin, “Memantapkan Pelaksanaan Agihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Satu Saranan Penambahbaikan”, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3, No. 1 (2009).

Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha dan ‘Ali al-Syir Yahya, *Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī* (Dimashq: Dārul Qalam, 2005), 1.

Dr. Wahbah al-Zuhayli, *Tafsīr al-Munīr*, cet. ke-2 (Dimasq: Dār al-Fikr, 2003) 15.

Ghazali Darulsalam, Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016,).

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, “Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati”, (makalah, Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia, Fakulti Ekonomi Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

Haji Ismail Hashim, *Syariah Zakat, Sedekah dan Infak* (Kuala Lumpur: Synergy Media, t.t).

Hasanah bte Abd. Khafidz, “Fi Sabilillah Sebagai Medium Zakat Produktif” dalam *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*

(t.tp.:Universiti Sains Malaysia, 2011).

Ibn Ḥazm, *al-Muḥallā*, (t. tp.: Bait al-Afkār al-Dawliyyah, 2003).

Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bayjūri, *Hāshiah al-Bayjūri ‘Alā Sharḥ Ibnu Qāsim al-Ghazzi ‘Alā Matan Abī Shujā‘ Fī Mazhab al-Imām al-Shāfi‘i*, (Kaherah: Dār al-Hadith, t.t), 1.

Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009).

Isma Addi Jumbri dan Mohamad Zahir Zainudin, “Pembangunan Modal Insan Dalam Kalangan Fakir dan Miskin Sebagai Usahawan: Kajian Kes Di Lembaga Zakat Selangor”, *Journal of Human Capital Development* Vol. 4, No. 2, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (2011).

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), *Manual Pengurusan Agihan Zakat*, (2007).

Kamus Dewan, ed. ke-3, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor* (Tahun 2011).

Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Kutipan dan Agihan Zakat di Selangor* (Tahun 2013).

Lembaga Zakat Selangor, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor* (Tahun 2012).

Mahadi Mohammad dan Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin, *Falsafah Pengagihan Zakat Menurut Islam* (UniSZA).

Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

_____, et. el, *Puri Kencana Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, t.t.

Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Laporan Tahunan MAIK 2011

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, *Garis Panduan Had Kifayah Fakir-Miskin Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak* (semakan 2 April 2014).

Mansor Bin Sulaiman, et al., "Had al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin Dan Kaya Berasaskan Sunnah Di Malaysia", (Universiti Malaysia Pahang: t.t).

Mardiatul Akmaliah Mohd Asri dan Azizi Abu Bakar, "Keberkesanan Pengagihan Zakat Terhadap Asnaf: Kajian Kumpulan Usahawan Asnaf Negeri Pulau Pinang", *Jurnal Syariah 16* (Keluaran Khas 2008).

Md. Hairi bin Md. Hussain, "*Keberkesanan Sistem Agihan Zakat: Suatu Pandangan Awal*" (t.tp., 2009).

Mohamad Sabri Haron dan Riki Rahman, "Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah", *Labuan e-Journal of Muamalat And Society*, Vol. 10 (2016).

Mohammad Azli bin Ab Rahman dan Zaini bin Nasohah, Kertas Kerja "Pembaharuan Metode Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Ekonomi Golongan Fakir Dan Miskin Di Majlis Agama Islam Melaka".

Mohd Abd. Wahab, Fatoni Mohd Balwi dan Adibah Hasanah Abd. Halim, "Mobilasi Zakat dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan", *Jurnal Syariah* 16, (Keluaran Khas 2008).

Mohd Faisol Ibrahim, Ahmad Fahme Mohd Ali dan Mohd Nasir Ali, "Pengiraan Had Kifayah Bagi Kemiskinan Di Malaysia: Kajian Kes Di Negeri Selangor", (makalah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), t.t).

Mohd Parid Syeikh Ahmad, "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam" dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt), *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: IKIM, 2001)

Mohd Saufi Ismail, Dr. Hasan Bahrom dan Wan Yusrol Wan Yusof, "*Kajian Terhadap Corak Agihan Dan Pembentukan Modul Agihan Zakat Di Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin Di Negeri Pantai Timur*" (Universiti Teknologi MARA (UiTM), 2006).

Mohd. Zulkifli Ab. Ghani, "*Pengagihan Zakat Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 : Kajian Terhadap Asnaf Fi Sabilillah*", (disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

Muhammad Ramzi Omar, *Zakat Menurut Empat Mazhab*, cet. 1 (Selangor: Pustaka Ilmi, 2004).

Muhammad Rizal Jalil et al., "Strategi Pembangunan Asnaf Fakir Dan Miskin Melalui Penjanaaan Semula Model Bantuan Modal Zakat", (makalah, E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya).

Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, cet. 1 (2005).

Noor Haslina Mohammad Akhir dan Ismar Liza Mahani Ismail, “*Kecekapan Pengurusan Institusi Zakat: Strategi Kearah Peningkatan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat*”, dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, (Kuala Lumpur, 2015).

‘Ubaid al-Qāsīm bin Salām, *Kitab al-Amwāl*, cet. 1 (Beirūt: Dār al-Syurūq, 1989).

Nurhikmah binti Nursyam, “Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin Di Daerah Pekanbaru, Riau: Kajian Di Badan Amil Zakat Riau Indonesia”, (disertasi, Universiti Malaya, 2005).

Nurul Hidayah Mansor, S.Salahudin Hj. Suyurno dan Norajila Che Man, “Pemeriksaan Agihan Zakat Sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam”, (makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 201, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor).

Patmawati bte Hj Ibrahim, “Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah”, (kertas kerja, Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22/5/07 – 24/5/07).

_____, “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal”, *Jurnal Syariah* 16, Bil. 2 (2008).

Prof. Madya Dato’ Dr. Hj. Hailani b. Muji Tahir, “Konsep Agihan Zakat Dan Aplikasi Semasa”, *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 3, No. 1 (2009).

Rahisam bin Ramli, “Keberkesanan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Terhadap Asnaf Fakir dan Miskin Di Negeri Sembilan”, (disertasi, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011).

Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, “Keberkesanan Bantuan Modal Zakat dari Perspektif Penerima: Kajian Kes Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan”, (makalah, PROSIDING PERKEM VI, 2011).

_____, “Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat”, *Jurnal Pengurusan* 33 (2011).

_____, dan Hairunnizam Wahid, “Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan”, (Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 0814, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi).

Sadeq Ahmad, (1991), *Economic Development in Islam*.

Sanep Ahmad, Aniza Hussin dan Rosbi Abdul Rahman, “Penilaian Keatas Keperluan Modal Minimum Untuk Pembangunan Usahawan Asnaf Daripada Bantuan Modal Zakat”, jld. 2 (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-V (PERKEM V), Negeri Sembilan, 2010).

Shafwan Bendadeh, “Bagaimana Baitul Mal Memproduktifkan Zakat”, dikemaskini 21 September 2014, dicapai 5 Oktober 2016, laman sesawang *Suara Pembaharu*, <https://suarapembaharu.wordpress.com/2014/09/21/bagaimana-baitul-mal-memproduktifkan-zakat>

Siti Fariza Muhammad Fisal, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Agihan Zakat Mangsa Banjir: Kaedah Fiqh Dan Penentuan Kadar Bantuan”, (E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015, MAIWP dengan kerjasama Universiti Malaya).

Siti Zalikha, "Pendistribusian Zakat Produktif Dalam Perspektif Islam", *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, Vol. 15, No. 2 (2016).

Unit Agihan Zakat Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), *Laporan Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Bantuan Wang Zakat Mengikut Program* (Tahun 2010 - 2015).

Uwais, Abd al-Halīm, *Mausū'ah al-Fiqh al-Islāmi al-Mu'āṣir*, cet.1, (Maṣūrah: Dār al-Wafā', 2004).

Wahbah al-Zuḥayli, *Al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuhu* (Dimashq: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 2004), 3.

Wan Nurhanini Wan Hassim, Hairunnizam Wahid, "Analisis Perubahan Pola Agihan Zakat: Kajian Kes Negeri Kelantan", (Prosiding Persidangan Ekonomi Dan Kewangan Islam Malaysia ke-3 2016, cet. 1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).

Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Fiqhu al-Zakāh*, cet. ke-2 (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1973), 1.

_____, *Musykilah al-Faqr Wa Kaifa 'Ālijaha al-Islām* (Beirūt: Mu'assasah al-Risālah, 1985).

Zahri Hamat, "Kelestarian Pengagihan Zakat Di Baitul Mal Aceh" (kertas kerja, International Seminar Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia, Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Universiti Islam Riau, 7-9 Jun 2010).

Temubual:

Dato' Mohamad Shukri bin Mohamad (Mufti Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, 2 April 2017.

Mohd Azmi bin Zakaria (Pegawai Urusan Sumber, Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)), dalam temubual dengan penulis, 10 Disember 2015 dan 5 Februari 2017.

Makalah Akhbar:

Rosdi Ab. Rahman, "Kadar Kemiskinan di Kelantan Turun", Sinar Harian, 3 Disember 2015, 11.

Internet:

"Ekonomi Dan Masyarakat Negeri-Negeri Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Dan Pahang), Laman sesawang Academia, tarikh capaian: 25 Jan 2017, 4, https://www.academia.edu/19849866/EKONOMI_DAN_MASYARAKAT_NEGERINEGERI_PANTAI_TIMUR_KELANTAN_TERENGGANU_DAN_PAHANG.

"Kg. Tradisional Jabatan Kerajaan Tempatan (KPKT)", Laman sesawang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan, <http://ejkt.kpkt.gov.my/kgtrad/ekonomi.php>

Al-Fanjāri, Muhammad Shauqi, "al-Islām wa al-Tawāzun al-Iqtisādi baina al-Afrād wa al-Duwal", (2010), 1:39, laman sesawang *Wizārāt al-Auqāf*, <http://www.shamela.ws>

Dewan Bahasa dan Pustaka, laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*,

dicapai 5 Oktober 2016, <http://prpm.dbp.gov.my/>

Enakmen 4 Tahun 1994 Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (Seksyen 7(1)), <http://www.emaik.my/portal/index.php/ms/profil/dokumentasi/enakmen-maik.html>

Enakmen MAIK Tahun 1994 (Bil. 4/1984, sek. 7(3)(a)(b) dan (c)), dicapai 25 November 2016, laman sesawang *e-MAIK*, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/dokumentasi/enakmen-maik.html>

Insanulilbab, laman sesawang *insanulilbab*, dicapai 5 Oktober 2016, <http://insanulilbab.wordpress.com/2013/03/12/zakat-produktifdalampektif-Islam>

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, laman sesawang *Kg. Tradisional Jabatan Kerajaan Tempatan*, dicapai 20 April 2015, <http://ejkt.kpkt.gov.my/kgtrad/ekonomi.php>

Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 23 Julai 2017, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/>

laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 24 November 2015, <http://www.e-maik.my/v2/index.php/perkhidmatan/baitulmal-dan-wakaf/agihan-zakat.html>

Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 24 November 2016, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/mengenai-kami/objektif-strategi-visi-misi-moto>

Laman sesawang *e-MAIK*, dicapai 4 Januari 2017, <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/pengurusan-baitulmal>

Laman sesawang Gelombang Wangsa Maju, dikemaskini 23 Februari 2012, <http://mediawangsamaju.blogspot.com/2012/02/nik-aziz-bingung-rm-835-juta-kutipan.html?m=1>

Laman sesawang *Halaman Riau*, dicapai 9 Februari 2015, [http://www.haluanriaupress.com/index.php?option=com_content&view=article &id=4804:zakat-produktif-kuatkan-ekonomi-rakyat-&catid=75:halaman-17&Itemid=85](http://www.haluanriaupress.com/index.php?option=com_content&view=article&id=4804:zakat-produktif-kuatkan-ekonomi-rakyat-&catid=75:halaman-17&Itemid=85)

Laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Kelantan, tarikh dicapai 17 Ogos 2016, tarikh kemaskini 29 Julai 2015, <http://mufti.kelantan.gov.my/v2/index.php/ms/perkhidmatan/fatwa/koleksi-fatwa/74-fatwa-mengenai-projek-ekonomi-dengan-pendapatan-wang-zakat>

Laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, kemaskini: 11 Mei 2015, tarikh capaian: 23 Jan 2017, <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/info-terkini/19463-unjuran-populasi-penduduk-2015.html>.

Laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, tarikh capaian: 30 Jan 2016, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=RU84WGQxYkVPeVpodUZtTkpPdnBmZz09#

Laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, tarikh capaian: 30 Jan 2016, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=RU84WGQxYkVPeVpodUZtTkpPdnBmZz09#

Nurul Ilyana Muhd. Adnan, “Kredit Mikro Dan Pembiayaan Daripada Dana Zakat Di Kelantan: Satu Cadangan Penyelidikan”, laman sesawang *ISDEV-INGRAW10*, dikemaskini 21-22 September 2010, dicapai 17 Februari 2017, <https://isdevingraw10.wordpress.com/abstract/>

Rosbi Abd Rahman dan Sanep Ahmad, “*Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqāṣid al-Syarī‘ah*” (2010), 449, laman sesawang <http://documents.tips/documents/keberkesanan-agihan-zakat.html>

Wahbah al-Zuḥayli, *Mawsū‘ah al-Fiqh al-Islāmiy Wa al-Qadāya al-Mu‘āṣirah*, cet. 1 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2010), 2

Yusri bin Mohamad Ramli, “Mempertingkatkan Peranan Institusi Zakat”, *Xinnira Lubayna*, dikemaskini 11 Julai 2009, disemak 17 Februari 2017, <http://xinniralubayna.blogspot.com/2009/07/mempertingkatkan-peranan-institusi-zakat.html?m=1>

Zahri Hamat, “Kriteria Maṣlaḥah Dalam Maqāṣid Syarī‘ah”, laman sesawang *Zahri Hamat*, dicapai 23 Oktober 2015, <http://zahri1.rssing.com/channel/6212586/latest.php>